

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 3**

**Selasa**

**14 April 2015**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL:**

- Menjunjung Kasih Titah  
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
- *YB Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah* (Halaman 28)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Selasa, 14 April 2015**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Yahaya bin Mat Ghani** minta Menteri Kewangan menyatakan, nama semua syarikat yang mana 1MDB telah melabur menggunakan dana yang dianggarkan USD\$2.3 bilion yang disimpan di Pulau Cayman bagi tempoh kewangan 1 Januari 2010 hingga 30 September 2014. Apakah jaminan kerajaan ia bakal memulangkan hasil kepada negara.

**Menteri Kewangan II [Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani, bersama dengan tiga pertanyaan lain pada hari ini iaitu Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin; Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong; dan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Ada lima isu yang dibangkitkan oleh keempat-empat Ahli Senator. Pertama mengenai pelaburan di *Cayman* dilabur di dalam syarikat mana? Sebenarnya daripada segi pelaburan di *Cayman*, *Cayman* ini sebuah pulau di Caribbean, dan di situlah wujudnya yang dipanggil sebagai *Cayman Monetary Authority*.

Bermakna, mana-mana syarikat yang melabur, yang dikatakan *Cayman* itu sebenarnya dia adalah berdaftar dengan *Cayman Monetary Authority*. Bermakna di bawah seliaan, pelaburan itu di bawah *Cayman Monetary Authority*, dan ia dilabur oleh 100 lebih syarikat *Fund Manager*, *Investment Managers* itu salah satu daripadanya, dan cara ini telah digunakan oleh 1MDB. Wang itu sebenarnya dilabur di pasaran dunia di merata tempat yang boleh bagi pulangan yang baik, bukannya sebenarnya terletak di *Cayman*- ia sebuah pulau yang kecil, tidak ada syarikat perniagaan yang besar-besar di situ.

Kedua, isu mengenai dengan membawa balik wang tersebut. Ini dilaksanakan dalam dua buah pakej. Satu telah dibawa balik pada akhir tahun lalu, yang mana digunakan untuk membayar hutang, *interest* dan sebagainya, dan sebahagian lagi masih disimpan di Singapura- yang ini akan digunakan untuk membayar hutang dalam beberapa bulan ini dalam bentuk USD.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keuntungan kita peroleh daripada *Cayman Investment* adalah sebanyak USD329 juta iaitu bersamaan dengan RM1.085 bilion. Ini telah digunakan untuk membayar hutang dan juga *interest* kepada hutang-hutang tersebut. Nanti saya bincang macam mana struktur 1MDB ini.

Soalan daripada Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, beliau mahu tahu keuntungan yang diperolehi oleh 1MDB. Jadi, di sini saya bagi statistik. Pada *year end*, dengan izin, 1MDB adalah pada 31 Mac pada setiap tahun. Pada tahun 2010 keuntungannya RM424.6 juta; pada tahun 2011 – RM544.3 juta; pada tahun 2012 – RM44.7 juta; pada tahun 2013 – RM778.2 juta; pada tahun lalu Mac 2014 – RM31.24 juta; dan kerugian RM665.4 juta. Saya ingin jelaskan di sini.

Kemudian soalan yang kedua beliau bangkitkan tentang langkah-langkah masa depan. Saya ingin jelaskan di sini, 1MDB ini ada dua perkara penting. Satu daripada segi pelaburan. Adakah pelaburan itu satu yang *liable*, dengan izin. Pelaburan ini dalam bidang *energy*, tenaga yang begitu besar. Kalau di Malaysia di beberapa IPP, 1MDB memiliki yang kedua terbesar di Malaysia, di Bangladesh yang terbesar di Bangladesh. Di Mesir yang terbesar di Mesir. Ia ada dalam beberapa buah negara.

Kemudian tanah kita ada dua yang sedang dibangunkan. Satu, TRX yang mempunyai *gross development value*, dengan izin RM40 bilion dan di bandar Malaysia lebih kurang RM200 bilion *gross development value*. Kemudian ada 3B, projek yang telah mereka dapat daripada segi tender. Kemudian tanah- ada dua buah tanah. Jadi, itu satu. Yang mana daripada segi operasi 1MDB sebuah badan yang *liable*.

Permasalahan 1MDB ini adalah daripada segi struktur kewangan dia. Struktur kewangan dia begitu bergantung pada hutang. Bermakna ekuitinya tidak besar. Kalau kita berteraskan kepada hutang, dengan ekuitinya bermakna *gearingnya* 17 kali. Memang, *it is not sustainable*.

#### ■1010

Itu sebab dia berhadapan dengan persoalan bagaimana hendak bayar hutang dan sebagainya. Jadi permasalahan 1MDB sekarang ini ialah *short term cash flow*. *Short term cash flow* ini dia perlu membayar hutang dan juga faedah daripada pinjaman tersebut. Jalan keluarnya 1MDB dalam proses untuk menerbitkan IPO makna bila kita ada IPO dia akan menambahkan ekuiti jadi jurang yang *gearing* ini jadi kurang. Saya ambil contoh sekarang ini, kalau kita lihat daripada segi saya kata tadi kita rugi RM669 juta. Pendapatan 1MDB RM4.2 bilion. Benda ini setelah ditolak *cost of sale* tinggal RM1.3 bilion atau RM1.4 bilion kemudian ada *judgment* daripada pendapatan lain dan kos lain. Disebabkan kepada kos kewangan ini perlu dibayar sebanyak RM2.4 bilion, itu yang buat dia kerugian. Jadi itu yang kita hendak buat IPO, kita yakin *in shaa-Allah* selepas IPO tersebut dan beberapa inisiatif yang diambil, ada tanah-tanah Pulau Pinang dan sebuah pulau kita ingat hendak jual. Ada sebahagian daripada ERX pun sudah ada minat untuk mereka hendak bina sendiri bangunan begitu juga bandar Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Boon Som A/L Inong menyentuh tentang audit. Pada peringkat ini pihak Ketua Audit Negara telah mula pengauditan, kumpul maklumat dan sedang kumpul dokumen, sedang

membuat audit tersebut. Kita telah beritahu kepada Ketua Audit Negara supaya buat audit secara komprehensif.

Kemudian persoalan daripada Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad tanya, adakah selepas daripada Laporan Ketua Audit Negara itu selesai maknanya kita boleh meyakinkan rakyat kita tentang tohmahan-tohmahan.

Jawapannya saya bagi macam ini Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat secara positif, 1MDB ini telah melalui proses audit. KPMG antara empat buah firma audit terbesar di dunia lepas itu kita pindah pada Deloitte adalah terbesar di dunia. Mereka telah memberi *clean statement*. Malah daripada segi Deloitte *statement* dia, dengan izin, "*In our opinion the financial statement give a thru and fair view at all the financial position of the group and all the companies has of 31st March 2014, and off their financial performance and cash flows for the year then, and in an accordance with Malaysian financial reporting standard, international financial reporting standard, and the requirement of Companies Act 1965 in Malaysia.*"

Kalau kita lihat secara rasional, sebuah firma terbesar di dunia tidak akan dia hendak berbohong. Jadi pihak Kabinet telah memanggil, dan kita *scrutinize one-by-one*, dan kita pula minta pula 1MDB buat *presentation*. Dari situ sepatutnya pihak Kabinet sudah berpuas hati tetapi oleh sebab kita mahu kerana kita dengar suara-suara, kita mahu supaya biarlah kita lebih *transparent*. Itu sebabnya kita minta Ketua Audit Negara, dan selepas itu pergi kepada *Public Account Committee* kerana *Public Account Committee* ini mengandungi ahli-ahli daripada Barisan Nasional dan juga daripada pembangkang, *let them discuss*. Kalau setiap kali kita lihat daripada segi inisiatif diambil oleh kerajaan di situ kita nampak macam mana proaktifnya. Kemudian kita bawa pula kepada Ketua Audit Negara dan PAC. Saya yakin *in shaa-Allah* perkara ini boleh kita selesaikan.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih juga kerana hari ini Yang Berhormat Menteri sendiri yang datang memberi jawapan. Soalan tambahan saya sebenarnya kekeliruan ini kita daripada segi kerajaan dan pimpinan Barisan Nasional dan UMNO rasanya sudah faham. Akan tetapi yang buat heboh ini yang buat kecoh ini pihak-pihak, puak-puak sebelah sana. 1MDB berada dalam sasaran kritikan ketika ini. Apakah tindakan serta langkah-langkah yang telah dan bakal kerajaan laksanakan bagi memastikan isu ini tidak berpanjangan? Supaya ia tidak lagi menjadi spekulasi yang berterusan yang dicituskan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan akhirnya boleh menambahkan keresahan rakyat di bawah. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator tadi. Bermakna isu ini diwujudkan berasaskan persepsi oleh golongan tertentu. Kita lihat media umpamanya, media tertentu telah main isu ini dia letak Jolo situ dapat RM700 juta dan sebagainya yang tidak ada dalam Laporan Ketua Audit Negara malah dalam laporan Deloitte dan juga KPMG. Malah saya terangkan bahawa pihak PetroSaudi sendiri duit ini asalnya daripada 1MDB dengan PetroSaudi dia buat *joint venture*. Jadi PetroSaudi Holding *company* dia letak asetnya dalam bentuk dengan izin, *all expression* punya projek di situ, itu 60%. Makna 1MDB nanti

masuk dia ambil 40%. Jadi PetroSaudi *International* bagi pinjaman, bagi pinjaman USD700 kepada syarikat ini supaya kerja *exploration* itu berterusan.

Bila 1MDB masuk USD1 bilion pelaburan dia kemudian RM700 juta ini dibayar balik diarah oleh PetroSaudi bayar pada *Bootstrap*. Jadi isu di sini Bootstrap ini dikatakan dimiliki oleh Jolo dan PetroSaudi telah pun membuat laporan polis di London bahawa semua tulisan tersebut tidak betul. Itu sebab daripada segi saya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menjawab secara spesifik kerana saya berpegang kepada Artikel 23(1), *Standing Order*, tiap-tiap pertanyaan itu hendaklah menepati peraturan-peraturan tersebut di bawah ini. 23(1)(i) satu perjanjian itu tidak boleh dikeluarkan berkenaan dengan betul atau tidak penerangan-penerangan dalam surat khabar atau penerangan-penerangan yang dikeluarkan oleh seorang bagi dirinya sendiri atau penerangan badan-badan kewangan.

Saya hairan Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan apa Yang Berhormat nyatakan. Bila kita lihat dalam laporan akhbar umpamanya biasa kalau bercakap tentang syarikat dia akan cakap tentang *profit and lost*, dengan izin, dan *balance sheet*. Ini tidak ada langsung ceritakan yang pelaburan dalam PetroSaudi telah menjana keuntungan sebanyak USD487 juta bersamaan dengan RM1.494 bilion. Ini tidak diterangkan makna pelaburan diletakkan itu telah membawa balik keuntungan yang begitu besar. Ia langsung tidak diceritakan tentang...

Jadi saya yakin sebenarnya bukan semua rakyat kita terpengaruh. Apa yang akan dilakukan oleh kerajaan nombor satu kita sedang usaha daripada segi saya kata tadi *the financial structure* tadi. Kita tidak *matching* yang ini kita akan hantar sekali dengan IPO dan juga aset-aset tertentu kita *monetize* dan kemudian kita teruskan memberi penjelasan kepada pemimpin-pemimpin. Saya percaya pemimpin akan membantu kerajaan. Kita tidak boleh bergerak dalam sebuah negara, *is too politicking, very emotional*. *We have to create the matured society*, dengan izin, yang teras perbincangan adalah *rationality* dan juga fakta.

**Dato' Boon Som A/L Inong:** [Bangun]

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, sehubungan dengan 1MDB ini juga Yang Berhormat bukan sahaja media-media di Malaysia khususnya di sebelah pembangkang yang memainkan isu ini tetapi juga media-media di luar negara. Hari ini keluar dalam *Myanmar Times*, *Washington Post* dan di Singapura hinggakan ada video-video yang diedarkan yang menyatakan bahawa di Malaysia ini sebuah negara yang mengamalkan rasuah.

■1020

Apakah peranan yang dimainkan oleh Kementerian Kewangan dalam mengatasi media-media ini kerana kita akan menghadapi ASEAN. Kita selaku *chairman* ASEAN dan tentu sekali perkara ini akan juga memalukan kita khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau kita baca *Myanmar Times* pada hari ini memang sakit hati betul dengan dibangkitkan anak-anak dan isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bukan mudah kita hendak mempengaruhi akhbar luar yang nak menulis positif tentang negara kita kerana kita tahu proses *networking* di dunia politik ini begitu canggih. Akan tetapi apa yang kita buat, saya percaya isu-isu yang dibangkitkan ini, dia akan terhapus begitu apabila pertama, kita kena terima bahawa 1MDB ada *fragility* dalam konteks isu *cash flow*, yang ini kita akan selesaikan. Kita sudah buat *cash flow* jangka panjang, macam mana kita hendak buat penyelesaian.

Saya percaya bila kita telah buat IPO dan kita juga telah selesaikan langkah-langkah inisiatif untuk kita kembalikan 1MDB kepada *viability* yang tinggi. Saya percaya isu-isu ini akan selesai macam kita ambil masa krisis ekonomi 1990an dahulu. Bila kita buat *financial control*, satu dunia mengkritik kita. Kemudian dalam pada itu, negara Malaysia adalah negara sebenarnya yang berjaya kita buat bukan *financial* tetapi *capital control*, akhirnya kita berjaya.

Bila kita berjaya, kita pergi mana dalam dunia, pergi dalam persidangan dunia, mereka membangkitkan Malaysia sebuah negara yang bijak melaksanakan. Saya percaya bila 1MDB ini telah selesai *short term cash flow*, dia akan jadi positif. Akhbar-akhbar yang tulis negatif tentang kita, saya percaya mereka akan menyesal nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab Menteri dia sendiri yang menjawab, saya benarkan satu lagi soalan tambahan. Yang Berhormat Puan Norliza.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Menteri yang menjawab dengan begitu jelas sekali sebab saya rasa isu 1MDB ini sangat hangat diperkatakan di peringkat akar umbi. Jadi kita sebagai pemimpin, kita harus memberi penjelasan.

Saya hanya ingin menambah sedikit tadi soalan sebab saya difahamkan salah satu tanah yang dibeli adalah di Pulau Pinang di mana negeri saya dan saya difahamkan tanah ini agak berbukit dan tidak boleh dimajukan. Jadi saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan, sewaktu 1MDB membuat keputusan ini, adakah satu jawatankuasa untuk mengkaji perkara ini?

Jadi adakah kerajaan bercadang untuk meletak wakil daripada Kementerian Kewangan untuk berada dalam *Board of Director* 1MDB untuk memastikan keputusan yang diambil ini adalah lebih terurus. Saya rasa sebagaimana yang Menteri jawab tadi, cara penyelesaian jangka pendek itu harus kita maklumkan kepada rakyat sebab saya rasa ini penting untuk menghilangkan rasa keresahan di kalangan rakyat mengenai hutang 1MDB. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, tanah dipanggil Air Hitam Estate seluas 234 ekar, tanah ini dibeli atas falsafah Kerajaan Persekutuan. Falsafahnya rakyat didahulukan. Kita nampak dalam pembangunan di Pulau Pinang, penekanan sekarang kepada perumahan harga tinggi dan orang yang harga rendah tidak mampu. Kita dapati ramai dah dari Pulau Pinang itu sudah mula *migrate* ke Semenanjung pasal kos rumah begitu tinggi. Seseengah itu ada rumah beli RM100 ribu ditawarkan beli sampai lebih tinggi, mereka jual.

Jadi atas hasrat itulah 1MDB beli tanah tersebut supaya ada agensi daripada kerajaan yang buat *low and medium cost* ini untuk memenuhi permintaan itu. Akan tetapi tanah ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ada permasalahan. Dia ada *squatters* dan ini perkara yang sukar. Jadi dia ada beberapa *puzzle* tanah itu, ada yang pemilik itu dia kaveat. Jadi apa yang kita buat sekarang ini ialah kita sedang runding. Kita runding dan yang kaveat itu kita letak satu tempat dan kemudian hasrat kita, kita jual sahajalah tanah tersebut. Kita telah bayar RM1 bilion, harganya RM1.3 bilion tetapi pasal ada kaveat itu, kita bayar RM1 bilion. Jadi kita akan jual tanah. Malahan kos kita beli itu di bawah harga pasaran. Kemudian kita jual, *in shaa-Allah* kita sudah ada dah pihak-pihak yang berminat untuk beli tanah-tanah tersebut.

Kemudian berkenaan dengan yang nyatakan tadi, kita mesti buat pengumuman langkah-langkah kita. Saya ucap terima kasih, kita akan buat pengumuman bila tiba waktunya nanti. Biar jelas kepada rakyat bahawa 1MDB sebuah syarikat yang *viability* tinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dengan segala jawapan yang begitu komprehensif, panjang lebar berkenaan dengan 1MDB.

**2. Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah penambahbaikan yang dibuat oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri bersama-sama kerajaan-kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi atau jabatan kerajaan bagi mengurus secara efektif pengurusan bencana dan malapetaka yang melibatkan pemindahan mangsa bencana, pengurusan bekalan makanan di pusat penempatan sementara dan kemudahan-kemudahan yang berkaitan agar modul pengurusan Bencana Negara lebih cekap dan teratur.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Terima kasih kepada Senator Puan Mariany binti Mohammad Yit. Seperti mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah maklum dalam sidang Dewan Rakyat yang lalu, kerajaan melalui MKN dan beberapa buah agensi pelaksana telah melaksanakan pelbagai tindakan pengurusan bencana. Antaranya ialah seperti berikut:

- (i) meningkatkan kompetensi dan juga kemahiran kepimpinan di peringkat daerah, bahagian dan juga negeri melalui Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara;
- (ii) memastikan supaya sistem amaran awal itu lebih tepat dan berkeupayaan memberi amaran kepada semua pihak dalam masa yang lebih lama bukan notis pendek dua tiga jam dan sebagainya. Makna kata kalau kita ada notis dua tiga hari, kita dapat amaran awal yang banjir akan berlaku;
- (iii) menambah aset seperti yang sering disebutkan oleh semua pihak iaitu antara perkara yang sedang diberi perhatian sekarang ini ialah penggunaan bot kecil dan juga bot berkeupayaan tinggi. *Amphibious vehicle* serta helikopter yang berkeupayaan untuk beroperasi dalam situasi yang lebih serius. Pada masa sekarang ini, kemampuan kita kecuali satu mungkin dua, yang itu terpaksa digunakan untuk keselamatan negara. Yang lain-lainnya itu terpaksa menghadapi keadaan cuaca. Cuaca elok boleh kita terbang ataupun kita *landing*, kalau cuaca tak elok maka kita tidak boleh berbuat demikian. Saya mengalaminya sendiri di mana

kita gagal untuk mendarat di Gua Musang semasa banjir pada hari yang pertama selama tiga kali percubaan dibuat. Tiga penerbangan tidak dapat turun akhirnya kita terpaksa ikut jalan darat;

- (iv) memastikan supaya pegawai-pegawai yang ditempatkan di barisan hadapan itu, pegawai-pegawai yang mahir, yang mampu untuk menghadapi tekanan ataupun yang boleh menguruskan bencana; dan
- (v) beri kesedaran kepada awam bahawa bila banjir akan berlaku, kita pindah. Masalah besar di Malaysia sekarang ini, kita sering menyebut negara itu maju, negara ini maju dan dengan itu kita pun hendak kemajuan seperti negara itu. Contohnya kita hendak khemah, kita hendak *partition* dan sebagainya seperti yang berlaku di negeri maju tetapi kita sendiri tidak maju daripada segi pemikiran sama seperti negeri tersebut. Contohnya di Jepun, bila banjir akan berlaku, semua orang sudah pindah dah. Bila mereka berpindah, mereka duduklah di tempat-tempat penempatan perpindahan dengan ada kemudahan yang telah disebutkan tadi. Akan tetapi di Malaysia, bila banjir berlaku baru pindah. Akhirnya di Malaysia, bila banjir berlaku, pelbagai jenis kenderaan air penuh di pelbagai tempat di sungai ataupun di taman.

#### ■1030

Akan tetapi di negara maju bila banjir berlaku, kita jarang nampak bot sebab mereka sudah pun pindah dan mereka telah pindahkan kenderaan juga. Kenderaan kita, kita tidak pindahkan, akhirnya kenderaan rosak kerana banjir dan sebagainya sebab pada pandangan orang awam bahawa banjir ini tidak pernah berlaku, jadi tidak mungkin boleh berlaku. Bila air naik sampai ke lutut, dia kata air takat ini saja boleh naik, tak mungkin air boleh naik lagi. Tiba-tiba bukan sahaja air naik tetapi air naik dengan jarak yang cepat, dalam masa dua tiga jam, air sudah sampai ke paras pinggang. Masa itulah keadaan panik berlaku dan masa itulah kita kata mana bot, mana MKN? Jadi kita tidak fikir lagi dah, yang kita fikir ialah bot, kalau tidak ada bot, maka orang salah.

Kemudian yang kelimanya ialah kita hendak pastikan supaya dalam jangka sederhana dan jangka panjang, tebatan banjir itu diperbaiki tetapi benda yang besar yang harus ditengok oleh semua pihak bahawa sumber kepada banjir itu, sumber air itu. Contohnya sumber air bagi Kelantan, Terengganu dan Pahang, gunung ini ialah sumber air bila hujan turun, ia akan hantar air ke Terengganu, Kelantan dan Pahang. Hujan lebat yang berlaku baru-baru ini menyebabkan air telah meningkat di kawasan tanah lembah terutamanya di Kelantan. Dalam masa yang sama, hujan lebat di tanah tinggi telah mengalirkan air. Ia bukan sahaja mengalirkan air, ia juga mengalirkan lumpur, akhirnya berlakulah banjir dan banjir lumpur di Kelantan iaitu memulihkan hutan.

Pemulihan hutan ini kurang disebutkan sangat dan saya pun hairan kenapa semua pihak sensitif. Saya sebut saja hutan, ramai orang hendak melompat, bersilat dan sebagainya. Hutan kawasan yang boleh menahan air supaya jangan bergerak laju. Kalau sekiranya tidak ada hutan, ia akan bergerak laju. Air dalam hutan boleh memperlambatkan pergerakan air. Ini cukup penting untuk membolehkan

perseimbangan berlaku di peringkat pembangunan di bawah dan juga memastikan air di atas ditahan. Kemudian, kita juga boleh membina empangan. Kalau kita bina empangan, mungkin air itu boleh bertahan di sana.

Jadi pada banjir yang pertama di abad ini, yang besar ialah yang berlaku pada tahun 2013. Banjir besar ini berlaku di Dungun dan juga Kemaman di Terengganu serta di Pahang ialah Kuantan yang paling teruk di mana pemindahan yang kita jangka 5,000 itu jadi 30,000. Bila kita bagi bantuan, naik sampai 38,000 ataupun 40,000. Jadi banjir berlaku besar di Kuantan dan juga termasuklah di tempat-tempat lain iaitu di Pekan sebab Pekan ini ialah kawasan yang terakhir. Kalau tempat lain banjir, ia akan banjir juga sebab air akan datang ke sana dan banjir akan menjadi lebih teruk sekiranya air pasang di Pekan. Jadi bila banjir besar berlaku di Kemaman, di Dungun dan juga di Kuantan, jawatankuasa barisan hadapan tergamam ataupun bahasa utaranya terkapar-kapar, bahasa modennya terkejut bahawa banjir datang dengan begitu mendadak dan barisan hadapan, jawatankuasa kita yang menguruskan banjir itu terpaksa menampung perpindahan luar biasa.

Contohnya kebanyakan sekolah kita boleh muat 1,000 ke-2,000 orang tetapi banyak sekolah yang terpaksa menampung antara 5,000 ke-6,000 orang. Semasa Parlimen ini bersidang pada tahun 2013, saya masih ingat bahawa kita minta Parlimen itu dihabiskan lebih awal walaupun ada sesetengah pihak cuba hendak melambat-lambatkan tetapi kita berjaya pergi ke sana dan menyelaraskan banjir. Jadi maknanya banjir di Kuantan itu, pada hari yang kedua semuanya *settle*.

Kemudian, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengadakan mesyuarat pada 3 Januari 2014 dan memperhatikan balik bagaimana urusan bencana yang disebut SOP oleh semua pihak itu dapat diperbaiki. Kita telah pun bermesyuarat dan selepas itu saya sendiri sebagai menteri yang menjaga bantuan bencana ini mengadakan mesyuarat sebanyak tiga kali pada tahun 2014. Yang terakhir ialah kita buat pada bulan November dan banjir berlaku pada Disember. Maknanya dua minggu selepas kita mengadakan mesyuarat, banjir besar berlaku. Mesyuarat itu khusus memberi perhatian kepada banjir yang ekstrem dan tiba-tiba banjir berlaku dan banjir berlaku di tempat yang sama, di Kemaman dan di Dungun.

Oleh sebab persediaan telah dibuat iaitu barisan hadapan itu dimantapkan, akhirnya Dungun dan Kemaman dapat menghadapinya dengan baik, tidak ada masalah. Malah pusat perpindahan, mereka sediakan untuk semua sekali, untuk 40,000 orang. Jadi yang pindah sebagai contohnya 30,000, sudah pasti mereka dapat menampung tempat tersebut dengan baik. Logistiknya yang ada di semua agensi dan juga pejabat daerah itu dikeluarkan. Jadi semua perpindahan dapat berjalan dengan elok walaupun rakyat Malaysia masih lagi mahu berpindah masa banjir tetapi lengkap dan di tempat perpindahan makanan telah disediakan dengan baik sehinggalah terkeluarlah perkataan daripada mulut mangsa bahawa mereka hendak tinggal lama sikit di tempat itu.

Kemudian di Kuantan, banjir besar juga berlaku, luar biasa juga berlaku. Kita dapat uruskan dengan baik dan banjir luar biasa juga berlaku dengan cara tidak disangka iaitu di Lipis, di Temerloh, di Bera, di Pekan dan sedikit di Rompin dan di Maran. Saya kena ingat itu, Lipis, Bera, Temerloh, Maran,

lepas itu turun ke Pekan. Maran dan semua tempat ini luar biasa berlaku tetapi barisan hadapan yang hebat, maka dapat hadapi dengan baik.

Barisan hadapan ini, siapakah barisan hadapan? Barisan peringkat Persekutuan, menteri jadi pengerusi, peringkat negeri, setiausaha kerajaan, peringkat daerah, pegawai daerah. Akan tetapi bagi negeri-negeri yang saya sebutkan tadi, Menteri macam contohnya di Maran, Timbalan Menteri sendiri berada di barisan hadapan dengan wakil-wakil rakyatnya. Jadi membantu jawatankuasa barisan hadapan, luar biasa. Mereka bertungkus-lumus siang malam untuk mengendalikannya. Malah mereka ada bot, mereka bawa bot untuk memindahkan orang. Demikian juga di Kemaman, menteri sendiri. Di Dungun, Menteri Besar sendiri. Di Terengganu. Demikian juga di Kuantan, Menteri Besar sendiri.

Kemudian tiba-tiba banjir yang biasa dan luar biasa juga berlaku di Perak. Banjir di Perak ini bukan sebarang banjir, ia meruntuhkan jambatan di Sungai Perak tetapi oleh sebab barisan hadapannya dapat menguruskannya dengan baik iaitu pegawai daerah dan pejabat daerah, maka ia menjadi baik. Di Kelantan, kita ada jawatankuasa peringkat negeri dan juga ada jawatankuasa peringkat daerah. Jawatankuasa peringkat daerah tidak menjangkakan bahawa banjir ini luar biasa. Jadi mereka tidak dapat menghadapinya dengan baik. Akhirnya kita menubuhkan jawatankuasa bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri iaitu Menteri Perdagangan dan juga Menteri Besar. Hari yang kedua, semuanya *settle*.

Saya sendiri memindahkan pejabat saya pergi ke Kelantan selama 44 hari dan kita dapat uruskan Kelantan dengan baik. Cuma kadang-kadang ini, masalah besar yang berlaku tentang banjir ini satu cerita, ia menggambarkan semua, tidak betul itu. Satu cerita yang katakan bot tidak sampai tiga jam, seolah-olahnya seluruh kawasan itu bot tidak sampai tiga jam. Orang yang berpindah di Tanah Merah ada 50,000. Jadi kalau ada orang kata, bot lambat mari, adakah itu banjir di Tanah Merah sebagai contoh. Memang jawatankuasa di peringkat hadapan menghadapi masalah sedikit kerana mereka tidak menjangkakan banjir berlaku luar biasa. Padahal Kelantan ini, banjir berlaku tiap-tiap tahun malah ada pula pesta banjir di Kelantan.

Jadi selepas itu, selepas banjir berlaku kita akan pindahkan orang di tempat perpindahan, kita uruskan makan minum mereka dan selepas itu diisytiharkanlah kerosakan-kerosakan yang luar biasa yang berlaku yang tidak pernah kita dengar di mana kita jangkakan lebih kurang RM2.6 bilion kerugian telah berlaku. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan tidak pernah kita buat benda ini, dengan nyata dan jelas mengisytiharkan bahawa rumah yang rosak semasa banjir digantikan dengan rumah baru. Rumah yang musnah, digantikan dengan rumah baru, rumah yang rosak, diperbaiki dan infrastruktur diperbaiki. Itu sebab kerajaan pada peringkat awal telah mengumumkan RM800 juta untuk memperbaiki infrastruktur sekolah dan sebagainya.

#### ■1040

Semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Sekolah Kebangsaan Dabong, Yang Amat Berhormat telah memaklumkan bahawa dua buah blok bangunan sekolah itu akan dibuat baru dan Yang Amat Berhormat juga telah meluluskan RM1 juta untuk buat dewan kerana di situ tidak ada dewan.

Kita terpaksa berjumpa di kantin, kantin pula rosak. Jadi, terpaksa duduk bawah khemah pada hari tersebut. Jadi kita lihat- Ini sebab tidak termasuk dalam soalan-soalan, soalan nombor 62 tetapi saya sebut sekali bahawa selepas banjir, kerajaan uruskan mangsa banjir.

Saya hendak beritahu apabila kerajaan kata hendak membina rumah baru, kita kena ingat bahawa rumah yang rosak itu pelbagai. Sesetengahnya rumah yang mahal, dibuat dengan mahal, beratus ribu rosak. Akan tetapi ada setengahnya yang dibuat rumah kotak juga rosak, tetapi mereka mendapat rumah yang digantikan dengan nilai di antara RM48,000 sehingga RM60,000. Kerajaan juga telah isytihar bahawa kalau kita gagal juga untuk mendapatkan tanah, kerajaan tidak ada pilihan untuk membeli tanah dan sebagainya. Jadi kalau kita lihat secara keseluruhannya, banjir telah diurus dengan baik dan saya telah meminta MKN supaya order tambah, meningkatkan lagi logistik iaitu bot kecil untuk pengangkutan di taman bagi membolehkan kita edar di pejabat daerah. Ini juga telah dibuat dan sedang dilakukan sementara aset yang lain yang saya sebut, kita tengah berunding untuk mendapatkannya.

Apabila kita umum itu, saya hendak beritahu Ahli Yang Berhormat bahawa benda itu tidak berlaku serta-merta seperti rumah PR1MA. Orang menekan saya bila hendak siap, bila hendak siap. Baru kita hendak mula, hendak buat rumah dua tahun, buat pangsapuri tiga tahun. Itulah kedudukannya. Kalau hendak buat bot, selekeh-lekeh bot kecil kita boleh siap dalam masa sebulan. Membeli enjin dan sebagainya tiada masalah. Jadi daripada segi pembelian aset bot kecil ini, kita dapat lakukan dengan cepat dan juga dengan baik.

Saya harap bencana yang berlaku di seluruh negara sekarang ini, kalau kita lihat elok-elok bahawa barisan hadapan, pegawai daerah mesti orang yang mampu untuk menghadapi tekanan dan dapat menguruskan banjir itu dengan sebaiknya. Oleh sebab kalau aset kerajaan sebagai contoh di sebuah daerah, aset kerajaan cuma 20 biji bot besar tetapi aset NGO, orang ramai ada dekat 100 biji. Tugas pegawai daerah menguruskan supaya semua bot yang 100 biji, termasuk bot persatuan nelayan hendaklah diambil dan digunakan untuk mengangkut mangsa banjir. Kita akan bayar semua bot ini, bukan kita minta percuma. Saya telah uruskan bersama dengan pegawai daerah di mana di sebuah kawasan, bot 100 biji itu kita telah tempah untuk dua hari dan mereka seronok bagi secara percuma. Hanya mereka minta duit minyak sahaja sebab pada masa itu minyak tidak ada dan mereka seronok untuk menolong.

Jadi kita lihat banjir besar yang berlaku baru-baru ini dapat kita kurangkan kerosakan, kehilangan nyawa dan sebagainya dengan pertolongan agensi kerajaan dan juga NGO. NGO yang muncul pada masa banjir yang lepas, bagi saya adalah luar biasa dan saya telah isytiharkan bahawa semua NGO yang tidak berdaftar akan didaftarkan di bawah MKN supaya apabila berlaku bencana di masa akan datang, mereka boleh dipanggil untuk menyertai bersama. Terima kasih.

**Puan Hajah Mariyam binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya mengucapkan terima kasih atas satu jawapan yang jelas, panjang dan lebar. Syabas juga ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri yang telah mengetuai pasukan Majlis Keselamatan Negara yang telah

menjalankan tugas dengan cemerlang, cekap dan penuh dengan komitmen semasa bencana banjir baru-baru ini.

Namun demikian, Kerajaan Persekutuan dicerca kerana gagal mengumumkan darurat bencana seperti kejadian jerebu yang melanda negara kita beberapa tahun yang lalu. Pada pandangan saya, ini adalah kerana kurangnya pengetahuan rakyat tentang dengan izin, *Emergency Response Plan (ERP)* iaitu kurangnya pemberitahuan awam dan juga latihan. Dril yang sepatutnya dilakukan sewaktu tenang sebelum keadaan banjir melanda, itu untuk bencana banjir. Lanjutan dari itu, soalan saya ialah bagaimanakah tahap keseriusan bencana yang bukan hanya banjir, tetapi bencana lain yang melibatkan ERP juga apabila sesuatu malapetaka berlaku contohnya kemalangan besar di bawah Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (*The Control of Industrial Major Accident Hazards Regulations*, 1996. Contohnya yang berlaku di Kompleks Bersepadu Industri Petroleum di Kerteh dan Paka, loji jana kuasa elektrik dan kilang-kilang kimia ataupun *palm oil mills*. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, semua senarai bencana yang dijangka – Semua senarai bencana itu telah termasuk dalam Arahan MKN No. 20 yang kita lihat itu disebut bencana kebakaran, bencana industri dan semua. Dalam bencana itu, semua telah ditetapkan jawatankuasa yang menguruskannya. Jadi kita tahu bahawa apabila berlaku sesuatu bencana, kita laksanakan tugas kita dahulu iaitu untuk mencari dan menyelamatkan dan selepas itu baru kita isytiharkan.

Akan tetapi kita tahu bahawa dunia sekarang ini, pemberita-pemberita tambahan dalam media sosial ini, dia isytihar dulu. Sambil kita tolong orang itu, dia sudah ambil gambar sudah. Sebagai contoh yang berlaku di kawasan meteorologi Kuala Krai. Dia ambil gambar orang-orang sedang terperangkap, tidak ada makan minum selama tiga hari tiga malam. Padahal banjir baru berlaku dua hari, dia sudah tiga hari sudah. Selepas itu dia ambil gambar dan hantar. Semua orang kata kesian.

Saya sampai sebenarnya pada hari yang kedua dan saya tanya, mana dia orang meteorologi yang sedang ini- mereka sedang masak seekor lembu di situ. Saya tanya mana dia orang yang terperangkap? Dia kata, kami yang terperangkap. Kami ada perumahan di bawah situ. Kami ini semua anggota polis Dato'. Ini semua ini keluarga polis ini dia kata. Kami memanglah, kami duduk di kawasan meteorologi tetapi kami ini ialah anggota polis dan ketua kami ialah OCPD Kuala Krai. Jadi, mana mungkin OCPD Kuala Krai membiarkan anak buahnya demikian rupa sebab kemudahan logistik yang terbesar di kalangan agensi ialah polis sendiri. Jadi kami katalah gambar ini tersebar, kami dapat maklumat gambar tersebar Dato' tetapi kami hendak menjawab balik tidak boleh sebab tidak ada komunikasi.

Jadi saya terpaksa pergi ke Kota Bharu untuk menjawab balik bahawa benda itu tidak betul. Akan tetapi orang kata tidak, saya bohong, yang mereka betul. Itu cerita sekarang ini, mereka kata mereka betul, kita bohong kerana mereka sudah siarkan benda itu dan sebagainya. Jadi saya terpaksa membuat jawapan yang kedua, apakah daya saya sebab Allah buat syurga dan neraka. Kalau kita membuat pilihan neraka, jawab dan pertahankanlah itu. Akan tetapi kalau hendak pilih syurga, ikut yang saya kata bahawa mereka ini di antara orang yang dapat layanan yang paling baik kerana dapat sumber makanan yang

terbaik yang saya tidak payah maklum tetapi mereka boleh kata selang sehari ada masakan daging dan sebagainya.

Jadi sekarang ini untuk membolehkan semua ini dibuat dengan baik, barisan hadapan kena dibuat simulasi dan juga kursus. Ini sedang berjalan sekarang, malah masa banjir pada tahun lepas, kita tengah buat kursus pun di Sabah. Tengah buat kursus dan orang maklum bahawa banjir sedang berlaku di Beaufort dan juga Membakut. Jadi berhentikan kursus dan terus membuat gerakan mencari dan menyelamatkan. Sekarang ini kita sedang mencari dan menyelamatkan dan saya hendak beritahu bahawa unit yang buat di bawah MKN ini ada 10 orang pegawai yang menguruskan benda ini. Walaupun sekarang ini sebahagian daripada mereka telah diarah pergi ke Yaman untuk membuat operasi menyelamatkan di luar negara dan semalam telah selesai, tetapi di peringkat sini kita sedang menguruskan simulasi dan juga latihan.

Pada masa yang sama, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah minta supaya mencari sebuah model yang terbaik bagaimana unit banjir ini harus berfungsi. Maka, kita akan melihat model di Philipines yang berlaku bencana setiap tahun. Di *Philipines* kita ada 25 jenis *typhoon*, 5 serius. Ia mesti ada satu unit khas yang mengendalikan benda tersebut.

#### ■1050

Di Indonesia, gempa tidak berhenti, dia ada unit khas. Jadi kita lihat Philippine dan juga Indonesia ini kita akan jadikan panduan untuk menubuhkan dan menambah baik unit bencana yang ada sekarang ini. Di Jepun sama seperti yang dibuat di Malaysia, ia ada di peringkat daerah, peringkat negeri, dan juga peringkat Pusat.

Yang Berhormat, sebut tentang bencana tadi, *insya-Allah* saya akan bagi jawapan bertulis. Saya tahu tentang bencana yang berlaku tetapi mereka mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Yang Berhormat hendak tanya sekarang ini apakah kerajaan buat pada masa sekarang? Pada masa sekarang kursus, latihan dan sebahagiannya akan dilibatkan semua pemimpin masyarakat termasuklah wakil rakyat, Senator juga kena hadir bersama kursus yang berkenaan termasuk pihak pembangkang.

Saya hendak beritahu negeri yang paling besar yang terkena bencana baru-baru ini ialah Kelantan. Sebagai contohnya rumah yang rosak dan akan diganti adalah sebanyak 2,094 buah rumah yang melibatkan RM100 juta lebih perbelanjaan. Kelantan sahaja, 1,918 tanpa mengira apa-apa pegangan politik, Kerajaan Pusat komited untuk memberi bantuan kepada rakyat jelata. Akan tetapi malangnya kadang-kadang rakyat sering dipesongkan dengan pemikiran media sosial yang melihat apa kebaikan yang dibuat itu semua salah dan apa yang salah itu dianggap baik. Kita berharap semoga kita berdoa kepada Allah SWT moga yang baik itu terus dapat kebaikan, yang tidak baik itu akhirnya disedari oleh orang yang melakukan tidak baik bahawa benda itu memang yang tidak baik.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Datuk Seri Haji Abd. Halim.

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** Tuan Yang di-Pertua dan tuan-puan Senator semua. Terutama saya senang hati penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi demi menjaga kepentingan keluarga kita. Saya nampak sudah jelas bahawa segala langkah persiapan kursus diadakan. Saya minta tadi supaya jangan lupa Yang Berhormat, kita bagilah sedikit terima kasih kepada orang-orang yang tolong kepada kita khususnya masyarakat-masyarakat besar yang menderma itu tadi, Yang Berhormat tadi.

Saya rasa tahniah lah kepada Yang Berhormat dapat membuat sesuatu untuk menjaga...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalannya Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** Soalannya tadi saya minta supaya Yang Berhormat tadi dapat juga menulis tahniah dan terima kasih kepada syarikat-syarikat yang telah membantu kita tadi, itu dia, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, saya sedar bahawa dalam proses kita berterima kasih itu, kita terlupa berterima kasih kepada hero yang sebenarnya. Hero-hero ini kita panggil Datuk, kita panggil hero tidak berdendang. Hero tidak berdendang inilah yang paling ramai yang muncul untuk menyelamatkan mangsa. Hero ini muncul ini, hero ini yang perlu- siapakah hero? Semasa lima hari, tiga hari banjir, itu lah hero. Mereka itu mempertaruhkan nyawa untuk menyelamatkan orang.

Akan tetapi mereka ini sendiri tidak berdendang. Mereka terdiri daripada pemandu, *boatman*, dan pemimpin. Akan tetapi yang pasca banjir ini banyak lah. Pasca banjir datang dengan bantuan besar-besaran dan sebagainya. Itu ramai, itu hero berdendang. Akan tetapi ini hero yang tidak berdendang ini ialah mereka yang terdiri daripada pelbagai pihak yang bawa *boat*, bawa kenderaan, orang ramai yang meranduk dan ada orang ramai- Datuk kalau ingat saya rasa Datuk berani ya.

Di Gua Musang ini ada tempat banjir ini, ia dalam hutan. Bila banjir semua sekali benda-benda dalam hutan datang ke situ. Benda tersebut panjangnya lebih kurang antara empat inci, enam inci, ada yang 10 inci pun ada. Benda itu bernama lintah. Kalau kita masuk sekejap, dia akan melekat di badan kita 10 atau 20 ekor. Jadi itulah orang yang berenang menggunakan buluh pergi selamat orang di sebelah sana, selepas itu bawa balik ke sini, itu saya anggap hero tidak berdendang.

Saya mencari pakcik ini yang bila dia bangun, saya tengok berpuluh-puluh ekor lintah melekat di badannya dan dia tidak menjerit apa, saya tolong lintah yang berkenaan. Bagi saya dia hero tidak berdendang. Jadi hero tidak berdendang ini kita akan hantar surat terima kasih. Setengahnya terima kasih kepada orang yang kita kenali, terima kasih kepada umum semoga Allah membalas, merahmati mereka kerana usaha mereka yang begitu cemerlang.

Jadi kita sekali lagi saya bagi pihak kerajaan hendak mengucapkan terima kasih kepada semua hero tidak berdendang yang telah memberi sumbangan kepada bencana banjir baru-baru ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya ke soalan Tuan Koh Chin Han.

**3. Tuan Koh Chin Han** minta Menteri Kewangan menyatakan, dengan pelaksanaan GST, apakah kerajaan mempertimbangkan untuk mengkaji semula lain-lain bentuk cukai, duti dan yuran perlesenan untuk mengurangkan beban kepada rakyat.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan membuat perkara yang betul walaupun dalam masa beberapa bulan ini dianggap tidak popular. Kami yang berhadapan dengan rakyat telah dikata macam-macam, tidak mengapa. Kami akan meneruskan usaha-usaha walaupun ia tidak popular iaitu menukar sistem SST kepada GST.

Ini suatu perubahan sistem percukaian negara yang paling besar dalam sejarah negara Malaysia. Menukar SST kepada GST. Apakah maksud menukar SST kepada GST? Pihak pembangkang di luar sana inginkan cukai 10% dikekalkan kepada rakyat. Akan tetapi kerajaan memutuskan perlu diturunkan 10% itu kepada 6%. Pembangkang suka rakyat kena 10% tetapi kerajaan suka supaya 10% diturunkan kepada 6%.

Pembangkang suka ekonomi gelap terus berlaku di bawah sistem GST tetapi kerajaan inginkan ekonomi gelap orang lari cukai, orang tidak bayar cukai, orang yang membayar cukai yang sepatutnya lebih tinggi supaya dihentikan. Sebanyak 30% ekonomi gelap atau pun ekonomi terselindung yang ada dalam negara Malaysia ini, kita ingin turunkan kepada 10% dan 15%, pembangkang tidak suka perkara itu. Mereka suka supaya terus ekonomi gelap ini berada dalam negara Malaysia.

Kemudian kerajaan akan meneruskan sistem percukaian yang lebih telus. Dulu rakyat bayar cukai 5%, 6%, 10%. Akan tetapi rakyat tidak tahu mereka sudah bayar cukai SST. Ini kerana sistem SST tidak telus. Ia masuk dalam harga pakaian, masuk dalam harga kereta, masuk dalam harga semua barang yang dibeli. Akan tetapi kita tidak mahu perkara yang tidak telus itu diteruskan. Pembangkang suka perkara tidak telus itu diteruskan. Kita ingin *transparent* iaitu ketelusan.

Sekarang ini semua barang yang kita beli ada dalam resit dan kita tahu yang mana bercukai 6%, yang mana tidak bercukai atau pun *zero rated 0%*. Ini perkara-perkara utama apabila kita ingin menukar sistem SST kepada GST. Pembangkang suka supaya eksport negara kita ini mahal dan sukar untuk kita bertanding di luar negara. Kerana apa? Dalam sistem SST, eksport dikenakan cukai. Dalam sistem GST, eksport tidak dikenakan cukai dan eksport kita akan berkembang beberapa peratusan yang tertentu. Dengan perkembangan eksport itu negara akan bertambah maju kerana eksport yang bertambah akan menyebabkan ekonomi lebih berkembang.

Ini antara kebaikan-kebaikan utama dalam sistem GST berbanding dengan SST. Menjawab soalan Yang Berhormat Senator, pembangkang nampak suka supaya kerajaan meletakkan cukai yang lebih tinggi kepada rakyat apabila SST diteruskan. Akan tetapi Kerajaan Barisan Nasional ingin cukai rakyat diturunkan kerana GST kita boleh menurunkan cukai iaitu cukai syarikat daripada 25% kepada 24%. Cukai korporat atau pun cukai syarikat itu bermula taksiran tahun 2016. Cukai pendapatan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) turun daripada 20% kepada 19%. Cukai pendapatan koperasi turun, dua, satu hingga dua mata peratusan mulai taksiran tahun ini.

Kemudian yuran kesetiausahaan dan pemfailan cukai juga dibenarkan potongan cukai sehingga RM5,000 hingga RM10,000. Pemberian bantuan tunai bagi pembelian perisian perakaunan patuh GST RM1,000 kepada PKS. Perbelanjaan pembelian peralatan dan perisian ICT diberi elaun modal dipercepatkan, perbelanjaan ke atas kos latihan perakaunan dan ICT berkaitan GST diberi potongan tambahan. Kita turunkan cukai pendapatan rakyat daripada 1 hingga 3 mata peratusan.

#### ■1100

Ini menunjukkan bahawa GST boleh menurunkan cukai rakyat. Dahulu cukai 5% turun jadi 0% kerana cukai barangan itu kita *zero rated* kan. Segala jenis ikan masin, segala jenis kelapa parut, ikan kembung *half cook*, sotong kering, buah-buahan import misalnya, dahulu ada 5% cukai, dengan GST kita 0%, kan. Kemudian minuman bergas, minuman dalam botol, baju, pakaian, coklat, gula-gula ini 10% dahulu. Perabot rumah, perabot pejabat, tayar, bateri, alat ganti kenderaan, pinggan mangkuk, periuk belanga, semua jenis kereta, barangan elektrik, kasut, beg, alat solek, tekstil, langsir, fabrik, alat tulis, pakaian sekolah, kayu, papan, *tiles*, cat, zink, tuala wanita, *pampers* bayi, TV, radio, dapur, tikar, karpet dan macam-macam lagi semuanya dahulu 10%, kita buang 10% itu kita jadikan 6% tetapi pembangkang suka 10% itu dikekalkan, BN suka 10% itu turun kepada 6%. GST menurunkan cukai rakyat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Tuan Koh Chin Han.

**Tuan Koh Chin Han:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Kementerian Kewangan telah mengambil pelbagai langkah positif untuk mengurangkan kesan dan beban GST terhadap rakyat, juga telah mengambil tindakan-tindakan undang-undang ke atas pihak yang mengambil kesempatan ini untuk mengaut keuntungan. Oleh yang demikian, saya mohon Menteri Kewangan menyatakan setakat manakah kerjasama antara Kementerian Kewangan dengan KPDNKK dalam menangani isu peniaga mengaut keuntungan yang tidak munasabah, begitu juga dengan peniaga yang sengaja menaikkan harga barang walaupun barang tersebut tidak dikenakan GST. Begitu juga dengan peniaga yang memburukkan nama kerajaan dan menjustifikasi menaikkan harga barangan mereka, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Itu kena dijawab oleh Menteri. Menteri ada di sini, Timbalan Menteri pun ada di sini, KPDNKK. Akan tetapi saya hendak maklumkan, iaitu soalan nombor enam ya. Nombor enam Dato ya? Itu dia To' Puan Hajah Zaitun, dia mengenai penguatkuasaan-penguatkuasaan. Tetapi apa yang berlaku di luar sana, kita sudah satu tahun, 17 bulan sebenarnya, 17 bulan membuat persiapan tentang GST dan peniaga-peniaga sebenarnya tahu dan mereka belajar dan semua maklumat ada di hujung hari pada saat dan ketika ini. Mereka yang duduk dalam gua sahaja yang tidak tahu maklumat tentang GST ini Tuan Yang di-Pertua, kalau duduk di luar gua *in shaa-Allah*, lihat [www.customs.gov.my](http://www.customs.gov.my), tahu semua tentang GST ini. kalau Ahli-ahli Yang Berhormat kurang jelas boleh

lihat segala portal [www.kpdnkk.gov.my](http://www.kpdnkk.gov.my), [www.treasury.gov.my](http://www.treasury.gov.my), [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my). Kalau mereka kata mereka tidak tahu, itu adalah sebenarnya pembohongan dan ketidaktahuan itu tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak mengikut undang-undang. Katalah mereka mencuri selepas itu mereka kata tidak tahu mencuri itu salah, mana ada dalam dunia ini boleh terlepas daripada kejahilan, daripada tidak melakukan dan mengikut undang-undang. Jadi maklumat itu boleh diperoleh dengan mudah pada saat dan ketika ini.

Apa yang berlaku di luar sana, mereka sengaja, peniaga-peniaga yang tidak beretika. Ada peniaga yang banyak beretika, mereka campur SST dengan GST, itu masalah. SST ini ada 5%, barangan, makanan diproses. Ada 6% perkhidmatan hotel, *top-up*, KFC dan yang seumpamanya dan *services* yang lain, itu 6%. Barangan-barangan 10%, saya sudah sebut tadi. Sepatutnya tolak SST dahulu baru campur GST. Tolak 5% segala makanan diproses campur 6%, boleh naik 1% tetapi boleh *claim input tax credit* 6%. 6% *input tax credit* mengurangkan kos perniagaan kepada 370,296 *registrant* GST sehingga semalam. Kos perniagaan turun 6%.

Apabila kos perniagaan turun 6% kerana mereka boleh *claim input tax credit*, barang-barangan, makanan diproses daripada 5% naik 6% itu sebenarnya boleh diserap kenaikan. Kemudian barang-barangan perkhidmatan yang 6%, kita buang dahulu 6%, masukkan kembali 6% GST barangan itu tidak berubah, itu sebab KFC, *McDonald's*, *Pizza Hut*, *Domino Pizza*, sama ada turun ataupun tidak berubah sebab barang-barangan itu ialah barangan 6% sebelum ini, buang 6% SST itu campur 6%, enam tolak enam, kosong. Kemudian yang jadi masalah ialah mereka tidak mengurangkan yang 10% SST tetapi ada yang ramai yang mengurangkan juga terutama pasar raya-pasar raya besar. 10% dibuang dahulu, tolak SST 10% baru campur 6% GST, maka pengurangan dua, tiga, empat peratus.

Apabila saya kata pada bulan sepuluh tahun lepas, GST mengurangkan harga kereta dalam *Facebook* dan macam-macam media sosial, mereka kata Ahmad Maslan bodoh, bangang, bahlul dan segala perkataan macam itu, saya sudah mangli dengan perkataan-perkataan begitu. Pada 1 April, enam buah syarikat kereta di Malaysia menurunkan harga kereta kerana sebelum ini kereta 10% SST, sekarang GST 10% turun jadi 6%, begitu juga barang-barang yang saya sebutkan tadi termasuk pakaian Ahli-ahli Yang Berhormat Senator pakai dari hujung rambut sampai ke kaki sekarang ini semua ada 10% kecuali jam tangan dan barang kemas, yang lain semua ada 10% jadi barangan pakaian itu sepatutnya turun harga.

Jadi tentang perkara ini, tolak dahulu SST baru campur GST. Peniaga di sana tahu tetapi ada yang buat, ada yang tidak buat dan kita menunggu kata kastam enam bulan baru stabil. Saya minta kastam menstabilkan dalam masa tiga bulan GST ini supaya segala perkara itu boleh diturunkan, yang paling takut harga barang turun ialah pembangkang kerana pembangkang kata BN, barang naik tetapi dengan GST kalau barang turun, yang paling takut dan terduduk ialah pembangkang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan Dato' Haji Mohd Salim.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Menteri yang telah beri penjelasan yang cukup jelas. Cuma saya lihat lapan hari difahamkan bahawa pungutan daripada segi GST ini melebihi RM200 juta. Tahniah dan syabas lah. Akan tetapi apa yang saya fikirkan supaya diambil kira bahawa makanan harian contohnya baru-baru ini rungutan pada mereka di kalangan pelajar, orang-orang kampung ini minum teh tarik, roti canai, mi dan sebagainya kena GST. Tadi kita kata soal serapkan tetapi saya punya pandangan, kalau boleh kajian ini dibuat dikecualikan makanan harian ini, yang di bawah RM10 ini. Sarapan pagi tidak kan lah sarapan pagi ini kena 6%, petang kena 6%, malam lagi kena 6% pada mereka yang tidak masak di rumah, yang makan di luar ini. Jadi apa yang boleh kita membantu agar dapat meringankan ataupun dapat kita kecualikan langsung daripada senarai cukai yang perlu dibayar. Apa pandangan Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim. Semua barangan mentah makanan 0% GST. Sayur, ulam, buah-buahan semua 0%. Ikan segala jenis, ikan kecil, ikan besar, ikan kering, ikan tak kering, segalanya itu, udang, ketam, *lobster*, *oyster* dan segala yang ada dalam laut yang boleh dimakan 0% GST dan yang sudah hidup itu mati kita keringkan pun 0% GST. Segala rempah ratus untuk mereka masak sama ada di kantin, di kafeteria, di restoran mamak semuanya 0%. Segala kopi, kalau kopi 0% tetapi kopi jantan, kopi janda 6% sebab mereka hendak kuat dengan kopi itu mereka kena bayarlah GST.

■1110

Segala gula, garam, bahan-bahan, air untuk masak, daging lembu, daging kambing, telur ayam, ayam, itik, telur itik, khinzir, semua 0% GST. Bahan-bahan untuk mereka masak di rumah, gas 0% GST. Dan siapa-siapa yang hendak masak di kantin sekolah, di kedai mamak, di restoran, di mana juga bahan-bahan mentah bekalan makanan itu, 0% GST Tuan Yang di-Pertua. Kenapa tiba-tiba hendak naik harga sebab mereka yang mendaftar dengan GST boleh *claim input tax* 6%. Barangan yang dimasak itu 0% GST, beras segala jenis beras, basmathi kalau ada nama "*bashidup*" atau apa, semua 0% GST kepada bekalan makanan ini. Apabila dimasak di semua-semua tempat itu, baru ini saya pergi UiTM, saya bukan suruh masak dekat hostel, saya kata kalau kita sesekali masak kalau kita duduk di luar kampus, itu maksud saya. Akan tetapi di *viral* hebat betul ya kenyataan itu. Kalau kita belajar duduk di luar kampus, apa salahnya kita masak sesekali.

Jadi di kedai makan dan sebagainya, kalau mereka mendaftar RM500,000 pendapatan ke atas baru mereka boleh mengenakan GST. Apa juga yang dijual baru boleh mengenakan GST.

Jadi cadangan Yang Berhormat supaya makanan-makanan itu tidak dikenakan GST tidak boleh juga sebab makanan itu sudah 0% GST apabila dimasak baru kena GST pun boleh dikurangkan kepada harga asal kerana mereka boleh *claim input tax credit* ya. Mereka tahu tetapi sengaja, dan yang bab tahu tetapi sengaja ini kita serah kepada KPDKK untuk tangkap masuk penjara dan beri ramai sedikit dalam penjara itu teman kepada Ketua Pembangkang.

**4. Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, bahawa sejak 12 bulan lepas, berapakah jumlah majikan yang telah didakwa di Mahkamah kerana kegagalan melaksanakan perintah Gaji Minimum.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan selamat datang kepada pelajar-pelajar *Cyberjaya Medical College* yang berada dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebelum itu saya berikan sedikit makluman awal kepada Dewan yang mulia ini. Penduduk negara kita lebih 30 juta, tenaga buruh ialah kurang lebih 13.9 juta, bekerja ialah 13.5 juta dan penganggur ialah lebih kurang 0.4 juta ataupun 2.7%.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut sumber Suruhanjaya Syarikat Malaysia, di Malaysia kita dapat lebih kurang 1.13 juta buah syarikat di seluruh negara termasuk lebih kurang 4,000 buah syarikat asing. Manakala mengenai akta Majlis Perundangan Gaji Negara (MPGN) 2011, Akta 732 ini diwartakan pada 15 September 2011 dan dikuatkuasakan sepenuhnya pada 1 Januari 2014 walaupun pada mulanya kita sudah boleh cadang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2013 tetapi oleh sebab ada penundaan, ada rayuan dan sebagainya, kita kuatkuasakan 1 Januari 2014.

Berhubung dengan soalan khusus yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Syed Shahir, suka saya maklumkan kepada Dewan ini, untuk makluman Dewan yang mulia dan Yang Berhormat Senator, bagi tempoh 1 Januari 2014 hingga Mac 2015, tindakan pendakwaan kerana kegagalan membayar gaji minimum sebanyak 191 buah Kertas Siasatan telah dibuka. Daripada 191 kes tersebut, sebanyak 118 kes telah diberi izin dakwa oleh Penasihat Undang-undang untuk dibawa ke mahkamah. Daripada jumlah tersebut, di Semenanjung Malaysia dan Sabah, sebanyak 64 kes pendakwaan telah selesai dibicarakan yang melibatkan jumlah denda keseluruhan sebanyak RM211,600.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan melalui kes buruh di Mahkamah Buruh sebanyak 1,260 kes dan tuntutan yang dibuat mengikut itu ialah RM20.5 juta. Jumlah diperintah bayar oleh Mahkamah Buruh 2014 hingga Mac 2015 ialah RM1.746 juta, maknanya RM1,746,735.03 yang perlu dibayar kepada pekerja. Terima Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Terima kasih. Pertanyaan tambahan tadi ialah berapakah jumlah atau bilangan pegawai-pegawai penguatkuasa untuk menguatkuasakan undang-undang ini dan adakah jumlah tersebut sesuai dengan jumlah syarikat dan perniagaan yang ada di Malaysia. Berapakah jumlah yang sesuai untuk diadakan pegawai-pegawai tersebut? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada hakikatnya sebenarnya kita memang menghadapi kekurangan tenaga penguatkuasaan ini. Di mana saya dapatkan maklumat ini, buat masa sekarang pihak Jabatan Tenaga Kerja seluruh Malaysia hanya mempunyai 491 orang pegawai bagi melaksanakan tugas pemantauan dan pemeriksaan perburuhan yang tidak hanya terhad kepada gaji minima. Maknanya segala tindakan pemantauan, pemeriksaan

berkanun, bukan sahaja gaji minima tetapi yang lain melibatkan 491 orang pegawai. Kita memang sedang berusaha untuk memohon kerajaan membuat penambahan kepada bilangan pegawai-pegawai penguatkuasaan di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, ini tidak membantutkan usaha kita dalam memberikan jaminan dan keyakinan kepada pekerja terutama dalam membela masa depan mereka dan khusus dalam gaji minima ini. Umpamanya jumlah pemeriksaan berkanun yang telah kita buat 2014 hingga 28 Februari 2015, 44.604 pemeriksaan kita buat kepada majikan-majikan. Dalam kita memastikan supaya majikan tidak lupa dan jangan ambil mudah bahawa gaji minimum yang telah dikuatkuasakan ini mesti dilaksanakan. Sebab itulah saya sebutkan tadi hari ini telah hampir RM 1 juta lebih tuntutan yang akan terpaksa dibayar oleh majikan kepada pekerja-pekerja kerana kecuaiannya mereka membayar gaji minima kepada pekerja. Ini tidak terkira lagi saman denda yang berapa perlu kita kenakan kepada majikan yang ingkar ini. Terima kasih.

**5. To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, penguatkuasaan-penguatkuasaan yang telah dilaksanakan oleh Penguatkuasa KPDNKK sepanjang 2014 dan pencapaiannya serta nyatakan keberkesanan Operasi Antipencatutan (Ops Catut) Fasa Kedua.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Sri Hasan bin Malek]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan yang diajukan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong pada 16 April 2015; Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han pada 21 April 2015; Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin E.S Abd Samad pada 27 April 2015; dan Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal serta Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar pada 28 April 2015; kerana menyentuh perkara yang sama iaitu tindakan-tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh kementerian selama ini termasuk kawalan harga ke atas peniaga serta persediaan kementerian berikutan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan GST.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik teruskan.

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Teras utama tugas-tugas penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ialah penguatkuasaan ke atas perlindungan harta hak intelek, penguatkuasaan membanteras penyelewengan barang-barang kawalan bersubsidi, penguatkuasaan mengawal selia bekalan harga dan harga barang dan melindungi hak-hak pengguna. Ini secara tepat apa dia tugas kita.

■1120

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2014, kementerian telah melaksanakan pelbagai aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan. Saya nak senaraikan perkara berikut kerana macam mana disebut oleh sahabat-sahabat kewangan di Jabatan Perdana Menteri tadi seolah-olah kita bercakap sahaja tak ada tindakan dibuat. Sebab itu saya nak paparkan jumlah penguatkuasaan

yang telah kita jalankan, beberapa kes yang kita telah ambil, beberapa barang yang kita telah rampas, berapa banyak pula syarikat yang kita kompaun supaya kita nak memberitahu rakyat bahawa ini sebenarnya yang telah kita buat. Maknanya menafikan apa jua yang dibuat terutama daripada Facebook membuat fitnah yang berlebih-lebihan.

Yang pertama sekali ialah penguatkuasaan hak harta intelek atau *intellectual property*. Penguatkuasaan ini telah dijalankan melalui dua operasi iaitu Ops Cetak Rompak dan Ops Barang Tiruan. Melalui Ops Cetak Rompak, sebanyak 172 kes dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah RM4.3 juta melalui 170,363 pemeriksaan ke atas premis. Seramai 35 orang individu telah ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Hak Cipta 1987. Hak harta intelek ini ada kaitannya dengan Akta Hak Cipta. Kejayaan yang amat membanggakan di mana hasil daripada penguatkuasaan yang telah kita jalankan, Malaysia telah dikeluarkan daripada senarai di dalam *Watch list* oleh *United States Trade Representative* (USTR). Ini satu senarai pemerhatian dunia, selama tiga tahun berturut-turut mulai tahun 2012. *We are out of that watch list USTR* tiga tahun berturut-turut.

Manakala satu lagi ops kita sebut Ops Barang Tiruan pula menyumbang sebanyak 2,359 tindak kes melibatkan rampasan barang-barang bernilai hampir RM13.3 juta. Ini soal harta intelek sahaja Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Selain daripada itu juga, kementerian telah mencapai hasil yang cemerlang dalam membanteras penyelewengan barang-barang kawalan bersubsidi sepanjang tahun 2014. Sebanyak 552 tindakan kes melibatkan minyak diesel bersubsidi, 246 kes melibatkan petrol, 23 kes bagi minyak masak, 126 kes bagi gas petroleum cecair LPG, 7 kes melibatkan gula dan 16 kes bagi melibatkan tepung gandum. Semua barang ini telah dapat kita laksanakan daripada segi penguatkuasaan ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhannya ialah 970 kes dengan nilai rampasan berjumlah hampir RM185 juta. Ini nak menunjukkan ini yang kita buat dan saya harap ini juga akan dapat dimasukkan dalam Facebook masing-masing sebab ini tindakan yang telah kita ambil.

Kementerian juga turut memperhebat lagi penguatkuasaan melalui Ops Titik yang dilaksanakan bermula 15 Mei 2014 sehingga 31 Disember 2014. Kementerian telah berjaya menumpaskan 516 cubaan penyelewengan bahan petroleum bersubsidi dengan nilai rampasan berjumlah RM24.36 juta. Dengan hasilnya Ops Titik ini, permintaan terhadap diesel bersubsidi telah berjaya dikurangkan sebanyak 39%. Lebihnya itu ketirisan berlaku di mana sejumlah 1.38 bilion liter diesel bernilai RM426.4 juta telah berjaya diselamatkan. Di samping itu, masalah *stock out* minyak diesel di stesen-stesen minyak juga telah dapat ditangani. Melalui operasi ini, ada dua perkara yang kita telah berjaya. Soal permintaan diesel telah dapat kita kurangkan dan dalam masa yang sama, *stock out* minyak dapat kita tangani secara bersama.

Yang ketiganya, pelaksanaan kerjasama strategik antara agensi penguatkuasaan kerajaan yang lain juga kita kenali sebagai Pasukan Petugas Khas Jabatan Peguam Negara dalam usaha membanteras aktiviti penyelewengan diesel dan petrol subsidi secara *embossed*, pelaksanaan Laut Biru bersama-sama agensi-agensi yang lain. Khusus satu ini ialah dengan AG atau Jabatan Peguam Negara. Dalam tempoh empat bulan pelaksanaannya telah menghasilkan 72 tindakan kes dengan nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM194.5 juta termasuk merampas 19 buah kapal. Ini soal minyak tadi, Ops Titik.

Dalam mengawal selia harga barang pula, Kementerian KPDNKK telah melancarkan Ops Harga 2014 bagi menangani kenaikan harga barang dan caj perkhidmatan yang tidak berpatutan dalam pasaran. Sebanyak 2.1 juta pemeriksaan telah dijalankan ke atas premis-premis perniagaan di seluruh negara merangkumi semua peringkat perniagaan. Sebanyak 5,934 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah sebanyak RM1.2 juta manakala nilai kompaun yang telah dikenakan berjumlah RM323,680. Itu berkenaan Ops Harga.

Sekarang kita pergi pula kepada satu lagi penguatkuasaan. Kita melaksanakan apa yang kita sebut Skim Kawalan Harga Musim Perayaan yang bertujuan menyekat kenaikan harga barangan yang tidak munasabah kerana permintaan yang tinggi pada musim perayaan utama, Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Deepavali, Hari Gawai, Hari Keamatan dan lain-lain musim perayaan kita kenakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan. Sepanjang pelaksanaan KHMP, sebab dia tanya tadi bagaimana hasil tahun 2014, ada sebanyak 264,764 pemeriksaan telah dilaksanakan di seluruh negara ke atas semua perniagaan dengan 772 tindakan kes dengan jumlah rampasan bernilai RM53,000 dan keseluruhan nilai kompaun dikenakan sebanyak RM86,500. Kejayaan cemerlang pelaksanaan skim ialah tidak berlakunya kekurangan bekalan dan pengguna pula dapat menikmati harga barang yang berpatutan. Ini Skim Kawalan Harga Musim Perayaan yang kita jalankan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menangani kegiatan pencatutan pula atau mengambil keuntungan yang tinggi yang tidak munasabah oleh peniaga yang mungkin berlaku sebelum dan semasa pelaksanaan GST, kementerian pula telah melaksanakan apa yang kita sebut Ops Catut. Catut ini *profiteering*. Bermula pada 15 Januari 2015, sebelum GST lagi kita dah mula menjalankan Ops Catut ini. Operasi ini satu tindakan penguatkuasaan gerak gempur secara terancang dan berfokus melalui Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Sepanjang pelaksanaan Ops Catut bermula 15 Januari 2015 hingga 31 Mac 2015 iaitu sebelum GST, sebanyak 597,833 pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 2,871 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak RM452,136 dan nilai kompaun sebanyak RM335,166. Manakala di bawah seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011, sebanyak 286 buah notis telah dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan. Notis ini mewajibkan peniaga mengemukakan penjelasan dan maklumat mengenai kenaikan harga ini dan ini merupakan satu langkah pengawalan peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab dan memanipulasikan harga sebagaimana yang disebut oleh Menteri Kewangan sebentar tadi, *in shaa-Allah*.

**•1130**

Komitmen kementerian diteruskan dengan menggerakkan Ops Catut fasa kedua. Bila GST dilaksanakan 1 April, kita buat pula Ops Catut fasa kedua bermula 1 April bertujuan memastikan peniaga mematuhi undang-undang yang ditetapkan dan mematuhi kehendak pelaksanaan GST. Sehingga 13 April, hari ini 14 April, sehingga semalam Yang Berhormat, kita ada pusat dalam mana kita dapat maklumat yang terkini pemeriksaan yang kita buat, beberapa kes yang kita telah buat. Ini pun saya

menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau ada yang berminat, boleh datang ke Pusat Gerakan Anti Pencatutan kita di kementerian.

Sehingga semalam, sebanyak 88,600 pemeriksaan telah dilaksanakan di seluruh negara di mana sebanyak 218 tindak kes telah dihasilkan. Pada masa yang sama, sebanyak 152 pemeriksaan bersepadu telah dijalankan bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia melalui tindakan penguatkuasaan Ops Pematuhan GST - Catut. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 535 pengeluaran Notis di bawah seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 telah dikeluarkan kepada peniaga untuk mendapatkan penjelasan dan justifikasi punca kenaikan harga atau caj bagi perkhidmatan yang tidak munasabah di pasaran. Semuanya ini kalau didapati benar tindakan kita itu, kita akan terus mengambil tindakan sama ada merampas barangan dia ataupun kita mengenakan penalti ataupun kalau keadaannya mengizinkan cukup lengkap, kita bawa pula ke Mahkamah Sesyen Khas yang telah pun kita tubuhkan khusus untuk membicarakan hal-hal yang berhubung kait dengan anti pencatutan ini... *[Disampuk]* Termasuk masuk penjara.

Tuan Yang di-Pertua, daripada aspek kesiapsiagaan pegawai pula, macam-macam tohmah, ini saya hendak terangkan. Kementerian telah mengambil langkah mewujudkan Unit Anti Pencatutan di setiap pejabat KPDNKK negeri untuk memberi tumpuan khusus kepada penyiasatan aktiviti pencatut mencatut oleh peniaga. Sebagai langkah persediaan, seramai 1,800 orang anggota penguat kuasa di seluruh negara telah diberi latihan kemahiran yang spesifik sebelum melaksanakan tindakan siasatan ke atas kes pencatutan.

Dalam perkara ini, kementerian juga mendapat tambahan seramai 472 orang pegawai untuk melakukan tugas-tugas penguatkuasaan. Pasukan Petugas Khas Anti Pencatutan juga telah ditubuhkan bagi menyelaras dan menangani isu-isu berbangkit susulan pelaksanaan GST meliputi aspek atau provokasi siber dengan media, penubuhan Pusat Gerakan Anti Pencatutan (PGAP) yang saya sebutkan tadi dan pengumpulan data statistik. PGAP beroperasi 24 jam sehari sebagai *command center* Kementerian untuk memastikan pengurusan aduan secara efisien dan pantas terhadap aduan yang diterima dan menyalurkan maklumat berhubung pertanyaan yang timbul berkaitan GST kepada pihak bertanggungjawab untuk tindakan. *We work 24 hours*. Saya pernah telefon PGAP ini pukul 4 pagi, dijawab Yang Berhormat. Saya cukup bangga, kesiapsiagaan pegawai-pegawai kita di kementerian dalam melaksanakan satu sistem bercukai yang baik dan telus ini.

Di samping itu juga, kita telah juga mengadakan garis panduan, ada satu buku yang tersebut 'Garis Panduan Mekanisme Margin Keuntungan Bersih dan Penandaan Harga Dalam Pelaksanaan Cukai Barangan Perkhidmatan Kepada Peniaga' juga telah dikeluarkan oleh kementerian sebagai panduan dan mendidik peniaga mematuhi perundangan dan peraturan yang berkaitan sebelum dan semasa pelaksanaan GST. Kita keluarkan buku panduan harga untuk pengguna. Kita terbitkan juga buku yang kita sebut etika perniagaan, *the do's and the don'ts if you want to do business in Malaysia*, kita keluarkan Yang Berhormat. Semua kita jaga, peniaga jaga, pengguna juga kita jaga. Ini kerana kita kerajaan ikhlas, bertanggungjawab hendak memastikan GST in dapat dilaksanakan dengan baik.

Kementerian juga telah melancarkan aplikasi *smart devices* MyKira GST yang merupakan kerjasama pintar antara kementerian dengan MIMOS Berhad yang berfungsi sebagai pangkalan data harga kementerian dalam mengenal pasti impak GST, membuat saringan aduan pengguna serta penguatkuasaan melalui penggunaan ICT. Ini pun memakan masa sikit, MyKira ini. Akan tetapi ini pun nampak saya cakap, dapat sambutan yang begitu baik. Ramai pengguna menggunakan ini hendak tahu keadaan harga yang ada dipaparkan di premis itu, harga ini adakah dalam keadaan margin keuntungan tinggi ataupun biasa. Dia punya cantiknya, kalau kita gunakan aplikasi MyKira ini, kalau kita tengok harga itu tadi RM10 misalnya, kalau harga dia okey, dia akan tulis, "*Thumbs up*", *means* okey. Akan tetapi kalau misalnya harga ini RM20 misalnya, kita tekan, tekan, tekan, dia akan tunjuk skrol bawah. Ini menunjukkan kedai ini melaksanakan mengambil keuntungan, margin keuntungan yang berlebihan.

Melalui ini Yang Berhormat sekalian, kita boleh terus buat aduan menggunakan MyKira tadi, kita terus hantar kepada aduan, ada sistem dia, sampai kepada PGAP kita dan kita akan ambil ini dan kita ambil tindakan di mana aduan itu timbul. So ini semuanya kemudahan untuk rakyat supaya mereka tidak dikelirukan, supaya peniaga pula tak ambil untung sesuka hati mereka. Inilah di antara lain usaha-usaha kita, *in shaa-Allah*, dengan izin Allah SWT, dengan sokongan banyak pihak, saya selaku Menteri di kementerian ini melihat pelaksanaannya sudah dua minggu ini berada dalam keadaan yang cukup terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya usaha-usaha yang saya sebutkan tadi, dengan beberapa ops-ops yang telah kita laksanakan, kementerian ini cukup yakin, ia mampu meminimumkan kesan negatif pelaksanaan GST kepada harga barangan dan perkhidmatan. Apatah lagi, kita gunakan juga pengalaman kesilapan 170 buah negara yang telah melaksanakan GST ini sebagai panduan kita untuk melaksanakan GST ini. *So based on all these*, kita laksanakan. *Alhamdulillah*, syukur dan di sinilah saya zahirkan supaya saya menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat yang boleh juga memainkan peranan penting, sama-sama menerangkan keadaan yang sebenarnya kepada rakyat dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Cukup jelas nampaknya itu penjelasan. Walau bagaimanapun, saya persilakan Yang Berhormat soalan tambahan, To' Puan Hajah Zaitun.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri sendiri yang datang menjawab dengan begitu jelas dan terperinci sekali. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniahlah dan syabas kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) yang telah melaksanakan kerja-kerja penguatkuasaan begitu komprehensif, secara kolektif dan berkesan.

Soalan saya, berdasarkan laporan Ops Catut yang telah dijalankan bermula daripada 15 Januari 2015 sehingga 7 April 2015, menunjukkan sebanyak 320 pengeluaran notis di bawah seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 telah dikemukakan kepada peniaga. Adakah Yang Berhormat Menteri, pihak kementerian akan mengambil tindakan terhadap kesemua notis tersebut ke mahkamah? Adakah kementerian bercadang untuk menambah pegawai dan kakitangan penguat kuasa bagi

memastikan tiada peniaga dan syarikat yang memanipulasi harga selepas pelaksanaan GST demi kepentingan pengguna? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Terima kasih Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu soalan yang menceritakan kepada keadaan yang nyata, tak ada hendak dibuat-buat, hendak direka-reka. Oleh sebab itu, saya ucapkan terima kasih atas pujian terhadap kementerian kita. Ini hasil daripada kerjasama kita semua. *The teamwork that we have in the kementerian, alhamdulillah* syukur.

Daripada angka-angka tadi, menunjukkan apa yang kita laksanakan sesuatu yang menguntungkan rakyat. Itu yang pertamanya. Keduanya sebut tadi soal tindakan-tindakan ini kita hantar notis, kalau misalnya didapati memang ini menyalahi daripada akta yang kita ada, sama ada Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan, Akta Timbang dan Sukat, Akta Perihal Dagangan ataupun Akta Perlindungan Pengguna, ini akta-akta yang membolehkan kita ambil tindakan.

#### ■1140

Bagi kita, setakat hari ini, mana yang menjawab notis kita, kita kenakanlah denda kalau betul dia melakukan kesalahan. Akan tetapi, ada masalahnya sedikit soal hendak pergi ke mahkamah itu kerana ini memakan masa sedikit dan rakyat kena faham. Saya selalu sebut. Rakyat kena faham kita kena siasat aduan tersebut. Kemudian pula siasat daripada punca di mana kenaikan harga barang tersebut. Daripada siasatan itu, kita kena buat pula kertas siasatan untuk kita dakwa di mahkamah. Ini memakan masa dan saya cukup yakin. *In shaa-Allah* kita sedang fokus kepada beberapa kes yang kita lihat supaya rakyat tahu ini sebenarnya terpaksa bawa ke mahkamah di mana hukumannya boleh dikenakan sehingga tiga tahun penjara. Saya memang mengharapkan benda ini berlaku sebab *they are doing the* kerja siasatan sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua. So, itu soalnya.

Yang lain-lain itu, rampasan dan sebagainya, kita terus buat. Kompaun sahaja berapa ratus ribu yang telah kita kutip daripada ini. Rampasan pun begitu juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukup setakat itu.

**Dato' Sri Hasan bin Malek:** Satu yang akhir sekali tentang tambahan pegawai. Ini saya cakapkan kalau Yang Berhormat fikir, ada keperluan untuk menambah pegawai, bagi kita *whatever we have*, kita terima hakikat ini. Akan tetapi kalau ada suara supaya ditambah, saya baru sahaja berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan sebentar tadi. Katanya beritahu kita. Dia akan tambah. Yang pentingnya rakyat kita dahulukan. Kepentingan mereka kita utamakan. Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa kerana masa itu agaknya suntuk hari ini dan saya pergi banyak sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan GST ini. Saya pergi kepada pertanyaan nombor 6. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som.

**6. Dato' Boon Som A/L Inong** minta Perdana Menteri menyatakan, perkembangan hasil audit yang dijalankan oleh Ketua Audit Negara ke atas 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan nombor 6 sudah dijawab oleh Menteri Kewangan Kedua tadi. Jadi sudah berpuas hati dengan jawapan beliau. Jadi terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagus macam itu. Tidak payah hendak melengahkan. Sekarang saya pergi kepada pertanyaan nombor 7. Dipersilakan Yang Berhormat Puan S. Bagiam.

**7. Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah statistik banduan wanita mengikut kaum serta kesalahan mereka dan berapa orang dari kalangan mereka adalah "*repeat offenders*" dan "*hard core criminals*".

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 31 Mac 2015 menunjukkan seramai 3,444 orang penghuni wanita sedang ditahan atau menjalani hukuman di seluruh institusi penjara di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,252 orang warga Malaysia. Pecahannya adalah seperti berikut.

BANGSA	BILANGAN
Melayu	776
Cina	153
India	130
Iban	70
Siam	13
Bajau	10
Portugis	10
Bidayuh	18
Kadazan	25
Melanau	20
Suluk	14
Murut	6
Orang Asli	2
Patan	2
Sikh	2

Berdasarkan kepada statistiknya bersama, seramai 180 orang wanita merupakan *repeated offenders* ataupun pesalah residivis manakala seramai 99 orang banduan wanita merupakan banduan

yang melakukan kesalahan jenayah berat atau *hard core criminals* kerana terlibat dengan kesalahan pengedaran dadah di bawah seksyen 39(b) Akta Dadah Berbahaya, kes bunuh dan culik. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan tersebut. Saya ingin bertanya apakah program kerjasama dengan NGO dapat mengurangkan jumlah banduan wanita India melalui kaunseling agar tidak kembali ke kancang jenayah. Selain itu, apakah tahap pencapaian kementerian dalam mengurangkan banduan sedemikian? Adakah kementerian sedar bahawa NGO seperti Brahma Kumaris mempunyai program yang cukup berkesan dan menangani dan membentuk seseorang itu kembali ke pangkuan jalan yang baik. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita tidak melihat dari sudut sama ada kaum India, Cina, Melayu ataupun KadazanMurutDusun dan Sikh. Kita melihat secara keseluruhannya bahawa bimbingan kita juga tidak membahagikan sama ada lelaki ataupun wanita. Semua penghuni di dalam penjara kita beri bimbingan-bimbingan yang tertentu termasuk pengajaran dari sudut spiritual dan sosialnya serta diberi kaunseling berterusan oleh pihak penjara. Walau bagaimanapun, kalau ada tawaran daripada pihak-pihak NGO yang lain yang ingin bersama kita untuk memperbaiki keadaan di penjara kita, bolehlah menulis surat kepada saya. *In shaa-Allah* saya boleh memikirkan dan saya akan menjemput Ketua Pengarah Penjara untuk berbincang dengan saya dan pihak NGO tersebut untuk memberi tawaran apakah jenis perubahan kaunseling dan sebagainya yang boleh kita buat.

Ini kerana kita pun masih banyak bekerjasama dengan pihak-pihak yang tertentu. NGO dan pihak-pihak individu untuk memperbaiki keadaan di penjara supaya *recidivism* kita boleh menurun daripada apa yang kita lihat sekarang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tanya sedikit kepada Yang Berhormat Menteri. Sepanjang tahun lepas, berapa ramaikah banduan-banduan wanita ini diberi pengampunan Diraja? Itu sahaja.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Saya tidak mempunyai rekod.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau soalan spesifik, tidak bolehlah. Susah sedikit Menteri hendak jawab. Kalau beri awal-awal senang dia buat persediaan. Tidak apalah.

**Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Saya hendak tahu ada pernah atau tidak banduan wanita diberi kalau tidak dapat *figurenya*. Pernah diberi atau tidak?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** *In shaa-Allah* saya *check* dan beri maklumat ini secara bertulis. Terima kasih.

**Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Oh, tidak dapat juga beri tahu. Tidak apa, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri jawapan bertulis, Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih, terima kasih.

**8. Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah barangan produk kesihatan yang dijual secara jualan langsung- *direct-selling* dalam pasaran yang telah di senarai hitamkan serta menyenaraikan produk-produk tersebut untuk dijadikan panduan kepada para pembeli.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat jualan langsung yang menjual produk kesihatan tidak dikawal sepenuhnya atau dilesenkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia malah ia diletakkan di bawah KPDKK. Namun begitu, syarikat jualan langsung bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan semua produk kesihatan yang dijual oleh mereka adalah berdaftar di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 [Akta 368]. Ini merangkumi produk ubat untuk rawatan sendiri ataupun sendiri. Ini produk-produk OTC, Tuan Yang di-Pertua, *over the counter*, ubat tradisional dan juga *supplement* kesihatan.

Setakat Mac 2015, sebanyak 143 jenis produk kesihatan dan produk makanan yang dikesan mengandungi racun termasuklah 25 jenis produk daripada 14 buah syarikat jualan langsung. Maklumat ini telah pun dimuat naik ke dalam laman web rasmi Bahagian Perkhidmatan Farmasi di [www.farmasi.gov.my](http://www.farmasi.gov.my) dan laman *Facebook- "Pilih Ubat Berdaftar"* untuk makluman pengguna dan dikemas kini dari semasa ke semasa. Sepanjang tempoh tahun 2008 hingga tahun 2015 juga, sebanyak 47 jenis produk berdaftar telah dibatalkan pendaftarannya di mana tujuh daripadanya produk milik syarikat jualan langsung.

#### ■1150

KKM melalui bahagian perkhidmatan farmasi juga memantau penyiaran iklan-iklan berhubung penjualan produk kesihatan melalui semua media di Malaysia. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 34 buah syarikat jualan langsung telah diberikan surat peringatan mengenai keperluan pendaftaran dan kelulusan iklan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sekarang ini kalau kita lihat dalam *WhatsApp* kita dan juga media-media lain seperti *Telegram*, *Facebook* dan sebagainya, juga digunakan untuk dijadikan bahan untuk mengiklankan barang-barang ini. Baru-baru ini ada dijual sejenis kopi yang kononnya kopi ini dapat membangkitkan nafsu lelaki. Saya terus terang cakap, menyatakan bahawa nafsu lelaki akan menjadi lebih kuat dan hebat. Jadi, adakah kementerian memantau perkara-perkara begini kerana saya rasa dalam kopi-kopi ini dimasukkan steroid ataupun bahan-bahan lain yang merbahaya kepada pengguna-pengguna. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Kementerian Kesihatan daripada bahagian farmasi memang sentiasa memantau produk-produk yang dijual dalam pasaran dan juga pengiklanan seperti yang disebut tadi iaitu tiap-tiap produk yang hendak diiklankan mesti mendapat nombor KKLIU iaitu Kementerian Kesihatan, Lembaga Iklan Ubat. Dia ada nombor dia, mesti dapat itu. Kalau tidak, dia tidak boleh iklan di mana-mana pun.

Bagi kopi-kopi dan pelbagai jenis minuman, memang juga dipantau oleh pihak farmasi. Memang Tuan Yang di-Pertua, memang ada kopi-kopi yang *claim* kata kuat ini memang dimasukkan bahan-bahan seks *stimulant* dalam itu. Jadi membahayakan kerana ada kesan kepada jantung. Jadi pertama sekali, kopi yang dijual sampai RM5 satu, yang mahal-mahal ini, yang jual RM5 satu bungkus biasanya kita *check*. Setiap kali memang ada bahan-bahan yang terlarang Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, kerana masa tidak mengizinkan cukup setakat itulah agaknya kita bagi soalan lisan seterusnya. Sekarang dipersilakan Setiausaha.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]**

## USUL

### **MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan ke Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketiga Belas.” **[13 April, 2015]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan untuk menyambung. Yang Berhormat ada setengah lagi ya ucapan Yang Berhormat itu untuk dibenarkan. Silakan.

**11.53 pg.**

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyambung perbahasan saya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, hari ini Tahun Baru Tamil. So saya mohon izin dari Tuan Yang di-Pertua, untuk mengucapkan, ‘Selamat Menyambut Tahun Baru Tamil’ kepada rakan-rakan Tamil saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Dalam bahasa Tamil... [*Berucap dalam bahasa Tamin*] Ini termasuk rakan saya Yang Berhormat Dato' Seri Nallakaruppan pun. Hari ini juga merupakan Hari *Vaishaki*. So saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Perayaan *Vaishaki* kepada penganut-penganut Singh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Balik kepada perbahasan saya. Semalam setakat mana saya berhenti ialah topik kematian dalam tahanan dan semalam telah memberitahu Dewan yang mulia ini, kenyataan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri bahawa iaitu kerajaan tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana penyalahgunaan kuasa yang menyebabkan kematian dalam tahanan. Sekiranya ada kes-kes sedemikian, kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas. Semalam saya akhiri dengan peluang yang ada kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Mahkamah Koroner baru-baru ini merupakan satu peluang yang baik kepada Yang Berhormat Menteri dan juga *AG Chambers* untuk membuktikan bahawa kenyataan itu bukan satu kenyataan yang kosong. Yang Berhormat Menteri boleh membuat demikian dengan cara mendedahkan secara terbuka tindakan yang telah diambil atau yang telah dimulakan terhadap orang-orang yang bertanggungjawab atas kematian dalam tiga kes yang disebut oleh Mahkamah Koroner. Saya pasti ini bukan susah fasal dalam ketiga-tiga kes ini, bukan susah untuk mengenal pasti orang yang bersalah fasal dalam tiga-tiga kes ini, terdapat saksi dan juga rakaman CCTV. So saya harap dalam kes ini, Yang Berhormat Menteri akan mengambil satu tindakan yang serius.

Dalam isu yang sama, saya juga ingin menyeru kerajaan untuk mengkaji semula keputusan mengenai pertubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis, lebih dikenali sebagai IPCMC seperti yang dicadangkan dalam Laporan Suruhanjaya Polis tahun 2005. Saya buat seruan fasal pada saya, jelas bahawa EAIC atau Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan yang ditubuhkan pada tahun 2009 dan juga Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan oleh Ketua Polis Negara telah gagal dalam usaha mencegah kematian dalam tahun ini. Lagipun kalau kita tengok Ketua Polis Negara, dia sendiri telah melaporkan bahawa tidak menentang penubuhan IPCMC, tetapi hanya terhadap syarat-syarat yang tertentu.

Pada saya, keengganan untuk menubuhkan sesuatu mekanisme sama ada IPCMC atau mekanisme yang lain, walaupun insiden-insiden kematian dalam tahanan masih berterusan, menunjukkan sebagai *lack of political will* bagi pihak kerajaan. Kalau kita tidak ambil satu tindakan yang tegas, tempat yang semalam yang *I* cakap *the safest place* itu akan jadi *killing place*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Dalam topik kematian dalam tahanan, saya cuma ada satu lagi poin iaitu kematian mendiang Teo Beng Hock semasa dalam tahanan MACC. Ini *I* hendak sentuh kepada keputusan Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan pada 5 September tahun lepas telah memutuskan bahawa kematian mendiang Teo Beng Hock disebabkan dan di sini saya ingin *quoted* apa yang dicakap oleh mahkamah, "*As a result of which was accelerated by unlawful of act or acts by persons unknown inclusive of MACC officers.*"

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kenyataan Ketua Polis Negara bahawa polis akan menubuhkan satu pasukan khas untuk menyiasat dengan teliti kejadian ini mengikut dengan keputusan Mahkamah Rayuan. Akan tetapi apa yang jadi isu kepada saya ialah sudah 7 bulan selepas kenyataan atau keputusan Mahkamah Rayuan dan sehingga hari ini tidak ada apa-apa perkembangan dalam siasatan pasukan khas yang ditubuhkan oleh Ketua Polis Negara. Pada saya mungkin ada kerja, mungkin dia orang ada buat dia punya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat mengikut, sedang dan sudah diambil tindakan. Mungkin-mungkin itu tolong jangan *speculat* telah ya. Teruskan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Pada saya, saya berpendapat demikian fasal tidak ada pengumuman awam, secara terbuka daripada segi *progress* kes tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, *you* minta, satu, beritahu apa perkembangan. Ya okey, teruskan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Oleh itu saya menyeru kepada pihak polis untuk *announce* dia punya perkembangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan pergi kepada topik yang terakhir, topik yang ketiga mengikut kesempatan masa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Ini adalah berkaitan dengan insiden di Kampung Medan, Jalan Klang Lama. Ini Tuan Yang di-Pertua, terdapat satu pepatah bahasa Inggeris dan saya akan *quoted* dengan izin, "*It is never too late for truth and justice*". Dengan fikiran ini, saya akan memulakan perbincangan berkenaan dengan topik ini.

#### ■1200

Tuan Yang di-Pertua, 14 tahun lalu iaitu pada 8 Mac 2001 sehingga 13 Mac 2001 dalam lima enam hari, enam orang yang tidak bersalah telah kehilangan nyawa mereka dan lebih kurang 90 lebih lagi cedera. Saya bercakap berkenaan dengan kejadian di Kampung Medan di Jalan Klang Lama. Satu peristiwa yang amat malang dan yang kekal sehingga hari ini sebagai satu tanda hitam dalam peristiwa kita. Satu tanda hitam kepada keharmonian dan kesejahteraan bersama. Tujuan saya menimbulkan isu ini adalah macam ini. Kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua, dalam isu ini terdapat banyak *version* yang berbeza mengenai kejadian ini. Ada yang mengatakan insiden ini pertembungan kaum dan sebagainya. Ada yang mengatakan ini keganasan yang terancang.

Akan tetapi pada saya kita masih belum dapat satu *authoritative version* apatah lagi satu tuduhan yang serius pernah dibuat mengenai peranan pasukan keselamatan masa kejadian itu. Ada mangsa dan ada saksi yang mengatakan beberapa insiden keganasan itu disaksikan oleh polis yang gagal untuk menahan atau membantu mangsa-mangsa. Sedih kalau tuduhan ini betul. Sebaliknya polis sendiri telah...

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin:** Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Masa...

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin:** Mohon laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, ada pertanyaan? Okey, satu sahaja. Ringkas.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuba memahami apa yang Yang Berhormat cuba sampaikan tetapi saya fikir eloklah kalau perkara ini tidak lagi Yang Berhormat cuba bangkitkan dalam Dewan ini sebab perkara ini sudah berlaku 14 tahun yang lepas. Saya fikir pihak polis pun sudah ada siasatan dan andaian-andaian tuduhan kononnya polis melihat, berlaku pergaduhan antara kaum dan sebagainya. Saya fikir benda ini telah pun diselesaikan dengan baik dan telah ditangani oleh pihak berkuasa dengan cukup bijaksana. Jadi tidak perlulah kita bangkitkan.

Kalau Yang Berhormat hendak bangkitkan perkara ini, banyak lagi insiden lain yang boleh juga kita bangkitkan dan akhirnya ia tidak baik untuk keharmonian kaum dalam negara. Jadi saya fikir apa pandangan Yang Berhormat, kalau perlu andaian dan kemungkinan-kemungkinan yang ada dengan izin ini, tidak perlulah kita sebut supaya tidak mengelirukan lagi keadaan yang telah berlaku buat sekian lama. Jadi mohon pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk makluman Yang Berhormat, apabila saya tengok rekod, Yang Berhormat semalam sudah cakap lama. Agaknya *last* penjelasan sahaja diberi untuk Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Ya, *last point* sebab saya kena jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila jawab.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Sebenarnya kalau Yang Berhormat, dengar habis apa yang saya hendak sebut, mungkin faham niat saya kenapa saya timbulkan isu ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawab, jawab...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Okey. Kalau kita tengok insiden ini, selepas kejadian itu ada banyak jaminan dari kerajaan bahawa akan buat satu siasatan dan sebagainya contohnya dari SUHAKAM dan sebagainya tetapi tidak ada sebarang siasatan yang dijalankan. Tujuan saya membangkitkan isu ini pada hari ini ialah saya pergi kepada cadangan saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah tujuannya Yang Berhormat? Sebab Yang Berhormat sudah melebihi masa. Ringkaskan, bagi jawapan itu.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Okey. Jadi cadangan saya mengenai isu ini pada hari ini ialah supaya dapat menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja supaya kita dapat pelajari daripada kejadian ini. So, cadangan saya untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja supaya kita belajar daripada kejadian ini. Saya setuju dengan rakan saya bahawa kalau kita tengok Titah Baginda pun, titah telah memutuskan Malaysia amat memerlukan keharmonian dan kerukunan hidup antara rakyat pelbagai kaum.

Saya pun berpegang pada prinsip yang sama. Pada saya, saya terima pandangan saudara saya bahawa pada saya tiada negara yang lebih baik daripada bumi yang bertuah ini. Tujuan saya cakap supaya kita dapat mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan bersama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader.

**12.05 tgh.**

**Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya menyokong titah Yang di-Pertuan Agong satu ucapan yang lengkap dan penuh bererti. Tuan Yang di-Pertua, saya memang dari awal saya sudah sediakan satu teks yang begitu besar, panjang tetapi saya akan pendekkan pada hari ini sebab ramai Yang Berhormat yang telah menyuarakan. Apa yang penting sekali berbalik pada GST, saya pun ada sedikit hendak sentuhkan. Berkenaan dengan GST ini, peniaga dan pengguna masih keliru tentang mana yang perlu dikenakan GST dan yang mana tidak. Saya fikir agensi kerajaan terbabit telah menggunakan masa yang cukup lama ini untuk turun padang menjelaskan kepada rakyat tentang dasar percukaian baru ini. Akan tetapi sehingga hari ini banyak kekeliruan timbul dalam pelaksanaan GST.

Kita juga mendapati kenyataan *flip flop* oleh pihak Kastam Diraja Malaysia. GST ini telah disalah guna oleh sebilangan peniaga untuk menaikkan harga. Alasan mereka GST. Ada pula peniaga yang memberi gambaran yang salah kepada pengguna bahawa mereka akan serap GST daripada keuntungan mereka. Ada di antara mereka menggunakan Menteri Kabinet untuk mempromosikan kempen harga GST mereka. Saya di sini ingin mengutarakan sedikit, di mana peniaga-peniaga boleh serapkan keuntungan mereka hendak bagi bayar GST ini.

Saya dapat lihat perbandingan harga sebelum dan selepas pelaksanaan GST ini memang berubah. Harga-harga ini apabila dikatakan dah serap dalam harga itu, bukannya pembeli membawa kalkulator hendak kira, tidak ada. Lagipun boleh nampak pengguna-pengguna ini apabila dia datang memang dia tidak tahu untuk menilai harga barang itu. Sebab apa, katakan ia telah diserapkan dengan GST. Harga sebelum dan selepas ini memang tidak boleh dibuat perbandingan. Ini satu yang saya rasa lebih baik kita kekalkan harga sebenar dan sebutkan GST supaya ia tidak mengelirukan pengguna.

Kerajaan seharusnya menetapkan dalam pelaksanaan GST ini peniaga tidak boleh sama sekali *absorb* GST. Saya bimbang ini akan membawa kepada penyalahgunaan dan pengguna akan rasa tertipu jika mereka membuat perbandingan harga. Peniaga harus meletakkan satu tanda harga yang jelas, berapa harga barangan dan berapakah GST untuk barangan atau perkhidmatan tersebut. Ini akan memudahkan kita untuk mendidik pengguna dan pada masa yang sama ini akan dapat mengelakkan penipuan oleh sebilangan peniaga yang tidak bertanggungjawab.

Timbul juga beberapa kekeliruan berhubung *service tax* di mana ada juga peniaga yang menggunakan istilah *service charge*. Walaupun kadar yang dikenakan adalah sama, ia memberi dua makna yang berbeza iaitu satu bayaran dan satu cukai. Pengguna juga keliru kerana sebelum pelaksanaan GST kerajaan telah mengumumkan bahawa GST akan menjadi sistem percukaian tunggal. Saya faham jika industri seperti perhotelan mengenakan *service charge* kerana mereka ada *collective agreement* (CA) bersama kesatuan kerja tetapi lain pula senario di mana banyak premis perniagaan yang

tiada CA pun mengenakan *charge* tersebut dengan alasan GST. Pagi ini saya baca di surat khabar yang mengatakan ada peluang untuk mereka menghapuskan *service charge* ini. Saya memang menggalakkan keputusan itu yang tidak akan mengelirukan pengguna.

Kita kena faham, rakyat sebenarnya tidak marah pada kerajaan. Apa yang membuatkan mereka marah dengan kerajaan perbuatan segelintir peniaga dan pemborong yang mengenakan GST sewenang-wenangnya dan menaikkan harga dengan alasan GST. Kita tidak boleh berkompromi dengan peniaga seperti ini dan hukum yang bakal dikenakan kepada mereka ini harus menjadi pengajaran kepada semua.

#### ■1210

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah membawa isu berkenaan dengan status bumiputera bagi kaum India Muslim di negara kita yang telah sekian lama tertangguh. Saya ingin berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Jabatan Perdana Menteri yang telah memberi jawapan bertulis pada tahun 2012. Saya faham ini bukan satu yang bersifat *blanket approval* tetapi mengikut kelayakan individu jika mereka termasuk dalam takrifan perlembagaan bagi status bumiputera.

Saya telah membawa perkara ini kepada pengetahuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Puan Hajah Nancy binti Shukri Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada *pre-council* baru-baru ini dan mereka telah bersetuju untuk mengeluarkan satu pekeliling yang jelas maksud mengikut tafsiran Perlembagaan dihantar ke semua kementerian dan agensi kerajaan peringkat persekutuan dan negeri ini termasuk kepada kaum Siam. Ini bukan satu retorik tetapi penantian satu bangsa untuk diiktiraf selepas hampir enam dekad selepas kemerdekaan. Saya percaya kerajaan akan memberi satu perhatian yang serius dalam implementasi perkara ini dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, institusi kehakiman negara adalah satu badan bebas di negara kita. Kalau kita lihat kembali sejarah perundangan negara bukan sahaja pemimpin pembangkang malah pemimpin kerajaan sendiri pun pernah disabit kesalahan dan dijatuhkan hukuman. Ini menunjukkan ketelusan dan integriti sistem kehakiman negara yang *non partisan*.

Akan tetapi sejak kebelakangan ini ada pihak yang menghasut rakyat untuk membenci serta membuat tohmahan palsu bahawa hakim-hakim turut terlibat dalam konspirasi politik. Kita kena faham bahawa sebelum dijatuhkan hukuman, bekas Ketua Pembangkang telah melalui proses perundangan sepenuhnya malah ia bukan satu konspirasi politik malah satu perbuatan jenayah. Ini bukan kali pertama malah kali kedua disabit untuk kesalahan yang sama. Akan tetapi ini telah digunakan oleh pemimpin pembangkang untuk menghasut rakyat untuk turun berdemonstrasi di jalan raya. Apakah nilai-nilai seperti ini yang ingin kita wariskan kepada generasi yang akan datang?

Terbaru mereka sedang merancang untuk satu demonstrasi jalanan sempena Hari Buruh pada 1 Mei ini bagi membantah pelaksanaan GST. Niat pembangkang cukup jelas di sini. Niat mereka bukan membantah pelaksanaan GST tetapi menghasut rakyat ke jalanan dengan niat untuk menjatuhkan kerajaan melalui demonstrasi.

Di Dewan Rakyat sahaja mereka ada 89 orang Ahli Pembangkang. Jika niat mereka ikhlas mereka sepatutnya telah menggunakan Dewan yang mulia ini untuk membawa suara hati rakyat yang mereka wakili. Ini tidak, Dewan Rakyat digunakan untuk bertikam lidah dan jalanan digunakan untuk demonstrasi. Maka, apa nasib serta harapan rakyat yang mereka wakili. Ini akan terus menjadi tanda soal? Mereka juga tidak lupakan yang baru-baru ini waktu anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkahwin pun ada juga perarakan yang mereka tunjuk perasaan. Saya pun tidak faham kenapa mereka ini. Itu bukan yang *official*. Yang persendirian, anak hendak kahwin hendak bawa juga dari situ, hendak demonstrasi. Saya pun tidak faham macam mana mereka belajar ini semua. Oleh sebab apa bukan sahaja, orang luar negara pun datang juga boleh bantah macam ini kah.

Untuk *survival* politik, mereka tidak pernah akur dengan arahan pihak berkuasa malah mencabar pihak polis melalui provokasi untuk mengambil tindakan terhadap mereka. Saya terkilan dengan sikap seperti ini. Ramai di antara mereka pengamal undang-undang. Sebagai seorang pengamal undang-undang, mereka sepatutnya mendidik rakyat untuk menghormati asas Perlembagaan dan perundangan negara seperti mana terkandung dalam Rukun Negara. Mereka menggunakan media sosial untuk menghasut rakyat.

Sehingga hari ini walaupun banyak laporan dibuat terhadap kes hasutan dalam media sosial kepada pihak polis dan SKMM kita tidak nampak tindakan undang-undang diambil terhadap pihak yang terbabit menyebabkan ini mungkin satu sebab utama mereka bermaharajalela dalam terus menghasut rakyat dalam media sosial. Malah ada yang berani untuk mempersoalkan kedudukan Raja-Raja Melayu.

Agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan turut dipersoal. Sehinggan sijil nikah anak Perdana Menteri pun mereka boleh palsukan dengan meletakkan wang hantaran mencecah USD500,000. Ini sebab utama mengapa pembangkang bermati-matian menolak Akta Hasutan kerana jika pindaan ini dilulus maka mereka bimbang pihak berkuasa akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka dan mereka tidak boleh terus menabur fitnah seperti yang dilakukan selama ini. Tidak cukup sekadar hasutan, mereka juga raja segala fitnah. Pelbagai fitnah dan tohmahan palsu sengaja dilemparkan kepada pemimpin kerajaan.

Baru-baru ini Ahli Parlimen Pandan telah membuat tohmahan palsu terhadap kerajaan bahawa kerajaan telah membeli enam buah BMW 7 Series yang setiap satu bernilai lebih setengah juta hanya kerana menggunakan dana kerajaan. Akhirnya pihak BMW mengeluarkan kenyataan rasmi bahawa kereta-kereta tersebut tajaan bagi Persidangan ASEAN hujung bulan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melakukan beberapa penambahbaikan dalam sistem pendidikan negara terutamanya dalam peperiksaan awam. Kerajaan telah melakukan satu kajian yang cukup mendalam sebelum pemansuhan PMR dibuat dan digantikan dengan PT3. Saya mendapat banyak rungutan daripada pihak ibu bapa berkenaan dengan pelaksanaan sistem penilaian berasaskan sekolah. Apa yang mereka bimbangkan adalah bahawa tidak ada satu *benchmarking* khusus bagi menilai pencapaian seorang pelajar itu sebelum mereka menghadapi SPM.

Walaupun soalan peperiksaan PT3 disediakan oleh panel yang dilantik oleh pihak kementerian dan Jabatan Pendidikan soalan yang dijawab oleh pelajar di setiap sekolah adalah berlainan. Ini adalah kerana ketua panitia sekolah terbabit akan memilih soalan yang disediakan oleh panel. Ini jauh berbeza dalam peperiksaan awam sebelum ini di mana semua pelajar di seluruh negara menjawab soalan yang sama. Ini akan memudahkan guru dan ibu bapa mendapat satu *benchmarking* pencapaian anak mereka.

Saya dengan ini mohon agar pihak kementerian dapat mengkaji semula pelaksanaan PT3 agar ada satu penilaian yang setara di seluruh negara walaupun ia satu penilaian berasaskan sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin sedikit perkara dengan restoran-restoran India Muslim yang sentiasa banyak yang disoal-soalkan yang memandangkan kita ini ramai yang tidak sedar bahawa pengusaha restoran juga dihimpit dengan kenaikan kos bahan mentah. Dalam pada masa yang sama juga kos operasi seperti sewa premis, gaji pekerja serta lain-lain kos meningkat saban hari. Mereka juga manusia biasa seperti kita yang ada tanggungan. Oleh itu, saya mohon kepada semua pihak agar jangan segera menuding jari kepada restoran mamak sahaja. Bila-bila masa apa pun naik gaji kah, apa pun, teh tarik lah, roti canai inilah kedua-dua contoh yang diambil.

Saya pun tidak faham kenapa dia hendak contohkan ini sahaja. Fasal apa kita sudah lihat bila dikatakan jangan naik harga dia tidak naik harga juga, tapi untungnya semakin hari semakin kecil. Dahulu kalau kita bandingkan satu restoran boleh dapat keuntungan RM30,000 tapi yang sekarang kalau sudah dapat RM10,000 pun besar juga, yang mana tidak boleh hidup dengan satu restoran. Memang dia tidak boleh hidup. Dia kena ada dua tiga baru dia boleh dapat wang sedikit. So, ini fasal apa, setiap kali apa pun tohmahan kedai mamak juga. Tadi pun saya dengar Yang Berhormat Menteri sebut-sebutkan kedai-kedai makanan itu tidak ada kena GST, kedai mamak pun tidak kena GST tapi sebenarnya semua kedai mamak kena GST fasal apa perniagaan mereka ini lebih daripada RM500,000. So, ini yang satu dapat lihat.

■1220

Yang keduanya, saya sudah lihat juga ada segelintir restoran mamak pun tidak dikenakan GST. So, ini pun satu kekeliruan. Kedai 'A' kena kedai 'B' tidak kena. So orang pun keliru juga. Bila datang itu, dapat perbezaan. So saya fikir ini satu yang kena faham, sebelum kita hendak tuduh sesuatu itu kena faham pendirian dan masalah-masalah mereka.

Keduanya, satu lagi yang saya hendak tanya tentang pekerja asing. Ini yang sentiasa dibawa dalam Dewan yang mulia ini memandangkan di restoran ini orang tempatan tidak mahu kerja. So macam mana mereka hendak jalankan perniagaan itu, satu masalah. Kalau kerajaan bagi pun, ia hanya bagi untuk pemasak sahaja tetapi pekerja tiada. So banyak yang kerja di restoran-restoran tutup, tidak cukup pekerja. Jadi saya minta kepada kerajaan memandangkan setiap restoran ini kita adakan satu tahap yang mana bagi kalau 24 jam ini bagi beberapa orang pekerja ataupun yang tidak ada 24 jam, kita tetapkan berapa ramai yang ada. Itu lebih elok dan bila seorang itu keluar, seorang lagi boleh masuk balik, dia boleh gantikan di situ. Akan tetapi yang sekarang ini, memang tidak ada satu kalau dia tahu

orang atasan, dia boleh dapatkan banyak pekerja, yang lain tidak dapat kerja. So ini satu masalah perlu diselesaikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, ini saja yang saya hendak katakan. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dr. Ariffin. Ha, duduk dalam Dewan Yang Berhormat, kalau tidak ada, saya panggil orang lain dah. Silakan.

### 12.21 tgh.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. DYMM telah menyentuh beberapa perkara dalam ucapan Baginda dan oleh sebab masa tidak mengizinkan saya hanya akan menyentuh beberapa perkara sahaja.

Pertama, DYMM telah menyentuh tentang keselamatan negara. Memanglah kita dalam Dewan yang mulia ini sokong sebarang tindakan untuk menentukan keselamatan negara ini terjamin. Walaupun pemerintah bertindak untuk menentukan keselamatan negara tetapi bagi sayalah kelulusan Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 mungkin tidak akan mengatasi ancaman keganasan oleh penyokong-penyokong ekstremis khususnya mereka yang menyokong *Islamic State*. Undang-undang seperti ini hanya berkesan jika militan-militan pelampau dapat dikenal pasti dan dikesan. Jika tidak, maka undang-undang ini tidak bolehlah mempunyai sebarang keberkesanan dan tidak berguna sebenarnya.

Bagi saya, cara untuk mengatasi ancaman IS bukan melalui undang-undang sahaja tetapi dengan mempunyai dasar yang terbuka di mana perbahasan digalakkan supaya orang ramai tahu tentang kelemahan IS. Berapa ramaikah penduduk Malaysia tahu apa itu IS? Apakah ideologi mereka? Mengapakah mereka begitu berbahaya? Pendidikan boleh digunakan untuk mengatasi ancaman puak pelampau jika pendidikan ini menekankan pendekatan sederhana dan jalan tengah dalam segala aspek kehidupan.

Di samping itu, kita harus memantau sukatan pelajaran yang digunakan untuk pendidikan pelajar-pelajar kita khususnya yang berkait dengan agama Islam. Kita mesti menentukan bahawa sukatan pelajaran agama khususnya agama Islam tidak mengandungi fahaman-fahaman ekstrem yang diamalkan oleh kelompok-kelompok ekstremis di Timur Tengah.

Walaupun kerajaan telah membentangkan kertas putih berhubung dengan ancaman militan dan juga telah mengemukakan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan baru-baru ini, masalah ancaman militan tidak dapat dibendung hanya dengan undang-undang sahaja. Ini kita harus terima. Masalah ini hanya dapat diatasi dengan pemerintahan yang bertindak secara adil dan saksama serta menentukan bahawa negara ini mencapai kemajuan daripada segi politik, sosial dan ekonomi yang memanfaatkan semua rakyat tak kira bangsa atau agama.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pendidikan, banyak perkara telah disentuh oleh Ahli-ahli Dewan Negara kelmarin. Jadi sebab itu saya tidak akan tambah apa yang telah mereka sentuh tetapi hanya membuat sedikit komen sahaja. Dalam soal pendidikan sekali lagilah kita telah menyaksikan satu lagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Kali ini pelan baru merangkumi tempoh masa 2013 sehingga 2025. Saya berharap bahawa pelan yang terkini ini akan berjaya, berjaya menghentikan kemerosotan mutu pendidikan negara ini dan meningkatkan kedudukan universiti-universiti tempatan yang kian merosot pada setiap tahun.

Kita mesti menentukan bahawa apa pelan yang kita sediakan mesti dapat dilaksanakan dengan elok dan cara yang berkesan dan juga dilaksanakan dengan cara yang cekap supaya tujuan dan maklumat pelan itu dapat dicapai. Kalau tidak, saya tidak yakin pelan pendidikan yang terkini atau apa lagi pelan yang berikut akan mencapai matlamatnya serta mengatasi masalah mutu rendah pendidikan jika tidak dilaksanakan secara efektif dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal menjaga kepentingan rakyat, pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) telah menimbulkan pelbagai masalah di kalangan orang ramai. Pertama, harga barang-barang keperluan telah naik secara mendadak. Ini pun telah diakui oleh Ahli Dewan di sini. Kos hidup telah meningkat dan yang amat penting ialah perniagaan-perniagaan kecil dan sederhana serta juga kilang-kilang kecil kebanyakannya yang dikendalikan oleh orang Melayu mungkin tidak dapat bersaing dan terpaksa gulung tikar kerana GST ini merupakan satu beban, beban yang berat bagi mereka tanggung. Adakah kerajaan telah ambil kira kesan GST terhadap peniaga-peniaga serta pengusaha-pengusaha yang baru sahaja hendak bangun dan dengan tiba-tiba terpaksa menghadapi GST. Saya harap bahawa mekanisme yang dapat disediakan untuk membantu peniaga-peniaga kecil ini serta pengusaha-pengusaha Melayu yang baru sahaja hendak membangun, tiba-tiba dilanda pula oleh GST.

Beralih kepada keperluan rumah mampu milik. Bagi saya, saya tidak menyebelahi mana-mana pihak tetapi Kerajaan Pusat haruslah bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk menambah lagi jumlah rumah mampu milik untuk rakyat. Hanya dengan kerjasamalah Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri baru sahajalah masalah rumah mampu milik dapat diatasi. Setakat ini saya mendapati bahawa tiada satu pun projek PR1MA yang didapati di Pulau Pinang walaupun pelbagai janji telah diberi.

Sejak 2008, 20,079 buah rumah kos rendah dan mampu milik telah dibina di Pulau Pinang. Setakat ini Kerajaan Pulau Pinang telah melancarkan 12 buah projek rumah mampu milik di mana 22,545 buah unit rumah kos rendah, kos sederhana dan mampu milik sedang dibina. Ini tidak mengambil kira projek-projek perumahan kos rendah yang dibina oleh pihak swasta. Maka jika Kerajaan Pusat dapat bekerja dengan kerajaan-kerajaan negeri, maka kerjasama antara...

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Mohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada seorang bangun.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Ya.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Saya amat terpegun dengan ucapan Yang Berhormat, cuma saya ingin mohon sedikit penjelasan sebab saya difahamkan kerajaan negeri telah memerintah untuk penggal yang kedua tetapi masih dilancarkan rumah kos rendah, kos sederhana rendah, masih di peringkat pelancaran tetapi kita belum tengok lagi rumah itu wujud berbanding dengan sewaktu Barisan Nasional mentadbir.

■1230

Saya rasa kita tidak seharusnya meletak kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri sebab saya rasa beban ini harus ditanggung oleh kerajaan negeri. Kalau dahulu sewaktu Barisan Nasional kita boleh membina kenapa sekarang tidak boleh dibina rumah kos rendah. Jadi saya juga ingin meminta pandangan Yang Berhormat sebab banyak agensi daripada persekutuan ingin membina perumahan mampu milik dan kos rendah di Pulau Pinang. Seperti agensi JKP, PERDA, PR1MA tetapi kerajaan negeri memberi kesukaran kepada agensi ini untuk mendapat kelulusan pelan dan beberapa syarat yang terlalu ketat sehingga kita tidak mampu untuk membuat pembinaan. Jadi saya mohon komen Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih atas komen Yang Berhormat baru tadi. Tentang berapa banyak rumah telah dibina di Pulau Pinang dan projek-projek ini. Saya boleh beri senarai semuanya ada dalam fail ini, lengkap tetapi kalau saya hendak beri satu penyampaian yang begitu menyeluruh maka ini akan mengambil masa. Sudah ada saya boleh beri. Tentang permohonan Kerajaan Pusat untuk membina kos rumah yang rendah di Pulau Pinang. Saya hendak tanya apa sebabnya kerana pusat telah beli melalui 1MDB, tanah-tanah di air hitam yang begitu banyak bermasalah, yang begitu banyak penuh dengan izin, *legal and cumbrance* dengan harga yang begitu tinggi. Maka dengan keadaan ini macam manalah hendak bina kos rendah yang dapat kembalikan sebahagian daripada wang yang digunakan untuk beli tanah itu. Ini pun ada di dalam fail saya, saya boleh beri kepada Yang Berhormat kemudian.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Mohon mencelah sekali lagi. Terima kasih...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat nanti dahulu. Yang Berhormat benarkan?

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Tidak apa Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat, lepas itu jawab.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua sebab saya rasa kita sama-sama ingin menjaga keperluan rakyat Pulau Pinang. Jadi saya ingin beri sedikit *detail* baru-baru ini di bawah JKP Sdn. Bhd. telah mengemukakan pelan kelulusan untuk 9,000 lebih kalau tidak silap saya rumah kos rendah dan rumah mampu milik. Akan tetapi mempunyai banyak sekatan dan kesukaran untuk mendapat kelulusan. Juga disyaratkan pembeli mestilah diberi nama oleh kerajaan negeri walaupun rumah itu bukan kos rendah tetapi rumah di bawah kadar RM400,000 ke atas tetapi tetap nama dikemukakan oleh kerajaan negeri.

Jadi saya rasa terlalu banyak syarat-syarat yang dikenakan jadi kita tidak memudahkan tetapi kita menyukarkan. Jadi saya mohon pandangan Yang Berhormat kalau boleh bincang bersama kerajaan

negeri dan cuba Yang Berhormat beri komen. Kenapa tidak dimudahkan dan sentiasa disukarkan keadaan kelulusan yang hendak diberi itu. Terima kasih.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih atas komen baru tadi. Perkara ini saya akan kemukakan kepada kerajaan tetapi setahu saya apa yang saya dapat terima daripada mereka ialah setiap kali Kerajaan Pusat hendak mengadakan projek-projek di Pulau Pinang. Dari semasa ke semasa mereka ubah pelan mereka maka dalam keadaan ini bahawa satu keputusan yang muktamad tidak dapat diambil. Ada beberapa buah surat tentang perkara ini dalam fail saya yang saya boleh serahkan kepada Yang Berhormat kemudian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat saya berpendapat Yang Berhormat berdua ini datang dari Pulau Pinang. Lagi baik kalau kita betul-betul *transparent*, ikhlas Yang Berhormat dan Yang Berhormat Puan Norliza duduk dan cuba selesaikan perkara ini. Jangan membuang masa kitalah.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Memang ini yang saya cadangkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya saya tahu Yang Berhormat bersikap rasional. Kalau boleh bersikap rasional kita sama-sama cari penyelesaian kalau kita dengar pun kita tidak faham ini apa yang berlaku diselesaikan sahajalah kalau boleh dan teruskan *point* yang lain Yang Berhormat.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua saya takut dalam beg itu kosong, cuba buka [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, teruskan.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Baik. Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menegaskan bahawa negara Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang amat memerlukan keharmonian dan kerukunan hidup antara rakyatnya yang pelbagai agama, kaum dan kepercayaan. Untuk mencapai matlamat ini saya amat hairan apa sebabnya kita hendak gunakan Rukun Negara sebagai satu asas dan sebagai satu ideologi untuk menyatupadukan negara. Saya hendak cadang bahawa negara dan prinsip-prinsip yang dijadikan garis panduan untuk negara ini diberi semangat baru dan digunakan dalam usaha Kerajaan Pusat untuk memupuk perpaduan dan keharmonian serta mengatasi gejala perkauman dan konflik agama. Prinsip-prinsipnya memang menarik dan elok.

Ahli Dewan Negara yang saya muliakan, kita harus sedar bahawa semasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah buat pertama kali dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong. Rukun Negara telah dijadikan asas perpaduan negara pada masa itu. Maka untuk menghormati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, eloklah prinsip-prinsip Rukun Negara dijadikan sekali lagi teras untuk menyatupadukan negara.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, Titah Seri Paduka Baginda juga sentuh tentang demokrasi. Negara ini kita difahamkan berdiri atas demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan serta kedaulatan undang-undang. Oleh sebab itu maka ruang dan skop demokrasi haruslah diperluaskan dan bukan disempitkan dengan kelulusan undang-undang yang mencabuli prinsip-prinsip demokrasi. Ini

perkara yang amat penting. Jika mana-mana kerajaan menggadaikan hak demokrasi dan juga cuba mencari kesempatan untuk menyekat hak rakyat untuk mengadu, bersuara, berkumpul. Mengikut apa yang diterima sebagai hak-hak asasi manusia maka sudah pastilah kerajaan semacam itu akan menghadapi masalah untuk mengekalkan kedudukannya dalam sebuah sistem Demokrasi Berparlimen yang benar-benar tulen. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Yang Berhormat telah berucap bagus sebagai seorang cendekiawan dan juga kalau ada cuma sedikit tadilah kalau masalah di Pulau Pinang itu agaknya selesaikanlah. Sebagai badan Dewan ini kita hendak cari kebenaran dan keadilan. Saya harap Yang Berhormat Puan Norliza dengan Yang Berhormat dapat berbincang.

Dalam sesi yang akan datang boleh agaknya lagi aman. So sekarang saya persilakan. Selesai sudah bagi yang semalam saya hendak maklum semua Yang Berhormat ini semua yang semalam ini yang sepatutnya kita habiskan. Sekarang kita pergi yang beri nama untuk berucap hari ini. Saya rasa ramai juga masih belum hantar tolong beritahu nama dan tarikh bila hendak berucap. Sekarang persilakan Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam.

**12.38 tgh.**

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas kesempatan diberi untuk saya membahaskan usul terima kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini. Saya juga ingin mengucapkan lebih awal Selamat Menyambut Tahun Baru Songkran, Vasakhi dan juga Selamat Tahun Baru Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali marilah kita mengangkat kesyukuran kepada Allah SWT serta mengucapkan salam kepada Baginda Rasulullah SAW kerana kita telah diberikan kesihatan badan, kekuatan mental dan kelapangan masa untuk kita menghadiri sidang Dewan yang mulia pada hari ini. Kehadiran kita adalah semata-mata untuk menyempurnakan amanah dan tanggungjawab sebagai wakil rakyat di Dewan Negara. Kedua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang keemasan kepada saya untuk turut membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ketiga, Titah perasmian oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh pelbagai bidang dan isu semasa.

Pada hemat saya, semua yang dititahkan itu menuntut perhatian yang serius daripada kita. Seharusnya kita menghayati Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan sama-sama mengambil iktibar serta dijadikan pedoman untuk kita meneruskan tugas dan amanah sebagai wakil rakyat dan juga sebagai penggubal undang-undang di Dewan yang mulia ini.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, di awal ucapan saya ini saya ingin juga mengucapkan takziah di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Jarjis dan Datuk Azlin, SUS kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan semua mereka yang terlibat dalam nahas helikopter

baru-baru ini. Kehilangan Tan Sri Dr. Jamaluddin Jarjis kehilangan besar bagi negara kita dan takziah kepada semua keluarga yang terlibat. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan syabas dan juga tahniah kepada Ahli Senator yang baru dilantik semalam iaitu Yang Berhormat Tuan Wilfred Yong Chen Leong dari Sepanggar, Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib kerana telah menjawab dengan jelas dan meyakinkan isu-isu negara termasuk yang dibangkitkan oleh Mantan Perdana Menteri, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamed khusus berkaitan dengan jambatan bengkok, GST, Altantuya dan juga 1MDB.

Jambatan bengkok tentulah pada pandangan saya, lain Perdana Menteri lain caranya. Saya mengambil contoh masa saya Ketua Menteri Melaka dahulu Tun M pernah luluskan Sungai Melaka dan kemudian masa Pak Lah ganti, Pak Lah pun sambung lagi dan bila Dato' Sri Najib ganti pun sambung lagi. Masa Tun M – RM150 juta, Pak Lah – RM120 juta, masa Dato' Sri Najib – RM280 juta. Nampak tiga-tiga Perdana Menteri suka sungguh Sungai Melaka *[Ketawa]*

*Kapal dagang dari seberang,*

*Sampai ke Sri Menanti.*

*Dari Melaka saya datang,*

*Berhujah di Dewan yang mulia ini... [Tepuk]*

Tidak sama pula bagi jalan Selat Melaka, dari Linggi sempadan Negeri Sembilan. Dari Padang Temu melalui Masjid Tanah, Sungai Udang, Tanjung Kling, Klebang, Melaka Raya, Ujong Pasir dan Padang Temu yang jauhnya lebih kurang 30 kilometer dengan kos RM600 juta. Masa Tun M lulus surat tawaran dan keluar. Bila Pak Lah *take over*, batal. Bila Dato' Sri Najib *take over*, sedang dipertimbangkan. Jadi tiga PM, ada tiga cara. Ada yang semuanya setuju ada juga yang berbeza-beza.

GST Tuan Yang di-Pertua, saya dapati kerajaan laksanakan kerana hampir seluruh dunia melaksanakan...

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua, boleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada seorang bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Boleh? Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat cakap itu tiga Perdana Menteri, tiga macam. Manakah satu Perdana Menteri yang baik? Bolehkah...

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Sama-sama baik *[Ketawa]* Sama-sama baik macam saya sebut tadi. GST ini kita lihat 160 lebih negara di dunia melaksanakan. Hampir semua, sebab itu kita pun sokong inilah yang terbaik. Kalau tidak, saya percaya Yang Berhormat pun tidak sokong. Saya ibaratkan 1MDB ini macam kahwin paksalah Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak suruh anak kita kahwin tetapi anak belum suka lagi. Jadi bila sudah kahwin itu dia kata hendak pun tidak, ya pun tidak tetapi malam pertama, malam kedua, malam ketiga itu mungkin dia tidur pun berasing-asinglah. Marah ayah, marah bapa tetapi lama-lama nampak okey. Jadi cukup tahun dapat anak. Bukan satu, dua, tiga dan empat.

Saya fikir ini 1MDB ini macam orang kahwin paksalah. Nampak macam tidak baguskan tetapi bagus sebab telah dicuba di banyak buah negara. Apa yang menjadi masalah kita sekarang bagaimana kerajaan hendak buktikan bahawa GST ini baik bahawa menantu yang dicadangkan ini adalah orang yang baik kerana itulah banyak pendekatan telah diambil. Apa yang penting penguatkuasaan pada ketika ini dan saya berharap penguatkuasaan akan dilipatgandakan lagi *insya-Allah* dalam tempoh yang terdekat. Bagilah masa, GST akan menjadi sistem cukai yang baik bagi negara kita sama juga yang telah berlaku di negara-negara yang lain tidak pernah pun setelah dilaksanakan, dibatalkan.

Isu yang ketiga yang juga dibangkitkan oleh Tun M adalah berkaitan dengan Altantuya. Kes ini sudah pun selesai hingga ke Mahkamah Persekutuan. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib tidak terlibat dan beliau telah pun bersumpah di masjid sebagai seorang Muslim yang beliau tidak kenal Altantuya dan tidak juga terlibat dan Pak Lah pun mengesahkannya. Kes ini sudah pun diputuskan di mahkamah. Tidaklah wajar ia dibangkit-bangkitkan lagi. Kita perlulah menjunjung kedaulatan undang-undang negara dan oleh itu kita menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Najib [*Tepuk*]

Berkenaan dengan 1MDB seperti yang telah banyak diperkatakan, pelaburan ini memerlukan jangka masa yang panjang untuk mendapatkan keuntungan dan semua keraguan akaun telah pun diaudit dan disahkan oleh juruaudit bertauliah sebuah firma antarabangsa dan kini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengarahkan Ketua Audit Negara untuk mengaudit sekali lagi dan selepas itu oleh PAC yang dalamnya ada pihak pembangkang yang boleh bercakap dan mengaudit semua akaun.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi jaminan jika ada yang salah guna kuasa akan tidak dilindungi. Mereka sudah tentulah akan dihukum. Oleh sebab itu berilah peluang pada Ketua Audit Negara dan PAC membuat audit dan mengambil tindakan secepat mungkin. Oleh sebab itu saya berharap perkara-perkara ini perlulah diberi peluang untuk diuruskan dan kita bolehlah memberikan masa kita bagi tugas-tugas yang lain.

Itulah sebabnya saya dan kita menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana ketelusan dan keterbukaan beliau dalam perkara ini agar beliau dapat meneruskan kepimpinan beliau sebagai Perdana Menteri. Saya harap komen-komen bekas PM Yang Berbahagia Tun Mahathir dan Perdana Menteri, Dato' Sri Najib dapat diselesaikan dengan bijaksana dan tidak dipanjangkan agar negara dapat bergerak dengan lancar untuk menuju Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, mengulas Titah Duli Yang Maha Mulia, pada umumnya di merata dunia termasuklah di Malaysia rakyat mengharapkan enam prasyarat utama untuk meneruskan kehidupan yang makmur dan sejahtera:

- (i) keamanan;
- (ii) aktiviti ekonomi yang rancak;
- (iii) peluang pekerjaan yang banyak;
- (iv) pendapatan yang meningkat;
- (v) kemiskinan yang rendah atau sifar; dan
- (vi) kadar inflasi yang rendah dan sederhana.

Dalam konteks ini kepujian wajar diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan 1 atas kejayaan cemerlang beliau dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan rakyat serta kemampuan mengemudikan ekonomi negara.

Daripada segi keamanan dan keselamatan adalah jelas sekali bahawa beliau telah berjaya mengurangkan kadar jenayah yang merupakan salah satu dari tujuh NKRA yang telah beliau tetapkan. Di bawah GDP 1, 2009-2012 kadar jenayah telah berjaya dikurangkan sebanyak 27% dari 572 kejadian jenayah sehari kepada 419 kejadian sehari. Pencapaian tersebut telah melebihi sasaran 5% yang ditetapkan. Di bawah GDP 2, 2013-2015 pula, sasaran 5% telah ditetapkan untuk mengurangkan kadar jenayah dan meningkatkan persepsi keselamatan daripada 52% kepada 65%.

#### ■1250

Prakarsa membanteras jenayah dan iltizam untuk memelihara keamanan serta keselamatan ini hendaklah diperkasakan kerana kedudukan Malaysia menurun ukuran *Global Peace Index* telah merosot dari tangga 19 ke tangga 31 iaitu tahun 2011 berbanding tahun 2014. Senario malap di Malaysia ini selari dengan landskap keamanan global yang merosot sejak tahun 2008.

Pada tahun 2014, tahap keamanan menurun di 111 buah negara berbanding yang meningkat hanyalah 51 buah negara. Sesungguhnya pemerksaan yang disebutkan tadi perlulah disegerakan atas dua sebab utama. Pertama, kemajuan sosial dan kemakmuran negara adalah berpaksikan keamanan seperti mana yang ditegaskan oleh Steve Carrelly “...*building peace is the prerequisite for economic and social development*” dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kedua, *the cost of global academic impact of violent* amatlah tinggi dianggarkan bernilai USD 9.8 trilion atau empat kali ganda nilai GDP ASEAN.

Justeru, saya menyanjung tinggi dan menyahuti Titah Tuanku Seri Paduka Baginda mengenai pentingnya mempertahankan keselamatan dan keamanan negara serta memelihara keharmonian dan perpaduan kaum. Dalam konteks keselamatan semasa, nampaknya pengaruh militan IS telah pun sampai ke pantai kita. Mengikut laporan media seramai 10 orang rakyat Malaysia telah ditahan kerana kaitan mereka dengan kumpulan tersebut- 71 orang sudah dikesan berada di Syria, 10 daripada mereka wanita, manakala tujuh orang telah pun terkorban. Ada juga orang Melaka pergi ke sana. Pelik juga.

Untuk membendung ancaman ganas ini, bukan sahaja tindakan berbentuk hukuman kognitif dan kaunseling penting bahkan tindakan bersifat pencegahan atau *preventive* adalah lebih penting. Penglibatan dan kematian lebih ramai perlulah dicegah. Justeru, saya menyokong penuh tindakan kerajaan untuk membentangkan Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan atau pun (POTA) khusus untuk menangani ancaman keganasan seperti yang dilakukan oleh kumpulan militan IS.

Kes-kes jenayah yang semakin berleluasa sekarang adalah kerana ketiadaan ISA lagi kerana itu ramai orang mengambil kesempatan. Cara terbaik kalau hendak jawab ulasan Dr. Ariffin tadi adalah menahan mereka tanpa dibicarakan kerana mereka ini kalau dibiarkan akan melakukan keganasan. Akan tetapi oleh sebab ISA sudah tidak ada, maka POTA jawapannya.

Tuan Yang di-Pertua, kerancangan pertumbuhan ekonomi ...

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Boleh ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada seorang bangun Yang Berhormat.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Senator. Kita selalu dengar disebut pengganas IS dalam bicara kita dalam Dewan ini, dalam akhbar. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Tan Sri, kalau kita sebut pengganas memang dia ganas lah tetapi kita juga kait dengan IS. IS ini *Islamic State*. *Islamic State* bermakna negara Islam. Saya lihat ada dua kontra. Kalau *Islamic State*, negara Islam tidak ada pengganas. Kalau ganas tidak dinamakan Islam. Jadi, macam mana kita telah menerima hakikat yang saya lihat ia saling bertentangan. Nama itu sendiri. Pengganas satu, *Islamic State* maknanya negara Islam.

Dalam sejarah saya lihat kalau negara Islam tidak ada pengganas. Kalau dia pengganas bukan mewakili Islam kerana Islam itu agama yang siratulmustakim, duduk di tengah-tengah, tidak di kiri dan kanan. Kalau dia ganas tidak mewakili Islam. Jadi, bagaimana istilah ini boleh diketengahkan di dalam masyarakat dan sehingga semua orang boleh menerima sedangkan saya melihat dia merupakan satu pertentangan. Pengganas negara Islam kalau kita terjemah dalam bahasa Malaysia, pengganas negara Islam. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Tan Sri? Ini satu istilah yang dibawa untuk kita memberi label yang begitu dan saya rasa apabila sebut negara Islam kita juga negara Islam. Lama-kelamaan maka terbenak dalam pemikiran masyarakat bahawa negara Islam ini ganas. Lama, lama, lama. Jadi saya minta komen daripada Tan Sri.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju negara Islam bukanlah negara yang ganas seperti zaman Rasulullah di Madinah contoh yang terbaik sebuah negara yang aman damai sama ada penduduknya Islam atau tidak Islam semuanya dilindungi dan diberi tempat yang sewajarnya. Isu yang berbangkit sekarang terdapat pihak yang telah menyalahgunakan nama Islam untuk menjajah atau pun mengambil satu-satu negara atau pun kawasan, menjatuhkan kerajaan yang telah dipilih oleh rakyat secara demokrasi dengan cara kuku besi.

Untuk mencapai matlamat itu mereka telah mengganas dan mereka menggunakan pertubuhan mereka ini *Islamic State (IS)*. Hal ini kerana itu saya melihat satu dunia pun menggunakan nama ini kerana inilah nama yang pengganas itu gunakan. Saya setuju kalau kita tidak hendak gunakan nama IS mungkin kita kena panggil nama pengganas guna nama IS. Jadi pengguna IS, pengganas guna nama IS. Jadi kita tukar nama dia pengguna IS, pengganas guna nama *Islamic State*. Kerana itulah kita terpaksa menolak ini secara besar-besaran di seluruh dunia.

Bukan sahaja negara Islam menyokong bahkan juga Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah menyokongnya tetapi ada sahaja orang yang duduk di belakangnya. Kita percaya ini semua ada rakan-rakan antarabangsa yang ingin memburukkan nama Islam. Kerana itu, kita sebagai umat Islam perlulah bijak agar tidak terikut-ikut. Kerana itulah kita mestilah menjaga rakyat kita dan cara yang terbaik adalah

menggunakan undang-undang untuk mengesan dan menahan mereka. Jika susah dibuktikan maka patutlah ditahan lebih awal. Mencegah lebih baik daripada mengubat.

Tuan Yang di-Pertua, kerancangan pertumbuhan ekonomi pula berdasarkan ukuran GDP kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Najib telah mampu mencatatkan pertumbuhan 6% pada tahun lepas lebih tinggi berbanding 4.7% pada tahun 2013. Sesungguhnya pencapaian tersebut amatlah cemerlang dalam konteks persekitaran ekonomi global dan sukar dan tidak menentu ini. Bertambah *significant* lagi, dalam keadaan ekonomi yang sungguh mencabar itu apabila kadar pengangguran terus rendah. Disember 2014 (3% ) dan ia kekal di bawah *trash hold 4%* guna tenaga penuh. Kadar kemiskinan hampir sifar. Tahun 2013 (1%) dan kadar inflasi di tahap yang rendah iaitu 1% Januari 2015 serta akaun semasa negara 2014 pula mampu mencatatkan lebih sebanyak 2.9% berbanding nilai GDP pada tahun yang sama.

Di samping itu, perdagangan Malaysia terus mencatatkan lebih *surplus* sebanyak RM9 bilion pada Januari 2015. Lebih tersebut adalah bagi bulan yang ke-207 berturut-turut. Kombinasi beberapa petunjuk terkini turut membayangkan ekonomi negara akan terus berkembang dalam tempoh terdekat. Lantaran perkembangan-perkembangan terkini yang positif itu, saya turut berasa *consciously optimistic*, dengan izin, terutama ekoran peningkatan semula harga minyak mentah dunia yang sudah melebihi paras USD60 setong serta harga minyak sawit dan getah pula yang kini semakin mengukuh.

Saya tidak lupa akan tiga perimeter ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kerana masa menunjukkan tepat jam 1. Kita tangguhkan persidangan kita dan sambung semula pada jam 2.30 nanti. Yang Berhormat sambung nanti selepas 2.30. Sekian, terima kasih.

■1300

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]**

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, Yang Berhormat Tan Sri Ali Rustam teruskan dengan perbahasan.

**2.31 ptg.**

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasan saya pagi tadi. Satu, saya hendak betulkan sikit ucapan saya berkaitan dengan 1MDB dan GST, yang saya sebut tadi sebagai kahwin paksa sebenarnya GST bukan 1MDB. Ini kerana GST ini telah diguna pakai di 165 buah negara di dunia dan tidak ada pun yang telah melaksanakan kemudian membatalkan. Ini kerana itulah Malaysia melaksanakan GST dan ia ibarat kahwin paksa kerana ramai juga yang tidak suka, tetapi saya percaya macam orang kahwin paksa hari pertama, kedua dan ketiga dia tidak tidur satu bilik...

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Akan tetapi lama-lama dia akan rasa elok dan akhirnya cukup tahun dapat anaklah. Begitulah GST.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah ini.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat Senator mengenai apa yang berlaku di Hong Kong, di mana seperti mana yang dilaporkan bahawa setelah diperkenalkan Hong Kong menarik balik pengenalan GST. Apakah jawapan Yang Berhormat Senator?

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, yang itu kita kena semak, apakah sebab-sebab kerana jika sebuah negara tarik, tidak bermakna 164 lagi tidak betul? Oleh sebab itu kita boleh membandingkan sebab-sebab mengapa Hong Kong menariknya.

Saya ingin sebut berkaitan dengan keadaan ekonomi yang semakin optimis akibat daripada kenaikan semula harga minyak dunia mengatasi ataupun melebihi USD60 setong serta harga minyak sawit dan getah pula yang kini semakin bertambah mengukuh. Namun saya tidak lupa akan tiga perimeter. Satu, impak landskap ekonomi dunia yang kurang memberangsangkan. Satu pertumbuhan yang lebih perlahan di negara China dan India, kedua iaitu pertumbuhan yang lemah di Jepun dan yang ketiga, kemelesetan atau *stagnant economy* di *Eurozone*. Kedua, kesan kejatuhan nilai ringgit yang ketara berbanding mata wang asing utama. Ketiga, impak banjir besar di empat buah negeri utama negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak pada penghujung tahun lepas.

Justeru, mohon dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, apa impaknya ke atas ekonomi pada tahun ini, ekonomi modal dan juga ekonomi rakyat? Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, juga apakah impak ke atas ekonomi rakyat akibat pemotongan belanjawan mengurus sebanyak RM5.5 bilion? Saya difahamkan banyak juga ataupun semua PLKN telah ditangguhkan dan ramai juga yang kehilangan pekerjaan akibat pemotongan bajet yang saya sebutkan sebentar tadi. Saya ingin tanya, berapa ribukah yang kehilangan pekerjaan dan apakah persediaan kerajaan dalam isu PLKN pada tahun hadapan?

Saya ingin mencadangkan di samping melatih *student* lepasan SPM, adalah baik juga dilibatkan sekali dengan belia-belia yang tidak dapat menuju ke institusi pengajian tinggi. Ini kerana mereka juga patut dibimbing secara lebih baik daripada yang ada sekarang. Oleh sebab itu saya ingin mencadangkan supaya pusat latihan belia yang banyak juga dapat di sekaligus dengan Pusat Latihan Khidmat Negara. Di samping itu, kita juga mengetahui hampir 6,000 orang pekerja MAS bakal diberhentikan. Ini akan menyebabkan 30,000 buah keluarga. Apakah persediaan Khazanah dan MAS dalam memikirkan alternatif yang *viable* untuk mereka ini?

Seterusnya saya ingin juga menyentuh berkaitan dengan sambutan terhadap tawaran PTPTN yang memberikan rebat potongan 20% kepada pelajar-pelajar yang meminjam, yang dapat menyelesaikan hutang masing-masing sepenuhnya sebelum akhir bulan ini. Mohon diberikan profil

mereka yang merangkumi jenis institusi IPTA, IPTS, pendapatan keluarga dan kewangan masing-masing. Saya melihat PTPTN patut juga *decentralize* iaitu tidak mengutip dan memberi *direct* dari Kuala Lumpur kerana jumlahnya berjuta orang. Elok ditubuhkan sebuah jabatan di setiap negeri iaitu cawangan PTPTN dan dilantik pengarahnya yang boleh menguruskan semua pinjaman di negeri masing-masing, dan boleh mengeluarkan bil bulanan.

Sekarang ia tidak dibuat secara begitu, sebab itu telah menimbulkan banyak bebanan. Kutipan-kutipan ini juga kadang-kadang pihak peminjam yang lebih teruk. Saya pun menjamin beberapa pinjaman daripada MARA, tetapi MARA cari saya. Saya pula hendak diambil tindakan untuk dibankrapkan, yang bekerja ini sudah jadi pegawai. Apabila saya tanya, katanya tidak dapat cari. Saya kata Melaka ini sekangkang kera, langkah sahaja sudah jumpa. Pegawai ini kerja di Sungai Udang, kerja dalam satu *fast food chain*. Kalau sistem desentralisasi ini dilakukan, saya percaya kita mudah mencari di mana pelajar-pelajar ini berada.

Apa yang penting, bil bulanan tuntutan mesti dihantar kepada mereka. Pegawai ini juga boleh pergi ke rumah pelajar-pelajar ini untuk jumpa mereka, apa masalah mereka. Di samping kita memberi pinjaman, kita juga mengutip tetapi kita juga tahu apakah masalah yang sedang mereka hadapi. Dengan cara mesra pelanggan ini, saya percaya isu PTPTN akan dapat diatasi dengan lebih baik dan bayaran akan bertambah baik dan dapat diberi pula kepada orang yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada 10 Februari yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Najib telah melancarkan Indeks Syariah. Daya usaha ini wajar dipuji kerana ia merupakan satu lagi *milestone* dalam rangkaian usaha ke arah mendapatkan keredaan Allah SWT.

#### ■1440

Saya yakin usul ini bukan sahaja mendapat sokongan orang Islam bahkan juga akan mendapat sokongan orang bukan Islam seperti mana sistem kewangan dan perbankan Islam, takaful dan sukuk mendapat sokongan yang meluas.

Saya menyarankan agar pelaksanaannya yang merangkumi lapan bidang itu diperluaskan kepada seluruh jentera kerajaan dan digalakkan pula di sektor swasta. Oleh yang demikian semua usaha kita akan memenuhi tuntutan *maqasid* syariah. *Outcomenya* ialah pelaksanaan indeks syariah dijangka akan memberikan kita *the cutting edge*, dengan izin, daripada segi kemampuan menarik minat para pelabur Islam yang dianggarkan mempunyai modal lebih USD2 trilion.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi penghargaan dan mengucapkan tahniah atas pemilihan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun ini. Tanggungjawab besar Malaysia mengemudi pembentukan AEC pada penghujung tahun 2015 amatlah mencabar.

Cabaran utama masih ramai lagi rakyat ASEAN termasuk rakyat Malaysia yang masih tidak sedar dan tidak faham akan faedah serta implikasi kewujudan AEC ke atas kehidupan mereka terutama masyarakat perniagaan. Justeru saya mencadangkan agar proses memberi kesedaran dan kefahaman di perluas serta dipertingkatkan lagi. Jika kita gagal atau lewat dalam melaksanakan proses ini, maka rakyat

Malaysia akan ketinggalan dan terpinggir dalam persaingan yang akan mendatang. Impaknya agak besar seperti hilang peluang pelaburan dan perniagaan, kurang peluang pekerjaan dan meningkatnya kadar kemiskinan.

Kita sudah tentu tidak mahu kadar pengangguran yang kini sekadar 3% melompat kepada 10% seperti apa yang sedang menghimpit penduduk Eropah dan kadar kemiskinan yang kini hampir sifar melonjak kepada 15% seperti apa yang terdiri atau pun apa yang dialami oleh penduduk Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan titah Tuanku tentang kebajikan produktif. Sesungguhnya kerajaan kita cukup berkesan dan berjaya dalam jihatnya membasmi kemiskinan. Kejayaan tersebut turut diikuti oleh badan-badan antarabangsa. Turut diakui oleh badan-badan antarabangsa seperti Bank Dunia dan IMF. Di celah-celah kejayaan itu masih ada ruang yang boleh disyorkan untuk pembaikan tertentu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masih banyak lagi kah Yang Berhormat?

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masih banyak lagi kah?

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Saya ingat ada empat lima perkara lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya bagi Yang Berhormat dua minit lagi Yang Berhormat ya.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Lima minit lah boleh? Saya hendak menyentuh berkaitan dengan bantuan kemiskinan. Saya dapati semua kementerian agensi bagi bantuan kepada orang miskin. Ia terlalu *this integrated* hingga kita terpaksa daripada semasa ke semasa mendapat rungutan dan sebagainya. Macam Kementerian Kebajikan, Kementerian Pertanian bahkan RISDA kah, MARA kah, semua kementerian ada bantuan, Kementerian Pendidikan dan sebagainya.

Saya mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan satu Majlis Perundingan Pembangunan Keluarga Miskin, macam mana yang dibuat untuk wanita. Jadi semua yang bagi bantuan kepada orang miskin ini, dalam semua bidang akademik kah, pelajaran kah, kanak-kanak kah, OKU dan sebagainya disatukan. Kemudian dilantik juga lembaga penasihat, pakar-pakar ekonomi, EPU, CIMB dan sebagainya supaya bagaimana mereka boleh dalam jangka panjang untuk berdikari.

Kita melihat sampai sekarang banyak lagi *complain*, dia layak katanya tapi tidak dapat. Saya ingat kita perlu tubuhkan satu mekanisme ekonomi kepada keluarga miskin seperti menubuhkan sebuah koperasi. Sekarang ini ada 500,000 buah keluarga miskin di Malaysia, mendapat bantuan 1.3 bilion setahun daripada Kementerian Kebajikan. Kalau seorang kita potong RM10, sebulan dapat RM5 juta, setahun RM60 juta, kalau 10 tahun RM600 juta. RM600 juta ini boleh beranak 10 kali ganda. Wang ini boleh digunakan untuk menggerakkan kegiatan ekonomi dan bagi balik pekerjaan kepada keluarga yang miskin ini.

Dalam jangka panjang, sebahagian yang miskin tidak perlu lagi dapat bantuan kebajikan, mereka boleh bergantung kepada koperasi ini. Saya mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan Majlis

Perundingan Pembangunan Keluarga Miskin dan di samping mengadakan banyak institusi ekonomi seperti menubuhkan koperasi.

Akhirnya saya ingin juga menyentuh berkaitan dengan penghinaan kepada anggota-anggota keselamatan kita oleh pihak-pihak tertentu terutamanya pihak pembangkang. Kadang-kadang menuduh pihak polis dengan nama-nama yang kurang baik, memfitnah dalam media siber dan sebagainya. Saya berharap tindakan tegas perlulah diambil kepada mereka yang menghina ini kerana ia tidak melambangkan nilai-nilai murni seperti yang disebut oleh wakil Dr Arifin tadi yang melambangkan tatasusila.

Saya percaya jika tindakan-tindakan tegas diambil maka kita dapat mewujudkan masyarakat Malaysia yang harmoni berteraskan rukun negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Zali bin Mat Yasin. Silakan Yang Berhormat.

#### **2.46 ptg.**

**Tuan Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong ketika pembukaan sidang Dewan pada 9 Mac 2015 yang lalu.

Pertama sekali saya amat tertarik dengan Titah Seri Paduka Baginda yang semua perkara yang berkaitan dengan soal pentadbiran kerajaan, pembangunan negara, pembangunan modal insan, pembangunan rohani dan lain-lain perkara yang ada kaitan dengan kemajuan negara. Titah Baginda sebenarnya memperlihatkan bahawa Baginda sendiri mempunyai keyakinan terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku ketua kerajaan yang menguruskan negara ini walaupun dalam keadaan yang begitu getir, dalam keadaan begitu mencabar dengan begitu- isu-isu yang dimainkan di media sosial tetapi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tetap yakin bahawa Mamanda Perdana Menteri tetap dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab beliau dengan baik.

Justeru itu kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewajarnya diberi ruang dan peluang secukupnya untuk membuktikan bahawasanya sesuatu rancangan ataupun agenda transformasi kerajaan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga pasukannya harus diberi peluang dan ruang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berkaitan soal pendidikan yang mana dalam soal pendidikan kita tahu bahawa Pelan Pembangunan Pendidikan Negara pada tahun 2013 hingga tahun 2025 adalah merupakan satu pelan rancangan masa panjang yang kita yakin dan percaya bahawa inilah dia rupa negara pada masa akan datang. Kalau kata sistem pendidikan kita berjaya, maka berjayalah negara kita Malaysia suatu hari nanti membentuk manusia yang sempurna dan holistik.

Jadi oleh sebab itu saya amat bersetuju dengan Pelan Pembangunan Pendidikan yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Cuma di sini saya ingin menarik perhatian bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia jangan lupa bahawa soal guru-guru di sekolah yang masih lagi berhadapan dengan beban dan tugas tanggungjawab yang begitu berat di mana setiap kali apabila diajukan soalan kepada guru-guru di peringkat akar umbi, mereka akan mengatakan bahawa peranan dan tugas mereka dari hari ke hari semakin mencabar. Ini yang mana kita sedia maklum bahawa seorang guru yang ada sehinggakan waktu pengajaran dan pembelajarannya terpaksa mereka mengajar. Ada yang satu minggu cecah 25 waktu sehingga 31 waktu.

Kemudian guru-guru ini juga terpaksa melaksanakan tugas sebagai guru kelas dan juga dalam bidang kokurikulum. Mereka terpaksa juga mengambil tahu tentang kokurikulum untuk memastikan anak didik mereka ini dapat diasuh dengan baik.

#### ■1450

Justeru itu saya mengharapkan supaya Kementerian Pendidikan melihat semula bahawa dalam kita melaksanakan Pelan Pendidikan Malaysia ini, pertama sekali kita harus melihat infrastruktur yang ada supaya *environment* pelajar hari ini yang mencapai dalam sebuah kelas antara 40 ke-45 orang pelajar supaya perkara ini tidak berlaku pada masa akan datang, yang ini harus diberikan perhatian, infrastruktur. Kemudian yang kedua adalah berkenaan dengan jumlah guru yang mengajar di setiap sekolah juga harus dilihat supaya guru yang diletakkan di sesebuah sekolah itu harus mencukupi dan mereka terdiri daripada guru-guru yang terlatih.

Seterusnya baru-baru ini kerajaan telah pun meminta PAC supaya menyiasat semula tentang 1BestariNet yang mana 1BestariNet ini telah pun melaksanakan hampir 10,000 pemasangan 1BestariNet di setiap sekolah tetapi apa yang berlaku di fasa pertama bahawa 1BestariNet ini dilihat sebagai gagal yang mana ia tidak berfungsi. Capaian internet nya terlalu rendah yang menyebabkan ramai guru yang menyuarakan rasa tidak puas hati.

Jadi diharap pihak kementerian dapat mengambil tindakan ini dengan segera supaya Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2015 ini tidak gagal dan ditertawakan masyarakat pada masa akan datang kerana kita tahu bahawa sistem pendidikan di Malaysia ini, kita selalu berubah-ubah. Kalau dahulu kita ada *smart school*, kemudian kita ada program-program pendidikan yang berubah-ubah apabila berlakunya pertukaran Menteri, jadi kerana itu kita minta supaya pelan ini apabila tukar Menteri sekalipun, pelan pendidikan ini dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Seterusnya dalam soal pendidikan juga kita lihat akhir-akhir ini banyak, kalau kita lihat khususnya saya di Melaka, begitu juga rakan-rakan di negeri lain, kita lihat bahawa kemunculan maahad tahfiz, yang mana maahad tahfiz ini ia menggunakan *syllabus* kurikulumnya yang sendiri yang mana kalau kita lihat sejak kebelakangan ini ramai khususnya kita orang-orang Melayu yang beragama Islam ini hantar anak-anak mereka ke maahad tahfiz mungkin kerana kalau mereka tidak dapat sistem pendidikan yang sempurna di sekolah harian biasa, maka mereka mengharapkan anak-anak mereka dapat belajar agama dan juga hafiz al-Quran.

Akan tetapi yang kita rasa gusar dan juga kita takut sekiranya anak-anak ini yang kita hantar di sekolah-sekolah maahad tahfiz ini suatu hari nanti kalau kita tidak pantau, kita khuatir anak-anak ini apabila mereka dewasa nanti mereka tidak mempunyai sijil yang khusus untuk mereka menyambung pelajaran mereka di peringkat SPM, STPM, diploma, ijazah dan seterusnya kerana di maahad tahfiz ini mereka tidak mempunyai satu kurikulum khusus yang ada yang dikemukakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia di sekolah harian biasa.

Jadi kerana itulah kita minta supaya kerajaan walaupun kita tahu bahawa soal agama, soal sekolah maahad tahfiz ini di bawah kerajaan negeri tetapi kita minta supaya kerajaan, Kementerian Pendidikan khususnya supaya pantau dan kalau boleh kita selaraskan semula supaya anak-anak ini esok dapat terbela nasib mereka apabila dewasa kelak dan kita juga risau dan khuatir sekiranya mereka juga takut terlibat dengan IS.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai perkara yang berkaitan dengan program pembangunan belia di Malaysia. Kita sedia maklum bahawa program Akta Pembangunan Belia dan Pertubuhan Belia yang diluluskan di Parlimen ini pada tahun 2007 yang mana pemimpin dan ahli belianya mesti berusia 15 sehingga 40 tahun. Justeru itu apa yang berlaku ialah akhir-akhir ini kita lihat bahawa persatuan-persatuan belia yang ada di negara kita semakin lesu dan tidak mendapat pembelaan yang menyebabkan banyak persatuan belia ini ibarat, hidup segan, mati tak hendak, kerana mereka tidak diberikan bantuan yang sewajarnya.

Jadi kerana itulah kita melihat bahawa kalau kita ingin melihat generasi pada masa akan datang, pemimpin akan datang sudah pasti kita melihat generasi belianya hari ini. Ini kerana kalau kita lihat bahawa data orang muda di Malaysia yang berusia 40 tahun ke bawah sudah menjangkau hampir 50%. Jadi kerana itulah mereka harus diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak kerajaan.

Jadi kerana itulah saya tertarik suatu ketika dahulu ada seorang Menteri yang berani memberi bantuan pengupayaan belia kepada persatuan-persatuan belia ini di peringkat akar umbi sebanyak RM3,000 yang menyebabkan persatuan belia ini boleh hidup, boleh bergerak, boleh aktif dengan begitu baik. Saya mengharapkan supaya perkara ini boleh diulang semula untuk membantu persatuan-persatuan belia yang ada di peringkat akar umbi ini, jadi secara tidak langsung mereka akan rasakan bahawa mereka terbela nasib mereka dan saya juga tidak menafikan bahawa- doktor...

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa kelesuan persatuan-persatuan belia hari ini adalah lantaran kerana mereka tidak mendapat bantuan kewangan secukupnya? Apakah itu sebagai tanda aras hendak menunjukkan bahawa belia kita ini perlu disuap dengan bantuan kewangan barulah mereka ini boleh diperkasakan? Kalau ini indikasinya, saya juga agak khuatir maknanya seolah-olah belia kita ini sudah diorientasikan dengan soal wang ringgit dan materialis semata-mata. Jadi saya inginkan penjelasan daripada Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Zali bin Mat Yasin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bukan bermaksud sedemikian tetapi kalau kita lihat- saya suka menyentuh bahawa apabila berhadapan dengan orang muda, saya kata

untuk orang dewasa sudah ada struktur yang begitu teratur contohnya di peringkat kampung ada JKKK yang mana mereka diberi elaun dan sebagainya sehinggakan hari ini struktur jawatankuasa masjid, imamnya, bilalnya pun diberikan elaun. Jadi kalau kita lihat untuk orang muda, kita mengharapkan organisasi ini persatuan belia untuk kita bantu bukan bermakna kita ingin suap ataupun beri mereka bantuan wang ini tetapi asasnya adalah untuk membantu persatuan pengurusan tersebut.

Jadi saya fikir amaunnya sangat rendah kerana saya lihat bahawa ada wakil rakyat di peringkat DUN dan juga Parlimen yang membantu persatuan-persatuan belia ini dan ada juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan juga Parlimen ini yang tidak dapat membantu. Jadi kerana itulah saya mengharapkan supaya Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan kita, iaitu orang muda juga supaya Yang Berhormat Menteri dapat melihat supaya membantu persatuan-persatuan belia yang ada di peringkat akar umbi ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai soal pihak berkuasa tempatan yang mana kalau kita lihat untuk mengurus tadbir sebuah negara kita ada tiga buah institusi. Pertama, ialah Kerajaan Pusat; kedua, kerajaan negeri; dan yang ketiga, pihak berkuasa tempatan. Akan tetapi apa yang berlaku sejak akhir-akhir ini ialah pihak berkuasa tempatan negeri-negeri kalau kita lihat pihak berkuasa tempatan ada yang tidak dapat mengurus PBT mereka dengan begitu baik kerana menghadapi masalah kekangan kewangan.

Contohnya kita di Melaka, ada sebuah PBT yang baru ditubuhkan, diwujudkan pada tahun 2010 yang menghadapi masalah kewangan, hutang dengan pihak PPSPPA iaitu untuk kerja-kerja pengurusan sisa pepejal yang mana jumlahnya hampir RM50 juta yang telah pun ditegur oleh pihak Audit Negara. Jadi saya lihat bahawa pihak kementerian KPKT boleh melihat semula perkara ini untuk membantu PBT-PBT yang menghadapi masalah di seluruh negara ini daripada segi hutang mereka terhadap sisa pepejal, PPSPPA ini.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa akhir-akhir ini ramai residen ataupun penduduk-penduduk yang berminat untuk tinggal di kawasan-kawasan perumahan yang berstatus *gated and guarded*, berpagar dan berpengawal dan kebanyakan penduduk-penduduk ini akhirnya rasa teraniaya apabila mereka pada asalnya memberi rumah yang tidak ada status *gated and guarded* ini dan akhirnya pihak berkuasa tempatan, PBT ataupun agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk JKR tidak dapat melakukan servis di kawasan tersebut kerana pihak pemaju telah pun meletakkan satu-satu kawasan itu secara berpengawal dan berpagar kerana itu adalah salah satu daripada apa yang dipanggil sebagai agensi kerajaan yang ingin membantu mereka akan melihat kalau pada asalnya kebenaran merancang yang dibenarkan statusnya adalah rumah *landed* sekarang tetapi apa yang berlaku ialah pembeli biasanya tertipu.

#### ■1500

Dan ini yang berlaku apabila pihak persatuan penduduk akan menyalahkan pihak PBT dan begitu juga pihak PBT menyalahkan pihak pemaju. Jadi saya fikir pihak KPKT boleh memainkan peranan untuk melihat semula isu perumahan yang berunsurkan *gated and guarded* ini.

Jadi saya fikir Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja perbincangan saya. Saya ucap terima kasih. Sekian, *wabillahi taufiq wal hidayah. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Khalid bin Ahmad. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi kesempatan ini untuk saya berucap Junjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah kerana sudi berangkat menyampaikan titah ucapan di istiadat pembukaan Persidangan Parlimen Malaysia, Mesyuarat Pertama Penggal Ke-13 pada 9 hari bulan Mac 2015.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Baginda, Tuanku telah menyentuh pelbagai aspek negara termasuk pengurusan ekonomi dan pentadbiran negara melalui Dasar Transformasi Nasional seperti Program Transformasi Kerajaan atau GTP, dan Program Transformasi Ekonomi atau ETP.

Baginda Tuanku dan Raja Permaisuri Agong turut menzahirkan keprihatinan terhadap insiden pesawat MH370, penerbangan Malaysia ke Beijing pada hari Sabtu 8 Mac 2014 yang lalu, dan tragedi pesawat MH17 pada 17 Julai 2014 dan penghargaan kepada pegawai kerajaan, anggota pasukan keselamatan, dan pelbagai badan yang menyumbang kepada bantuan mangsa bencana berkenaan. Semangat kesukarelaan pelbagai aspek menyumbang bantuan bencana banjir. Keperluan menyumbang secara keperluan pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar mengukuhkan keselamatan dan ketenteraman awam bagi membendung dan mengekang fahaman ekstremis seperti militan dan *Islamic State* (IS).

Penguatan ekonomi, pelaksanaan cukai- mungkin bagi memberi buah-buah fikiran, mesyuarat terhadap pandangan dan fikiran demi kepentingan rakyat dan negara. Sesungguhnya peluang dan kesempatan ini akan bukan sahaja sebagai satu pengiktirafan oleh kerajaan tetapi juga penghormatan kepada diri saya sendiri dan juga kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kali ini ialah kali yang terakhir bagi saya untuk bercakap dalam Dewan Negara ini yang mana saya akan tamat tempoh pada 25 April ini.

*Pohon rimbun meniti masa,*

*Dengan berpaut di dahan repuh,*

*Hajat hati hendak buat jasa,*

*Apakan daya dah habis tempoh... [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak apa Yang Berhormat, masih boleh berjasa pada negara.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh di Jabatan Perdana Menteri, Hal Ehwal Islam. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah ke Lembaga Tabung Haji (TH) kerana pada 22 Januari 2015 lalu telah mengumumkan pembayaran bonus tertinggi sejak 50 tahun lalu apabila mengagihkan bonus sebanyak 8.25% iaitu 6.25% sebagai bonus tahunan dan 25

sebagai bonus tambahan kepada pendapatan ataupun yang belum menunaikan haji bernilai RM3.2 bilion untuk 8.6 juta orang pemegang akaun. Pencapaian Tabung Haji ini amat membanggakan dan kita menghadapi ekonomi dunia yang mencabar dan tidak menentu sepanjang 2015.

Tahniah kepada Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Pengerusi Tabung Haji dan seluruh warga pengurusan dan kakitangan TH yang telah memartabatkan agensi kewangan Islam bagi yang sekali gus menaikkan syiar Islam.

Berhubung dengan Tabung Haji, saya ingin membangkitkan tentang terlalu ramai penyimpan yang telah mendaftar untuk menunaikan haji sedangkan jumlah kuota haji yang diperuntukkan oleh Arab Saudi kepada Malaysia hanya 22,300 bagi setiap musim haji.

Seseorang yang mendaftar haji pada hari ini mungkin hanya berpeluang menunaikan haji 20 atau 30 tahun akan datang. Kita mengalu-alukan penyimpan yang daftar untuk menunaikan haji tetapi pendaftaran haji hanya dibuka kepada penyimpan yang berumur 12 tahun atau 15 tahun ke atas iaitu umur baligh, untuk memastikan mereka yang telah baligh dan wajib serta betul-betul yang layak dapat disenaraikan untuk menunaikan haji dan bagi mengelakkan penyimpan terpaksa menunggu terlalu lama kerana mendaftar haji oleh penyimpan Tabung Haji yang belum lagi wajib menunaikan haji.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan Tabung Haji, bilangan penyimpan Tabung Haji yang berumur 15 tahun ke bawah yang telah berdaftar untuk menunaikan haji, dan bilangan penyimpan yang telah berumur 60 tahun ke atas yang telah berdaftar untuk menunaikan haji.

Selain daripada itu, bagi mengatasi tempoh menunggu yang lama untuk menunaikan haji, saya ingin mencadangkan agar Tabung Haji meletakkan tabungan minimum untuk pendaftaran haji dinaikkan kepada RM5,000 daripada RM1,300 pada masa ini. Langkah ini adalah bertujuan untuk memastikan penyimpan yang benar-benar layak dari Tabung Haji dibenarkan untuk daftar haji.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, saya ingin menyentuh berhubung dengan sektor pendidikan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 sehingga 2025 atau PPMP telah dilancarkan pada 7 Mac 2015 yang lalu sebagai pemangkin kepada transformasi negara untuk bersaing di peringkat global dengan matlamat untuk melahirkan graduan berkualiti serta seimbang dan holistik yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Sehubungan dengan itu, kementerian menyasarkan 650,000 orang pelajar dalam program latihan teknikal dan pendidikan vokasional ataupun TVET menjelang tahun 2025. Mengikut bidang ekonomi utama negara (NKEA), negara memerlukan 1.5 juta tenaga kerja dalam bidang TVET bagi tahun 2020. Nanti apabila negara mencapai negara maju, memandangkan tempat yang terhad yang dapat disediakan oleh projek ini iaitu lebih kurang 38,000 setahun sedangkan yang memohon melebihi 120,000.

Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah kerajaan bercadang menaik taraf sekolah-sekolah menengah sedia ada supaya dijadikan sekolah yang menyediakan latihan teknikal dan vokasional bagi memenuhi permohonan bagi mengikut latihan TVET? Dan adakah kerajaan bercadang menggunakan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional di peringkat awal menengah iaitu dari Tingkatan 1 lagi? Apakah langkah kerajaan bagi melahirkan graduan TVET yang berciri-cirikan keusahawanan inovasi dan

kreatif? Apakah kerajaan bagi memastikan graduan-graduan TVET ini, mempunyai kelemahan dan berkualiti tinggi, memenuhi keperluan industri?

■1510

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang penutupan *free flow*. *Free flow* yang ditutup di Wang Kelian, Perlis baru-baru ini, kenapakah Kerajaan Pusat ataupun kementerian tidak merujuk kepada kerajaan negeri ataupun minta pandangan daripada kerajaan negeri? Ini kerana *free flow* ini hanya dibuka hujung minggu sahaja. Ini akan memberi peluang kepada rakyat negeri Perlis dan juga rakyat seberang sana, orang Thailand untuk berniaga dan berurusan di sekitar itu. Ini membolehkan peluang perniagaan orang-orang tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau hendak cari kesilapan ataupun lolos di sempadan tidak mungkin berlaku di situ sebab saya tengok sempadan di Wang Kelian kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat pernah pergi ke Wang Kelian, pintu di situ adalah satu-satu, kalau hendak, boleh *check* seorang-seorang. Kalau naik motor pun satu-satu, kenderaan pun satu-satu. Tidak mungkin lolos kerana berbanding dengan lain-lain tempat, pintu sempadan dia terbuka dan boleh masuk banyak lorong tetapi di pintu pagar Wang Kelian, di tembok adalah sukar untuk meloloskan keluar masuk di situ.

Akan tetapi kalau pihak Kerajaan Persekutuan hendak mengatakan lolosnya di situ, tidak mungkin tetapi *free flow* ini setiap minggu seperti mana yang Ahli-ahli Dewan Rakyat mengatakan angkat tangan, betul. Hanya bagi hanya beberapa meter sahaja, 100 meter ataupun 200 meter iaitu 500 meter daripada Siam, 500 meter ke Malaysia untuk urusan berniaga. Jadi kita berharap Kerajaan Pusat boleh menimbangkan balik *free flow* ini di Wang Kelian. Jadi boleh menimbangkan balik memberi peluang kepada orang tempatan.

Ketiga, daripada segi keselamatan juga, kenapakah pagar pintu pagar dekat *free duty* yang telah rosak sekian lama, petang-petang 5 orang, ataupun 7 orang kena tolak pagar itu. Pagar automatik itu sudah rosak, tiap-tiap petang tolak. Pagi-pagi tolak, petang pun tolak. Ini berlaku setiap hari. Kenapa pihak kementerian yang berkenaan tidak *repair*, tidak baiki pagar automatik tersebut?

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Ya, kalau kata tidak ada duit Yang Berhormat tidak patut sebab yang lain kita belanja boleh banyak. Ini sempadan.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Yang Berhormat, minta mencelah sedikit Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon hendak tanya pada Yang Berhormat saya difahamkan di perbatasan kita ini dia lebih kurang macam Selatan dan Utara Vietnam ataupun Selatan dan Utara Korea. Sebab kita dengan Siam ini saudara kita di sana pun banyak, begitu juga di sebaliknya saudara mereka pun banyak di sini. Cuma *free flow* ini yang diminta oleh Yang Berhormat tadi, *free flow* ini saya rasa Siam ini yang lebih keras dia punya peraturan tetapi kita di Malaysia ini longgar, siapa hendak masuk boleh, siapa hendak keluar boleh tetapi di sana yang menjadi masalah. Betul tidak Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Yang Berhormat betul juga tetapi orang kita ini kadang-kadang dia hendak pergi ke seberang itu hendak beli barang seminggu tetapi kadang-kadang dia lajak pergi. Dia

lajak yang itu menjadi masalah kemungkinan juga aspek ini yang diguna pakai oleh Kerajaan Pusat ataupun kementerian berkenaan. Kemungkinanlah sebab kita tidak tahu sebab sepatutnya Kerajaan Pusat kena beritahu, berunding dengan kerajaan negeri. Apa-apa yang tidak patut, apa yang boleh buat ini tidak. Ini pun kerajaan negeri tahu melalui *WhatsApp*. Ada sesiapa yang *viral* itu tahu melalui di situ pakat tanya betul tidak, betul tidak. Macam mana kita hendak maju perkara kecil pun kita tidak boleh selesai cara baik.

Lagi satu, di Padang Besar juga ada lori-lori masuk dia tidak melalui ICQ. Dia melalui jalan KTM Kereta api Tanah Melayu sebab itulah masuk. Jadi sebab itulah kita kata pengganas-pengganas itu, militan IS itu masa inilah masuk peluang melalui kereta api. Jadi kita berharap pihak berkenaan tolong sediakan pengawasan ataupun imigresen ataupun pegawai khas yang jaga laluan keluar masuk di KTM sebab apa di KTM itu terlalu luas tempatnya dan mudah orang naik kereta api keluar masuk. Jadi di situ saya harap pihak berkenaan ambil perhatian yang serius.

Bila tanya di situ dia kata kesesakan, kesesakan lalu di ICQ. Kita hendak kesesakan lalu di situkah, kita penting kesesakan kah atau kita penting keselamatan. Kalau penting keselamatan kita buatlah jangan jadi berulang lain kali. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh beri laluan. Saya cuma hendak dapat pandangan dari Yang Berhormat kalau *free flow* ini lagi senangkan. Adakah itu akan *encourage each* penyeludupan barang-barang subsidi kita ke negara Thailand yang sedang dilakukan di mana-mana *gate*, sempadan.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Yang Berhormat, *free flow* ini hanya di Wang Kelian sahaja. Sebab saya kata tadi Wang Kelian tempat ataupun satu pintu masuk yang kecil. Setiap orang lalu dia akan tahu dia akan boleh *check* berjalan kaki, motor kah, kereta kah satu-satu. Kalau hendak banding dengan lain-lain tempat, dia terlalu besar dia ada ruang-ruang dia hendak lalu. Di situ tidak mungkin penyeludupan kalau hendak tengok penyeludupan di mana-mana pun ada penyeludupan. Tidak semestinya ikut pintu masuk Wang Kelian. Ada setengah tempat melalui sungai pun ada, melalui sempadan dan banyak lagi.

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Saya hendak mencelah. Terima kasihlah jadi kita sebagai jiran jadi kita kena negara kita sebagai Pengerusi ASEAN kita harus ada semangat ASEAN antara kita jadi *free flow* itu perlu digalakkan supaya memudahkan lawatan ke ASEAN, saudara-mara dan sebagainya.

Akan tetapi dalam kita keghairahan GST sekarang ini, penyeludupan minyak itu / hendak tahu juga. Adakah kita masih lagi *subsidize* minyak untuk kereta itu. Saya pergi ke Changlun saya duduk situ sejam, 32 buah kereta pada 12 Mac, 2.00 petang saya duduk situ sampai pukul 3 petang, 32 buah kereta Siam datang untuk bubuh minyak di stesen minyak Changlun itu. Berapa sudah kita kerugian di situ. Saya mintalah penerangan jadi mungkin Setiausaha Politik dan juga Senator Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid dapat memberi pencerahan sebab beliau sudah biasa dekat kawasan itu. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Bab penyeludupan ini minyak ini minta Yang Berhormat Menteri jawablah, bukan *level* kita ini Datuk. Kita minta Yang Berhormat Menteri jawab itu tetapi saya rasa Yang Berhormat Dato' pun sudah tahu tetapi orang di sempadan semua tahu. Bukan sahaja minyak

nyuir sahaja, berbagai-bagai. Begitu juga dengan sempadan ini bukan setakat Malaysia kena, Siam ini kita pun banyak. Bukan setakat barang-barang dia yang lain pun ada lagi.

Saya minta kepada kerajaan selain daripada penyeludupan ini minta pagar-pegar itu yang selalunya rosak perlulah dibaiki dan secepat mungkin sebab kita hendak mengelakkan penyeludupan. Bukan setakat pagar sahaja Tuan Yang di-Pertua, kita punya mesin pengimbas. Mesin pengimbas itu bukan baru tetapi sudah lama sudah rosak. Boleh kata di Padang Besar pun tidak ada, di Wang Kelian pun ingat tidak ada, di Bukit Kayu Hitam pun tidak ada mesin pengimbas. Mesin pengimbas ini perlu bukan setakat ini penyeludupan barang-barang malah senjata pun boleh masuk.

Tuan Yang di-Pertua, gerakan militan negara Islam, IS ini siapa bagi penjenamaan. Adakah Kerajaan Malaysia bagi penjenamaan, adakah PDRM bagi penjenamaan ataupun negara Barat bagi penjenamaan IS ini. Kalau kita kata *Islamic State* ini... [Disampuk] Dia sendiri bagi nama. Kita minta Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf ada sini bagi pencerahan sedikit, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari pun tolong bagi pencerahan sedikit kerana kita malu Yang Berhormat Dato', kita ini orang Islam, Islam fake ini kita pun malu kita orang Islam, negara Islam kenapa jadi macam ini. Lebih baik kita bagi penjenamaan lain seperti mana Yang Berhormat Tan Sri cakap tadi bagi nama pengguna IS. Pengganas guna nama IS.

#### ■1520

Jadi kita tengoklah berapa yang bagi nama. Boleh fikirlah, Dato' Dr. Asyraf boleh fikir hal-hal inilah bagaimana penjenamaan yang elok. Ini kerana kita pun malu kita orang Islam. Jadi kita buat jadi ganas. Kalau Islam betul, dia tidak ada ganas. Betul Yang Berhormat? Adakah Islam suruh ganas? Tuan Yang di-Pertua, Islam tidak berapa ganas. Akan tetapi kita tukarlah penjenamaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ekoran penangkapan 17 orang individu yang disyaki pengganas yang ditahan di ibu negara dari Kedah amat membimbangkan. Tambahan pula mereka merancang untuk mencolek orang kenamaan, menyerang lokasi strategik seperti kem tentera, balai polis bagi mendapatkan senjata api. Tidak mustahil, mereka juga mungkin mempunyai rancangan untuk menyerang Bangunan Parlimen ini sebagaimana pengganas lain yang berlaku di negara Barat atau negara lain. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah persediaan kita daripada segi keselamatan dalam menghadapi ancaman militan IS ini di Parlimen ini?

Anggota militan IS ini juga merancang untuk merompak bank bagi memperoleh dana dalam menggerakkan perjuangan yang dianggap jihad. Malah lebih membimbangkan, antara 17 orang yang ditangkap ini remaja berumur 14 tahun dan dua orang anggota tentera dan pengawal keselamatan yang mempunyai akses kepada senjata api. Sehingga ini seramai 92 orang rakyat negara ini telah ditahan oleh Cawangan Khas (Bahagian Anti Pengganas) Ibu Pejabat Bukit Aman kerana disyaki terbabit dalam kegiatan militan di Syria sejak operasi pada bulan Februari 2013 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, gerakan militan IS ini bukan sahaja iaitu gerakan bersenjata malah ia lebih membahayakan lagi kerana ia merupakan gerakan ideologi, gerakan- yang bergerak pantas melalui media sosial seperti *Facebook*, *Internet* dan sebagainya. bagi memenuhi pemikiran awam, sebagai

difahami terdapat lebih 3,000 laman web dan *Facebook* yang dikatakan mengenai militan IS atau ada kaitan dengan IS, antaranya seperti jemaah Al-Tawhid *wal-Jihad* dan sebagainya.

Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia? Ini termasuk mengadakan kerjasama lebih erat dengan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dalam mengekang penyebaran dakwah dan ideologi militan IS ini melalui laman web, internet, *website*, *Facebook* dan sebagainya.

Saya mengatakan tindakan yang tegas diambil untuk menentukan semua laman web sosial yang berkenaan kerana khuatir golongan muda termasuk pelajar institut pengajian tinggi dan universiti terjebak dalam pengganas militan IS ini. Berhubung dengan militan IS, kita juga khuatir dengan pengaruh IS yang mungkin akan meresap ke dalam anggota keselamatan khususnya anggota tentera. Saya bimbang dengan doktrin IS ini akan mempengaruhi fikiran anggota tentera kita. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan, langkah dan tindakan yang diambil Kementerian Pertahanan bagi membendung IS daripada mempengaruhi anggota tentera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan masalah dadah di negara ini. Masalah dadah adalah masih lagi merupakan musuh utama negara terutamanya kepada remaja yang merupakan aset modal insan negara. Dadah yang juga merupakan musuh utama juga kepada setiap ahli masyarakat yang juga ingin keharmonian dan kesejahteraan hidup bermasyarakat. Slogan, "*Hidup Tanpa Dadah*" sepatutnya menjadi slogan keramat untuk memerangi dadah sama ada di peringkat individu, keluarga dan masyarakat. Namun nampaknya, slogan hanya tinggal slogan. Jumlah penagih dadah tahun 2015 3,185 orang dan 70%, 2,242 orang penagih belia yang berumur 16 tahun hingga 36 tahun.

Pada masa ini pelbagai jenis dadah yang boleh membunuh. Antaranya, candu, morfin, heroin, ganja, HSC, syabu, ketamine, min, ini banyak min sangat, pelbagai guna dadah boleh menghancurkan diri sendiri, rumah tangga, keluarga dan masyarakat. Saya ingin mendapat penjelasan, pertama, apa langkah strategik, langkah dan tindakan yang diambil oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bagi terus memerangi dan membasmi kegiatan penagih dadah di negara ini khususnya di kalangan pelajar? Nyatakan bilangan penagih dadah mengikut kaum di negara ini.

Kedua, setakat mana kejayaan PDRM dalam membendung pengedaran dadah...

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Boleh saya mencelah sekejap?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Ya.

**Dato' Boon Som A/L Inong:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dadah memang saya pun simpati dengan pencapaian yang kurang meyakinkan di peringkat pihak penguatkuasaan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat dengan penularan daun ketum ini? Makin menjadi-jadi. Jadi, adakah patut ketum ini di bawah Akta Dadah juga? Terima kasih.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan daun ketum, orang Utara kata, '*ayaq biak*'. Kita rasa kecewa. Saya rasa kecewa, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara

yang lain masalah daun ketum ini rasa kecewa. Kenapakah daun ketum tidak dijadikan di bawah Akta Dadah Berbahaya? Sekarang ini di bawah Akta Racun. Sebenarnya *daun Ayaq Biak* ini, daun ketum ini bagus, buat ubat. Perubatan tradisional bagus, tetapi disalah gunakan. Disalah gunakan, ini yang menyebabkan kalau kita sayang saudara kita, orang kita, orang Malaysia, lebih baik kita haramkan penggunaan ini.

Kenapa negara jiran, negara bukan negara Islam diharamkan daun ketum ini tetapi kita tengok sebagai macam galakkan orang kita tanam daun ketum, galakkan orang kita minum, galakkan orang kita seludupkan daun ketum ke negara jiran. Saya minta kalau boleh masa lapang Dato' Dr. Johari dan Dato' Dr. Asyraf tolong jelaskan, bangkitkan dengan agama [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Sila.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, sebenarnya saya tertarik dengan satu tulisan oleh Yang Berhormat Dato' Boon Som tatkala beliau telah melawat negara *Uruguay* di mana penduduk *Uruguay* kalau tidak silap saya angkanya 3.5 juta, lembunya 70 juta, kambingnya 20 juta. Beribu-ribu kali gandalah.

Jadi apa yang saya dapat daripada tulisan Yang Berhormat Dato' Boon Som iaitu penduduk *Uruguay* boleh membeli makan daun marijuana tetapi hanya boleh dibeli di farmasi dan angkanya hanya di bawah 450 gram. Itu bermakna daun marijuana kalau di bawah angka tertentu ia menjadi ubat. Saya difahamkan tulisan Yang Berhormat Boon yang bagi saya amat menarik dikatakan di negara *Uruguay* tidak mempunyai pekerja asing, pendatang asing. Jadi di sini saya memohonlah kita kalau boleh Kerajaan Malaysia, kalau kita tengok di *Uruguay* dan yang pastinya yang saya paling-paling tertarik penduduk *Uruguay* tidak pernah ditangkap oleh kesalahan or dadah.

Jadi saya pun tak tahu sebenarnya marijuana ini sama dengan daun biak atau sama dengan daun ketum itu. Akan tetapi apa yang saya hendak katakan di sini, daun ketum ini kalau diikutkan pada zaman dahulukala, nenek moyang kita, itu ubat. Akan tetapi zaman sekarang, yang ubat ini habis jadi racun, tiba-tiba hendak diharamkan.

Apa yang saya hendak minta kepada Kerajaan Malaysia pada hari ini iaitu kita buat kajian dahulu, analisa dahulu, itu yang saya hendak mohon dan saya hendak minta pendapat Yang Berhormat Khalid yang jiran saya. *Insya-Allah* walaupun Yang Berhormat Mohd. Khalid tidak ada lagi dalam Dewan, kalau saya pergi ke sempadan, saya akan ucap salam jugalah kepada Yang Berhormat Mohd. Khalid. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Shahanim yang beri pandangan tadi. Jadi, betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. kalau kita hendak tanam di Malaysia boleh tanam, tetapi kita buatlah ladang, tempat yang berkawal untuk sebagai jadi ubat. Jadi hari ini ditanam terdedah. Siapa-siapa pun boleh tanam. Jadi dia tidak ada kawalan. Bila kawalan, *in shaa-Allah* kita boleh bendung perkara ini. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, di utara sana, cukup banyak.

Pergi di bendang, di sawah atau di rumah, setiap kampung itu mesti ada pokok di belakang rumah. Ini mata pencarian mungkin bagi orang-orang Utara sana.

▪ **1530**

Bukan di utaralah tetapi di Pahang pun saya ingat ada banyak. Jadi walau bagaimanapun, kita mengharap pihak kerajaan tolong pertimbangkanlah bab-bab daun ketum ini. Ini kerana kalau kita sayang kepada keluarga kita, anak cucu kita, bangsa kita, bangsa Malaysia, tolonglah perkara ini.

Kalau dibakarkan daun ketum kepada pekerja-pekerja, pekerja kita akan bekerja dengan rajin. Itu baik. Sekiranya kita ikut betul-betul, jadikan ubat. Kalau kita salah guna bukan jadi ubat tetapi jadi mudarat. Terima kasih Dato' Bon. Berhubung dengan dadah ini juga, saya turut ingin menyentuh berhubung dengan institusi pemulihan dadah yang dikenali sebagai pusat serenti yang telah ditukar nama pada Pusat Pemulihan Penagih Narkotik (PUSPEN). Pada tahun 2009, dah selaras ditukar kepada *Cure and Care Rehabilitation Center* (CCRC) berkuat kuasa 1 Jun 2012.

Pada masa ini terdapat 28 buah pusat serenti atau CCRC di seluruh negara termasuk di Bukit Cabang, Perlis. Keadaan CCRC di Perlis perlu ditambah baik daripada segi kemudahan infrastruktur dan sebagainya. Saya mohon agar kerajaan memberikan peruntukan yang lebih sesuai untuk memastikan CCRC ini dapat beroperasi dengan baik. Saya juga berharap kerajaan turut mengambil perhatian kepada kebajikan dan kemudahan kakitangan CCRC ini yang lebih berkorban untuk memastikan usaha pemulihan dadah negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) secara langsung atau tidak langsung telah memberi kesan kepada pekebun-pekebun kecil getah di seluruh negara. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah langkah kerajaan khususnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLWB) bagi mengurangkan beban pekebun getah ini. Adakah kerajaan akan meneruskan bantuan peralatan menerusi Program Perangkaan Getah (PPG) dan Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG) memandangkan kerajaan telah melaksanakan infrastruktur semula Bajet 2015. Adakah kerajaan turut memberikan bantuan kewangan bagi projek penanam semula dan depot penimbangan kepada pekebun kecil. Adakah langkah kerajaan bagi membantu anak pekebun kecil untuk menjalankan perniagaan dan membantu generasi untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Sejauh manakah peranan KPDNKK? Kementerian ini hendaklah bertanggungjawab dalam memantau harga barang bagi mengelakkan kekeliruan dan memanipulasi berikutan pelaksanaan GST.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan pengurusan sisa pepejal di negara ini. Secara purata, setiap rakyat Malaysia menghasilkan 0.8 kilogram sampah setiap hari. Penghuni di bandar menghasilkan 1.5 kilogram sampah setiap hari. Sampah yang dihasilkan ini dihantar ke pusat pelupusan atau pusat pembakaran. Pada masa ini, terdapat 161 buah tapak pelupusan sisa pepejal di Malaysia tidak termasuk di Sabah dan Sarawak. Di antara 161 buah tapak ini, 77 daripadanya terdiri daripada pembuangan sampah terbuka, 49 terdiri daripada pelupusan terkawal, 19 buah tapak pelupusan dan sisa pepejal dikambus setiap hari.

Walau bagaimanapun, mempunyai jumlah tapak pelupusan sisa pepejal yang banyak namun jumlah ini tidak mencukupi untuk menampung jumlah sampah yang dihasilkan. Sebahagian besar tapak ini akan penuh atau tidak boleh digunakan dalam masa dua atau tiga tahun. Bukan itu sahaja, kaedah pelupusan sampah jenis ini berisiko tinggi terhadap alam sekitar dan manusia. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya KPKT.

Apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan sisa pepejal di negara ini termasuk menggunakan teknologi dan sistem pengurusan sistem yang canggih untuk mencapai kualiti alam sekitar yang lebih baik?

Selain kebersihan bandar, saya ingin menyentuh berhubung dengan keceriaan bandar pada masa ini. Kita dapati banyak bangunan di kawasan pihak berkuasa tempatan sama ada majlis daerah, majlis perbandaran atau majlis bandar raya mempunyai bangunan yang lama dan sudah lusuh, cat yang telah pudar dan keadaan bangunan yang tidak ceria. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya KPKT. Apakah kerajaan khususnya KPKT mempunyai program dan perancangan bagi menceriakan bandar termasuk mengecat semula bangunan lama? Saya berharap KPKT mengambil langkah dan tindakan bagi memastikan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) menjadikan bandar bersih dan ceria.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan berbesar hati dan merakamkan rasa penghargaan ke Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Jabatan Perdana Menteri kerana telah menjadi jabatan dan agensi kerajaan yang penting ke arah memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Program anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Jabatan Perdana Menteri seumpama akan mengingatkan kita betapa pentingnya perpaduan di negara Malaysia yang dicintai ini dikekalkan supaya rakyat Malaysia perlu terus bersatu padu demi menjamin kemajuan dan kesejahteraan yang sedang kita nikmati agar terus berkekalan. Marilah kita sama-sama bersyukur atas kemakmuran dan kestabilan negara yang kita kecapai hari ini.

Dalam konteks perpaduan kaum di Malaysia yang mana rakyatnya terdiri dari pelbagai kaum dan keturunan. Suasana hubungan kadangkala ada pasang surutnya. Marilah kita bersama-sama menghadapi sebarang cabaran atau apa jua isu yang boleh menggugat keharmonian akan menghancurkan dan ditangani dengan tenang dan bijaksana. Ini kerana kita akan yakin majoriti rakyat Malaysia masih berfikiran waras dan cinta kedamaian dan berdoa agar tidak berlaku konflik antara kaum berlaku dalam negara. Percayalah antara kaum berlaku dalam negara, perpecahan hanya akan merugikan semua pihak. Sekali gus...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masih banyakkah Yang Berhormat, masih banyak lagi?

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Sikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya jarang-jarang cakap. Saya minta Tuan Yang di-Pertua pertimbangkanlah. Sikit sahaja lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itulah saya tanya banyak lagikah?

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tidak, tidak banyak. Sikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak itu, berapa lama lagi?

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Saya ingat ada lima minit lagilah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyentuh berhubung dengan isu perpaduan kaum di negara ini. Usaha kerajaan untuk mewujudkan sistem amaran konflik perkauman mengheret beberapa persepsi terhadap pencapaian negara dalam usaha menyamakan perpaduan kaum. Usaha serius Malaysia ke arah perpaduan kaum mula bertambah sejak tercetus tragedi 13 Mei 1969 apabila ada segelintir yang menyalakan api, membakar semangat kebakaran antara kaum di negara ini.

Kerajaan telah segera menubuhkan Majlis Perpaduan Negara dan Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan. Namun, benih-benih perpaduan itu telah pun dicambahkan dalam Perlembagaan Persekutuan yang meningkatkan konteks sosial sebagaimana Artikel 152, dan 153, Perlembagaan Persekutuan. Kita sedar bahawa perpaduan kaum boleh ubah penting dalam menentukan sistem politik, sosial dan ekonomi negara. Dr. Chandra Muzaffar menekankan bahawa pentingnya hubungan impak antara kaum. Maksudnya bukan sekadar berhubung di pejabat, pasar dan tempat kerja tetapi juga berkongsi masalah yang melampaui sempadan-sempadan seperti yang tersebut.

Insiden MH370 dan tragedi MH17 contoh bagaimana semua rakyat tanpa mengira bangsa, kaum dan agama bersatu hati berkongsi kesedihan dan simpati. Dalam konteks perpaduan kaum, Malaysia menghadapi banyak masalah kerana kepercayaan dan perbezaan agama dan mungkin proses asimilasi. Tambahan pula setiap kaum melihat budaya dan tamadun bangsa mereka lebih dominan. Tahun 1982, Tun Mahathir, mantan Perdana Menteri menyatakan bahawa budaya Melayu harus menjadi ciri-ciri utama budaya nasional supaya diterima dan diamalkan oleh semua kaum. Malah ada yang mahukan budaya Melayu dijadikan satu-satunya elemen budaya nasional. Namun, pada tahun 1995, Tun Mahathir dengan jelas menyatakan bahawa konsep perpaduan kaum tidak lagi wajar bertunjangkan kepada konsep yang berasaskan budaya Melayu tetapi berteraskan bangsa Malaysia yang membawa maksud rakyat yang membawa identiti Malaysia, bertutur Bahasa Malaysia dan untuk merealisasikan Bahasa Malaysia, semua rakyat harus menerima kewujudan masing-masing seandainya tanpa mengira kaum dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan isu perpaduan kaum ini kerana kepentingan sebagai platform untuk menunjukkan Wawasan 2020 yang sudah begitu hampir hanya lima tahun lagi untuk mengekalkan negara ini sebagai bangsa Malaysia tanpa melihat perbezaan warna kulit, budaya dan agama. Namun realiti perpaduan kaum begitu rapuh diutamakan dengan adanya medium sosial yang secara terang-terang memecahbelahkan perpaduan kaum negara ini.

■1540

Bukan sahaja tidak menghormati sensitiviti kaum lain, masalah soal agama dan raja-raja juga dipermainkan bagi menimbulkan kebencian, ketidakperhatian budaya dan ini juga dibendung yang akhirnya akan mengundang konflik perpaduan kaum dan boleh menghancurkan negara.

Sehubungan dengan itu, saya ingin meminta penjelasan kerajaan sejauh manakah usaha kerajaan selama ini telah berhasil untuk memakmurkan perpaduan kaum negara ini. Apakah pencapaian

utama usaha perpaduan selama ini amat lemah sehingga kerajaan memerlukan usaha sistem *indicator* bagi menyelesaikan konflik perkauman? Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu kementerian yang khusus bagi menjaga dan menangani perpaduan kaum negara ini. Saya menggesa kerajaan agar mengambil tindakan yang serius dan berkesan bagi menangani masalah perpaduan kaum di negara ini kerana segala usaha pembangunan memajukan negara ini akan menjadi sia-sia jika negara menjadi kucar kacir dan huru-hara disebabkan tiada perpaduan di negara ini.

Di kesempatan ini juga saya ingin menyeru agar Kerajaan Persekutuan dapat melihat dengan sejelas-jelasnya peranan dan kepentingan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri. Adakah organisasi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri diberi impak yang stabil dengan program yang dilaksanakan di dalam mengekalkan keharmonian negara ini. Satu pembangunan organisasi. Keperluan menaik taraf jabatan dan perjawatan, mewujudkan pejabat Jabatan Perpaduan Negara (JPNIN) di semua daerah di negara ini iaitu 145 buah daerah mengikut keperluan negeri-negeri dalam negara.

Isu kebangkitan dan perjawatan di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional difahamkan masih lagi terdapat perkhidmatan bertaraf kontrak di JPNIN melalui 30 tahun. Pegawai penyelia tadika, guru tadika, pembantu pendidik, pembantu guru. Ini semua adalah bertaraf kontrak yang tidak tetap. Ruang pejabat yang selesa. Pegawai dan *staff*, perkongsian ruang pejabat dan kemudahan yang sempit di dalam pejabat. Peruntukan yang terhad. Perbelanjaan mengurus program bertaraf antarabangsa, program bertaraf nasional, Kawasan Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarela, Sekretariat Rukun Negara, Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah menengah.

Kenderaan-kenderaan yang ada di jabatan melebihi 15 tahun. Malah ada negeri yang tidak ada langsung. Lebih teruk lagi apabila dibaiki setiap masa dan kosnya tinggi. Jika tidak melihat perpaduan merupakan satu unsur yang penting dalam menggalakkan keharmonian negara di Malaysia yang kita cintai ini selama 58 tahun. Marilah kita sama-sama menyokong agar Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional diletakkan sebagai satu kementerian ataupun diletakkan di mana-mana kementerian yang mempunyai hubungan terus dengan akar umbi pelbagai kaum sebab jabatan ini memainkan peranan. Dulu sudah ada kementerian tapi sekarang tidak ada kementerian sendiri.

Sejak merdeka rakyat Malaysia mempunyai pengalaman pahit dan manis dalam menguruskan perpaduan. Saya berharap pengalaman yang dilalui akan menjadikan kita lebih sedar dan sentiasa berwaspada untuk mengelakkan diri salah laku yang diambil dan menjauhkan hubungan negatif sesama sendiri. Masih ada jalan penyelesaian yang terbaik. Jika berlaku ketidakpuasan hati antara melalui pendekatan atau perundingan. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya menyeru sekali lagi agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri tetapi dia tidak berusaha menepati janji tersebut.

Kita perlu melihat secara dalaman bukan sekadar di luaran saja. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri supaya dengan rasa rendah diri ingin merakamkan ucapan penghargaan, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk saya

ajak kawan-kawan kita berdiri untuk tanda penghormatan ke Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Saya dengan rendah diri menjemput Yang Berhormat Ahli Dewan Negara untuk berdiri tanda penghormatan ke Jabatan Perpaduan Negara.

*[Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri]*

Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, setiap pertemuan pasti akan ada perpisahan. Begitulah juga pertemuan di Dewan Negara yang mulia ini. Selama dua penggal sebagai Ahli Dewan Negara, saya menjadi kenangan paling manis yang tidak dapat dilupakan. Masa begitu pantas berlaku. Kesibukan dengan tugas dan pelbagai komitmen menyebabkan terasa bahawa masa begitu pantas meninggalkan kita.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis dan Ahli Dewan Undangan Negeri DUN Perlis yang memilih untuk saya menjadi Ahli Dewan Negara bagi mewakili negeri Perlis. Saya merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Abu Zahar bin Nika Ujang, Yang di-Pertua Dewan Negara yang telah banyak membantu menunjuk ajar dan panduan kepada saya.

*Pisang emas dibawa belayar,*

*Masak sebiji di atas peti,*

*Hutang emas boleh dibayar,*

*Hutang budi dibawa mati.*

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Doris Sophia Brodi, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara atas kerjasama yang telah diberikan. Juga kepada ketua-ketua pendaftar Parlimen Malaysia, Setiausaha Dewan Negara, mantan Setiausaha Dewan Negara, Datuk Zamani Sulaiman, Setiausaha Dewan Negara sekarang. Ucapan terima kasih juga kepada penyelidik Parlimen Malaysia yang banyak membantu saya menyediakan nota perbincangan, Bahagian Pengurusan Dewan dan semua pegawai dan kakitangan Parlimen Malaysia yang telah secara dan tidak langsung membantu saya dalam pelbagai urusan.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Dewan Negara yang sama berjuang demi kepentingan rakyat dan negara. Saya mohon maaf sekiranya ada kata-kata atau tingkah laku yang kurang menyenangkan semasa perbincangan.

*Kalau ada sumur di ladang,*

*Boleh saya menumpang mandi,*

*Kalau ada umur yang panjang,*

*Boleh kita berjumpa lagi.*

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat masih ada enam hari lagi untuk menyumbangkan jasa bagi pihak Dewan Negara. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Dato' Khairudin bin Samad. Silakan Yang Berhormat.

### 3.57 ptg

**Dato' Khairudin bin E.S. Abd Samad:** *Bismillahi rahmaani rahiim. Alhamdulillah rabbi Alamin. Assolatu wassalamualaa asrafilanbiyyaiwalmursalim. Waala-alih wasahbiniiajmain.* Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahas usul Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya menjunjung kasih ke atas Titah Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, perbahasan saya bermula pada hari ini ialah saya hendak mengaitkan sedikit tentang kedudukan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara ini yang saya telah pun berpeluang menggantikan Datuk Yahya ke Manila dan juga *Uzbekistan*. Manila sebab sewaktu beliau tidak dapat hadir, Yang Berhormat Datuk Yahya tidak dapat hadir, maka saya diminta untuk menggantikan beliau. Kemudian ke *Uzbekistan* juga mengganti.

Itu lawatan yang pertama, dan kedua, saya ke luar negara mengganti tempat beliau. Saya melihat sendiri bagaimana Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua begitu bekerja kuat, sibuk menghadiri setiap sesi yang dijalankan. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua. Cuma saya ingin mencadangkan kalau boleh kerajaan mempertimbangkan untuk menambah seorang lagi Timbalan Yang di-Pertua supaya kerja-kerja berat ini dapat diringankan sedikit. Kita ini hendak *transform*, kita kena lihat juga keadaan Dewan ini.

### ■1550

Saya sering kali bercakap dan kita juga minta supaya daripada tiga tahun ditambah ke-lima tahun kerana yang tiga tahun ini zaman merdeka dahulu dan sekarang kita sudah hampir 60 tahun merdeka, kita masih lagi di tahap yang sama. Kalau kita boleh buat perubahan sedikit, kita buat cadangan supaya kerajaan mempertimbangkan. Kalau tidak hari ini saya merasa sedih melihat sahabat saya hendak balik kampunglah. Saya rasa sedih tadi, hendak menitis air matalah kerana kita begitu akrab dengan dia, tetapi dia hendak meninggalkan kita walaupun dia balik ke Perlis. Bukan ke alam barzakh tidak, kita doakan panjang umur.

Kalaulah Yang Berhormat ini ada lima tahun, pencen pun lebih, tetapi nasib baik dia dua penggal. Kalau tiga tahun, pencen beratur ambil BR1M walaupun ada perubahan dalam tangga gaji nanti yang akan kita bahaskan kemudian. Akan tetapi saya ingin ambil kesempatan di sini hendak ucapkan jutaan terima kasih kepada rakan kita di Dewan Rakyat yang telah pun membantu untuk membawa tangga gaji kita supaya dinaikkan dan kita akan bahas kemudian, walaupun saya dengar rata-rata kawan-kawan kita tidak berpuas hati jugalah dengan apa yang telah dipersetujui.

Ini kerana kita punya *stand* dahulu Tuan Yang di-Pertua ialah kita ini Dewan yang menggubalkan undang-undang dan kita bermesyuarat, bersidang tiga kali setahun dan masa yang cukup panjang kalau

dibandingkan dengan Dewan Undangan Negeri. Akan tetapi mereka di Dewan Undangan Negeri contohnya di Sarawak, di Selangor semua dapat lebih daripada Ahli-ahli Dewan Parlimen, Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Itu yang kita gunakan prinsip itu untuk kita minta ditambahkan. Ini saya tidak mahu cerita lagi soal gaji pegawai-pegawai kerajaan, ini kita hendak cerita gaji kita dahulu.

Kita minta satu dipertimbangkan supaya kita ini kalau boleh ditingkatkan ke-lima tahun satu penggal. Jadi sekurang-kurangnya rakan-rakan yang datang dari Dewan Undangan Negeri satu penggal lima tahun okeylah sedikit, pencen pun lebih. Dato' Roslin pun akan pencen juga bulan lima ini saya difahamkan. To' Puan pun sama juga akan pencen. Jadi kita hendak tengok kawan-kawan kita ini satu penggal balik, satu penggal balik selepas itu beratur ambil BR1M. Sedih nanti kita jadi sedih.

Ini yang kita pertahankan, yang kita hendak lawan ini, yang kita minta ini supaya dipertimbangkan yang ini. Jadi saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua pun akan pencen juga, tetapi dua penggallah, okey. Akan tetapi kita sayangnya, kita rindu nanti. Kalau disambung lima tahun peluang kita lama sedikit dengan Timbalan dan juga Tuan Yang di-Pertua, pun saya difahamkan sudah hampir-hampir hendak pencen. Itu yang satu saya hendak utarakan. Kemudian apabila kita bercakap mengenai gaji, kita difahamkan bahawa Ahli-ahli Dewan Negara ini tidak ada tanggungjawab. Saya pun hairan macam mana mereka boleh mempertikaikan yang kita ini tanggungjawab tidak berat. Apa yang saya tahu yang ada di sini kebanyakan ketua-ketua belaka.

Walaupun datang daripada profesional, mereka juga mempunyai tanggungjawab. Kalau tidak mereka tidak mewakili badan-badan profesional untuk duduk dalam Dewan ini dan Ketua-ketua Bahagian, Ketua-ketua Pemuda, Ketua Wanita dan sebagainya. Ini semua ketua yang bertanggungjawab kepada rakyat. Apa yang kita terima gaji yang banyak yang hendak berikan ini, kita terima waktu kita berkhidmat ini adalah untuk rakyat. Kita balik, tidak habis-habis minta itu minta ini daripada kita, yang itu satu, yang kita duk bagi-bagi ini.

Kita hendak harap betul-betul gaji kita penuh ialah waktu kita pencen. Duit pencen itu barulah orang tidak mai kacau kita sebab waktu itu kita sudah hilang kuasa tetapi saya hendak suarakan yang ini, saya hendak minta kerajaan mempertimbangkan kerana apabila kita berkuasa kita mesti gunakan kuasa. kata pepatah Inggeris, "*When you are in power, make sure you are powerful, if not you are a "dot dot dot dot"... [Disampuk] Jangan sebutlah [Ketawa] Dalam Dewan yang mulia tidak boleh sebut, "If you are not, then you are a dot dot dot dot".*" Ini yang kita hendak minta. Ini kerana kita lihat badan-badan GLC, Ahli Dewan Rakyat kebanyakan dilantik jadi *Chairman*, pengerusi sini pengerusi sana, Dewan Negara tidak. Begitu juga mereka yang pencen pegawai kerajaan, KSU, Ketua Pengarah, Jeneral semua ada peluang untuk duduk dalam GLC. Kadang-kadang mereka ini duduk tidak mahu lepas, sudah berpuluh-puluh tahun duduk di situ kemudian dengan bangganya bercerita dengan orang dia dapat beratus ribu sebulan. Ini pun satu masalah. Kerajaan sepatutnya yang itu yang bagi *term*, bagi penggal. Dua kali cukup, dua tahun cukup. Balik, bagi orang lain merasa. Kebanyakan pegawai-pegawai kerajaan yang tidak dapat peluang untuk duduk di situ, mereka ini yang kadang-kadang kubur sudah panggil, minta maaf, kubur

sudah panggil, apabila tidak dapat kerja, tidak dapat peluang dia pergi di surau, duduk di masjid di situ lah datangnya idea-idea untuk menentang.

Jadi bagilah peluang biar semua orang merasa. Begitu juga kita yang di dalam Dewan ini. Jangan kata Ahli Dewan Negara ini tidak payah tidak perlu, sebab yang duduk di sini pun perlu membantu rakyat. Kita memberi sokongan penuh terutama kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu beliau mempunyai masalah sedikit, kita juga di hadapan yang membantu, yang menyokong. Jadi kita minta supaya diberilah pertimbangan sekurang-kurangnya boleh kita merasa apa yang dirasakan oleh orang lain. Ini kerana saya berpendapat begini, kebanyakan orang-orang dalam politik, orang politik ini dia ada dapat duit sedikit sebanyak pulang kepada rakyat. Bukan politik ini yang simpan di Swiss Bank. Ini kita kena terima hakikat, yang mereka buat duit berjuta-juta ini simpan di luar, itu yang masalah. Orang politik ini orang tuduh, asyik hendak menuduh. Kita apabila bertanya kenapalah tidak diberikan peluang kepada orang-orang politik untuk diberi tempat tertentu, *“Oh, tidak boleh, orang politik ini tidak boleh percaya sebab dia banyak suka makan rasuah”*.

Bagi saya kalau rasuah tangkap, apakah yang susah? Kita ada SPRM, kita ada polis. Kalau orang politik betul didapati rasuah, tangkap. Begitu juga pegawai-pegawai kerajaan, kalau didapati rasuah tangkap. Ini tidak kita hendak bela orang pasal apa? Kalau kita tahu kata-kenapa kita di sini tidak mampukah untuk membuat kerja-kerja yang lain? Kita juga mampu, kita juga boleh. Sidang Dewan ini 10 hari sahaja. Kalau kita ada jawatan lain jadi Pengerusi kita boleh tangguh mesyuarat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah?

**Dato' Khairudin bin Samad:** Silakan

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat saya hendak tanya pendapat dan pandanganlah apabila Yang Berhormat sebut yang orang politik ini tidak boleh duduk dalam GLC kerana rasuah. Tersentuh juga hati. Kalau orang politik tidak boleh duduk dalam mana-mana GLC, kita dalam Dewan ini semua orang politik dan saya yakin dan percaya dalam Dewan ini ramai ada kelebihan masing-masing daripada segi ekonomi dan sebagainya. Jadi apa yang saya hendak katakan di sini, saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat. Kalau orang politik dia ada pengalaman sama ada di bank atau di bidang-bidang perniagaan, diletakkan di dalam mana-mana GLC, tetapi dikatakan rasuah, kita tangkap.

Akan tetapi yang saya tidak setujunya, jangan kerana seorang atau dua orang punya perangai kita terus negatif kepada semua orang politik. Oleh sebab saya yakin dan percaya apa yang saya lihat dengan mata saya sendiri, orang politik ini kalau dia dapat RM10 dia belanja RM2 atau RM3. Balik kawasan RM7 untuk anak buah, untuk program, untuk bantu rakyat, masyarakat. Jadi apa pendapat dan pandangan Yang Berhormat sekiranya orang politik dilihat balik Ahli-ahli Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Rakyat tengok balik senarai yang berkeelayakan, tengok balik GLC-GLC, siapa yang sudah lama, yang tidak pernah membantu kerajaan, malahan kalau individu itu kalau keuntungan yang dia dapat seorang duduk dalam GLC, tanpa politik, duit dalam bank dia penuh.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

■1550

Contohnya kalau RM10,000, RM10,000 itu penuh. Boleh makan angin, boleh jalan-jalan tidak pernah ada masalah dan memikirkan masalah rakyat tetapi kalau orang politik dia dapat RM10,000 pun saya yakin dan sangat percaya RM10,000 bukan untuk semua kepada dia dan keluarga dia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju. Saya pun hendak sebut tapi RM10 kah RM10,000 itu bukanlah rasuah komisen. Sekejap lagi kata rasuah pula. Itu yang saya kata kita pulangkan balik kepada rakyat kalau kita duduk di situ. Betul. Kalau kita hendak kaji, kalau kita hendak tengok statistik saya berkeyakinan lebih ramai pegawai kerajaan yang ditangkap kerana rasuah daripada ahli politik dan janganlah yang ini pula dijadikan satu persepsi bahawa orang politik tidak boleh pegang jawatan-jawatan dalam GLC kerana orang politik ini rasuah. Yang ini yang menjadi masalah. Jadi ia jadi persepsi orang. Macam inilah sekarang ini, gaji baru diluluskan di Dewan Rakyat. Lepas itu kita ini yang duduk di rumah ini terpinga-pinga. Tengok surat khabar RM7,000 ke RM11,000. Yang kita tahu gaji kita ini RM4,000. Macam mana pergi jadi RM11,000. Rupanya diambil yang dahulu.

Saya difahamkan dia ambil yang dahulu. Yang RM7,000 yang ditolak. Jadi daripada situlah jadi RM11,000. Tidak apa tetapi menjadi *viral*. Orang sudah *start* sebar, rakyat sudah *start* marah. Ahli-ahli Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Rakyat ini semua naik gaji. Kita minta supaya dinaikkan sebab sudah terlalu lama tidak naik. Kebetulan *time* kita jadi Senator, *time* kita jadi Ahli Dewan maka gaji naik tetapi benda ini tidak naik sudah berapa lama dan sekarang ini negeri-negeri sudah naik dan kita Dewan yang paling tinggi apa salahnya kita juga naik dan bukan kita naik ini kerana kita ambil daripada duit GST. Yang itu persepsi sekarang. Sebab kebetulan selepas 1 April ini, GST dijalankan masa itulah pula...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya ada di sini, pandang saya.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Minta maaf, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. saya pun tidak perasan Tuan Yang di-Pertua masuk. Yang ini yang menjadi masalah sekarang. Sekarang sudah jadi *viral*. Rakyat ingat kata kita ini hendak tambah. Tidak apalah kita tunggu waktu dibahaskan nanti baru kita bahas soal gaji ini.

Sekarang saya hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua, minta maaf saya terlepas pandang tadi, tidak tengok di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panas sangat kah?

**Dato' Khairudin bin Samad:** Bukan. Sekarang saya hendak sentuh soal kita punya jabatan-jabatan dan juga kementerian-kementerian yang selalu kita lihat bercanggah di antara satu sama lain kerana kita wujudkan macam-macam suruhanjaya, jabatan yang sudah sedia ada, ada pula suruhanjaya. Jadi macam lagu *Old McDonald- "We are quack-quack here! A boo-boo there!"* Dia cakap tidak sama macam ayam dengan itik. Kita wujudkan SPAD ini Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat bunyi macam tentera darat sedikit. Ada SPAD ini dia rasa sudah cukup besar kuasa dia. Dia mengatasi JPJ atau

Jabatan Pengangkutan Jalan, sebab banyak tugas Jabatan Pengangkutan Jalan diambil. Sebab apa kita wujudkan? Saya pun tidak faham. Yang saya tahu dahulu buat kerana MRT tapi sekarang dia ada kuasa.

Bila kita telefon JPJ mengatakan lori bawa batu lebih jatuh pecah cermin kereta JPJ jawab kena telefon SPAD. SPAD pula yang berkuasa di situ sehinggakan menjadi masalah kepada rakyat sekarang bila SPAD hendak naikkan tambang tanpa berbincang dengan kementerian. Inilah yang jadi ayam dengan itik ini. Yang, "*quack-quack here, boo-boo there*" Ya betul. Dia bercakap lain, ini bercakap lain. Lepas itu kabinet terpaksa buat keputusan Tuan Yang di-Pertua untuk *stop*. Bila tarik balik kita ada masalah lagi sebab pemandu-pemandu teksi, tauke-tauke bas pula marah. Jadi tidak untung. Kalau lulus pun rakyat marah, kalau tidak lulus pun kena marah sebab buat kerja tanpa berunding, tanpa berbincang, tanpa menggunakan satu bahasa. Ini menjadi masalah.

Jadi tidak perlu wujudkan itu, hendak wujudkan ini. Ada Polis Diraja Malaysia, ada PVR yang kita tahu *Police Volunteer Reserve*, ada pula RELA dan sekarang ini RELA pula diberi segala-galanya. PVR dianak tirikan termasuk Polis Diraja Malaysia. Kalau tidak percaya saya sebab datang dari Putrajaya. Rakan-rakan saya dalam Dewan yang mulia ini kalau tidak percaya pergilah ke Kementerian Dalam Negeri. Kita nanti ingat kita ada di dalam kawasan yang dikuasai oleh RELA. Semua RELA. Tahan kereta, tahan bas semua dia sampai macam itu sekali.

Jadi saya minta kalau boleh kita beri perhatian kerana uniform polis ini perlu juga ditukar tapi kalau kita tanya kawan-kawan daripada PDRM kadang-kadang dia uniform pun tidak dapat lagi. Kasut pun belum tukar lagi yang setahun ini. Ada yang beli sendiri sebab kita menghabiskan wang bagi ini yang kurang kuasa tetapi gila kuasa. Sebab kita pergi di luar negara orang macam mengutuk kita sedikit-sedikit RELA, RELA. Orang perli kita sebab yang buat *raid* pun mereka. Mana pergi kuasa polis. Yang ini pun jadi masalah. Jadi kementerian harus lihat semula kepada PVR. Lihat semula ini semua. Kita bukan cakap soal SPAD. Ada bomba ada JPAM pula. Sekarang kita telefon bomba, itu kerja JPAM. Bomba pun macam tidak hendak ambil. Dia tunggu rumah terbakar baru dia hendak datang. Kalau yang lain-lain dia suruh JPAM. Saya tidak tahulah berapakah gaji yang dibayar kepada anggota JPAM ini semua. Kalau kita tidak boleh buat benda-benda macam itu kita kasihan kerana mereka ini semua bila tidak ada kerja dia hendak cari kerja. Lepas itu kita kata kita tidak hendak kerja, kita bagi orang luar kerja, datang bekerja. Yang kita bagi kepada JPAM apa semua ini. Kalau kita hendak kita perbanyakkan, kita perhebatkan pasukan bomba ataupun kita perhebatkan Polis Diraja Malaysia daripada kita tubuhkan unit lain dan jadi masalah. Kemudian sebab mereka ini tidak bercakap dalam satu bahasa. Jadi masalah kepada kita.

Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian, Tuan Yang di-Pertua, itu satu. Kemudian saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat tadi berkenaan dengan *Islamic State* ini. Ini tajaan, tajaan mereka, mereka yang wujudkan. Kita tahu kerja-kerja mereka ini. Sudah wujudkan kemudian namakan *Islamic State*. Kita sendiri di dalam negara kita ini kita terpaksa memberitahu kepada rakyat, kepada anak-anak di sekolah ia bukan maahad tahfiz sangat. Dia sekarang ini yang saya difahamkan kebanyakannya menggunakan teknologi-teknologi sekarang melalui internet, *Twitter*,

*Facebook, handphone*. Yang ini kalau mengikut taklimat-taklimat yang kita dengar dia mempengaruhi melalui media-media ini. So, yang ini yang menjadi masalah dan kita harus tangani. Cuma saya bersetuju tadi sebab perkataan *Islamic State* itu digunakan. Yang ini Tuan Yang di-Pertua harus kita perbetulkan balik.

■1610

Tidak boleh, kita tidak boleh menggunakan *Islamic State* kerana itu sistem khalifah kononnya dia hendak buat tetapi menggunakan *Islamic State* sebagai penjenayah, itu tidak betul. Kita kena ubah persepsi ini kerana kita tidak mahu orang menggunakan *Islamic State* ini untuk mengatakan orang-orang Islam ini penjenayah kerana saya difahamkan mereka yang menjadi penjenayah dalam kumpulan militan ini bukan semua orang Islam. Saya difahamkan hanya 70% lebih kurang, yang bukan Islam ada dalam 30%. Jadi kita tidak boleh katakan Islam itu yang menjadi penjenayah kerana ini yang merompak, merogol, ini. Saya tidak yakin yang orang Islam buat itu kerana kita ada didikan agama yang kuat, yang tidak boleh buat kerja-kerja seperti itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada dua minit lagi.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Alamak, baru mula Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hei baru mula, lama sudah.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Kemudian saya hendak menyentuh sikit tentang, ini saya bercakap bila saya bercakap fasal tidak sama bahasa. Baru-baru ini CEO Kumpulan Wang Simpanan Pekerja membuat satu *statement* bahawa wang caruman kita hanya boleh dikeluarkan pada umur 60 tahun. Saya sudah lepas 60, saya tidak jadi masalah tetapi saya hendak bercakap ini ialah kerana yang pertama, CEO ini yang kadang-kadang menjadi masalah juga kerana duduk terlalu lama, dia pun tidak faham apa dia buat sebab dia terlalu lama. Macam orang yang banyak bercakaplah. Bila terlalu banyak bercakap, buat kesalahan banyaklah. *The more you open your big mouth, the more mistake you* buat, itu yang sekarang ini berlaku, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Kawan kita ini buat *statement* hendak suruh pencarum keluarkan caruman umur 60 tahun. Dia tahu atau tidak bahawa kakitangan kerajaan hanya mencarum sepuluh tahun, ada yang lebih tetapi rata-rata sepuluh tahun, lepas itu *stop* kerana ambil pencen, tidak perlu carum, okey. Apabila dicarum hanya sepuluh tahun, bila dia sampai umur 55 tahun, dibawa keluar sepuluh tahun caruman dengan faedah yang dia dapat sampai umur 55 tahun tidak banyak mana.

Akan tetapi bagi mereka daripada pihak swasta, dia mencarum daripada dia mula bekerja sehingga umur 55 tahun. Bila dia sampai umur 55 tahun, dia berpencen, dia berhenti kerja, tidak ada wang pencen. 55 tahun duit yang dicarum itulah yang akan dibekalkan sebagai wang pencen dia. Oleh sebab swasta tidak ikut 60 tahun. Dia akan *stop* setakat 55 tahun. 55 tahun sebab dia tahu ini gajinya terlampau tinggi. Dia tidak mahu disambung sampai 60 tahun, dia tidak bersetuju untuk sambungkan pegawainya melainkan *indispensable*, dengan izin, baru disambung. Kalau tidak, *sorry, 55 get lost you* sebab *you* kena pencen sebab saya hendak ambil orang baru, gaji murah sikit. Ini pandangan pihak swasta.

Bila 55 tahun, dia berhenti, dia hendak ambil duit, kemudian KWSP kata tidak boleh, tunggu 60. Umur 59 tahun, dia pun kembali ke alam barzakh, tidakkah kasihan pada dia. Tidak sempat merasa duit yang telah dicarum selama 55 tahun ataupun 30 tahun lah sebab dia bekerja pun umur 20 lebih. Ini tidak betul. Jadi hendak buat kenyataan, jangan bagi rakyat marah. Bila pegawai buat kenyataan, rakyat marah, yang kalah parti pemerintah.

So, kerajaan kena lihat orang-orang yang macam ini, tidak payah simpan lama-lama. Pencenkan dia juga suruh dia ambil KWSP berhenti. Kita ada ramai lagi orang yang boleh bekerja sebab kita kena cari macam Yang Berhormat Shahanim kata tadi, kita kena cari orang yang membantu kita. Kalau kita bagi dia duduk dalam GLC, duduk di sana, duduk di sini tetapi dia merosakkan masyarakat, keluar kenyataan yang bukan-bukan sehingga rakyat menjadi marah kepada kerajaan yang memerintah, ini menjadi masalah.

Kita pegawai kerajaan, kita duduk, kita jangan lupa bahawa kerajaan yang ada ini boleh menukarkan dia ke mana-mana kerana kerajaan yang ada ini lima tahun sekali dipilih oleh rakyat. Kalau rakyat tidak puas hati, dia tidak pilih kerajaan yang ada. Akan tetapi pegawai kena ingat, pegawai juga bekerja dengan kerajaan yang memerintah. Kalau dia buat kerja, janganlah buat kerja kontroversial. Jangan bagi sehingga rakyat marah kerana membuat kenyataan tanpa berfikir. Ini yang menjadi masalah kepada kita sekarang Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila gulung Yang Berhormat, sila gulung.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali saya hendak tegur sedikit sebab yang ini, sebab kita dinamakan sebuah negara. Walaupun bukan negara Islam tetapi orang tahu kita ini, Islam menjadi agama rasmi, agama persekutuan. Kalau boleh saya hendak minta kerjasama kerajaan untuk melihat tandas-tandas yang ada di lapangan terbang dan di kebanyakan tempat.

Tandas-tandas ini selalunya ada di sebelah- surau ini ada di sebelah tandas. Kebanyakan surau berada di sebelah tandas. Bila orang luar datang, *"Excuse me"*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *"Excuse me, where is your musollah, where is your surau? Oh, you walk there, it's beside the toilet."* Itu jawapan yang selalu kita dengar. Orang tanya kita pun, *"Dekat mana you punya surau? You jalan kat belah sana tu, sebelah tandas."* Kita akan kata sebelah tandas.

Saya tanya pada dia, kenapa *you* buat surau di sebelah tandas. Dia kata sebab *piping* untuk ambil wuduk senang, tidak payah tarik paip panjang-panjang. Ini jawapan yang diberikan oleh mereka terutama di Malaysia *airport*. Tidakkah surau pula duduk sebelah tandas. Ini sebab orang tanya surau, surau di mana, sebelah tandas. Dia tidak kata pun surau di sebelah *Aigner* ataupun surau di sebelah KFC, dia tidak kata. Dia akan kata surau di sebelah tandas. Yang ini kita kena buat perubahan sedikit. Jangan ada surau-sarau lagi dibangunkan di sebelah tandas. Kalau ada, tutup, buka surau di tempat lain. Biar jauh sedikit, tidak apa. Kita lebih jauh, lebih banyak pahala kita dapat untuk kita hendak jalan pergi solat. Janganlah buat surau di sebelah tandas. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, cukup.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Kemudian saya hendak gulung. Saya hendak sambung satu lagi ini. Ini masalah pak hitam-pak hitam yang datang dari Afrika. Kita ini hendak menjadikan negara kita hab pendidikan, janganlah marah. Bukan saya kata *you*, saya kata dari Afrika.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cepat Yang Berhormat.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Kita hendak jadikan hab pendidikan ini, kita benarkan mereka membuka universiti-universiti ataupun kolej-kolej swasta dan dengan sebab itulah kita bawa masuk ramai mereka ini terutama daripada Afrika yang sekarang ini telah pun menjadi masalah. Ini harus dipantau oleh kementerian supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi. Kalau tidak akan terus menjadi masalah kerana mereka ini datang bukan untuk hendak belajar sangat tetapi ada kegiatan-kegiatan lain yang dilakukan oleh mereka sehingga kita menjadi masalah sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mohon kerajaan kalau boleh juga sebab saya difahamkan baru-baru ini Tan Sri Ketua Setiausaha Negara telah pun membuat kenyataan akan menaikkan gaji penjawat awam selepas GST ini dijalankan. Cuma sekarang ini saya minta kalau boleh kerajaan juga mempertimbangkan selain daripada naik gaji pegawai-pegawai kita yang bekerja ini, yang banyak berkhidmat, yang membantu kita, naikkan gaji yang mana yang duduk dalam *closed service* ini juga diberi peluang untuk boleh berpindah. Ini kerana kita memerintahkan, menjadi masalah untuk kita hendak pindahkan mereka ke sana sini. Kerajaan yang sama, mereka ini bekerja dengan kerajaan yang sama bukan kerajaan lain. Kalau *closed service* tidak boleh pindah, kemudian yang paling ketara ialah mereka yang bekerja sebagai pegawai kontrak. Pegawai kontrak ini setiap dua tahun *renew*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Khairudin bin Samad:** Setiap dua tahun *renew*. Jadi saya minta kalau boleh kerajaan mempertimbangkan agar mereka ini diberi jawatan tetap. Terima kasih banyak Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sekarang, saya dengan ini turut menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan saya ucapkan jutaan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

■1620

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani.

4.20 ptg.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim... [Membaca sepotong ayat al-Quran] Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.*

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengambil kesempatan pada petang ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta berucap Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya terlebih dahulu mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana telah memberi kekuatan dan ilham kepada saya untuk turut sama memberi ucapan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan, Ahli-ahli Dewan yang saya muliakan. Perkara yang

pertama yang ingin saya sentuh dalam perbincangan saya pada petang ini ialah berhubung dengan soal perumahan rakyat yang masih membelenggu majoriti rakyat Malaysia keseluruhannya khususnya mereka yang berpendapatan rendah.

Masalah perumahan ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya memandangkan permintaan terhadap rumah kos rendah amat diperlukan terutama penduduk golongan sederhana dan rendah yang tinggal di kawasan bandar. Dengan meningkatnya harga rumah dan kurang bilangan rumah kos rendah yang dibina di bandar menyebabkan rakyat terasa tertekan dan terdesak untuk memiliki rumah dengan segera.

Mereka bimbang jika tunggu lebih lama harga rumah akan terus meningkat dan tidak mampu untuk mereka memilikinya. Walaupun banyak projek pembinaan rumah begitu rancak dilaksanakan di kawasan bandar seperti di Kuala Lumpur tetapi kebanyakannya rumah mewah yang berharga tinggi, yang dibina oleh pemaju swasta. Projek perumahan ini banyak disasarkan untuk pembeli yang berpendapatan tinggi dan kaya raya. Pemaju swasta hanya memikirkan soal keuntungan tanpa memikirkan obligasi mereka kepada rakyat golongan sederhana dan rendah.

Justeru itu saya mencadangkan supaya kerajaan tidak lagi memberi kepada pemaju swasta untuk membina projek perumahan di tanah kerajaan tetapi sebaliknya memberi kepada syarikat-syarikat GLC. Dengan cara ini diharap keutamaan akan lebih tertumpu untuk membina rumah rakyat pada harga yang lebih murah. Saya menyatakan demikian kerana ada pemaju yang tidak mengotakan janji mereka untuk membina rumah rakyat apabila diberi kawasan tanah oleh kerajaan.

Banyak contoh yang boleh kita lihat. Di kawasan saya pun ada Tuan Yang di-Pertua tetapi umumnya dapat mengetahui, tidak perlu saya ulang. Pada sesi yang lepas juga saya telah memberitahu kepada Dewan apa yang terjadi di kawasan Parlimen Batu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada kerajaan supaya memberi keutamaan membina rumah rakyat yang murah pada harga yang mampu ditanggung oleh rakyat. Sesungguhnya sungguhpun Perbadanan PR1MA merancang untuk membina 119,933 unit rumah merangkumi 95 buah projek seluruh negara, bilangan ini masih belum mencukupi untuk menampung keperluan rakyat yang begitu ramai memerlukan.

Mengikut kenyataan Pengerusi UDA rakan saya Yang Berhormat Dato' Johari Ghani, walaupun PR1MA menerima geran daripada kerajaan untuk melaksanakan projek perumahan rakyat, namun projek itu tidak membina rumah yang bernilai RM100,000 ke bawah. Jadi, macam mana hendak bantu mereka yang berpendapatan RM900 ke bawah iaitu pada tahap gaji minimum. Golongan ini ramai yang tinggal di kawasan bandar.

Dari sudut pemilikan rumah oleh kaum bumiputera masih lagi rendah. Menurut laporan yang memetik Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) pemilikan hartanah bumiputera masih lagi ketinggalan berbanding dengan bukan bumiputera pada tahun lalu dengan nisbah transaksi pembelian sebanyak 39.5%, manakala bukan bumiputera ialah 53.4%. Ini menunjukkan bahawa masih ramai lagi kaum Bumiputera yang amat memerlukan rumah.

Pendapatan purata bumiputera yang rendah berbanding dengan kaum lain menjadi faktor utama menyebabkan kaum bumiputera sentiasa dikaitkan dengan masalah untuk memiliki kediaman. Justeru saya memohon supaya PR1MA, Syarikat Perumahan Negara (SPNB) serta syarikat di bawahnya hendaklah bekerjasama untuk membantu merealisasikan agenda untuk membantu meningkatkan pemilikan harta, hartanah oleh kaum bumiputera.

Jadi, saya cadangkan kerajaan perlu mengadakan sistem kuota bagi pemilikan rumah rakyat oleh bumiputera. Di samping itu saya cadangkan supaya semua perumahan rakyat yang telah berusia lebih 40 tahun ataupun 30 tahun ke atas yang rata-ratanya kelihatan uzur, rata-ratanya keadaannya tidak sempurna, ia menyusahkan rakyat. Kalau bina rumah 40 tahun lepas kebanyakan rumah di Kuala Lumpur mempunyai sebuah bilik atau pun dua buah bilik yang sudah tentu tidak sesuai lagi untuk penempatan. Saya cadangkan supaya rumah-rumah sedemikian rupa dibangunkan semula dan ia kenalah diambil tindakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau pun KPKT dan ia juga mestilah ditawarkan semula kepada penduduk asal untuk terus berada di situ. Itu cadangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya kerajaan meningkatkan Program Projek Perumahan Rakyat di bandar-bandar. Program PPR hendaklah disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah, sederhana yang berkonsep sewa beli. Dengan cara ini dapat membantu mereka yang tidak berkemampuan dan bergaji kecil. Satu perkara lagi soal perumahan ini yang hendak saya bangkitkan ialah berhubung dengan kekurangan rumah kakitangan awam.

Kita amat berterima kasih di Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur pada minggu yang lepas Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan telah berusaha bekerjasama dengan pihak swasta membina rumah penjawat awam ataupun Rumah PPA 1Malaysia berhampiran dengan Putrajaya dan keluasan meliputi 1,000 kaki persegi Yang Berhormat sekalian. Harganya lebih kurang RM150,000. Tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, 1,000 kaki persegi keluasan rumah ditawar dengan harga RM150,000 dan dia ada beberapa kategori rumah. Rumah dengan keluasan 1,400 kaki persegi ditawarkan dengan harga bawah harga RM300,000.

■1630

Kita amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dan kita membantu penjawat awam. Kita merasa denyut nadi jantung rakyat. Akan tetapi Yang Berhormat-Yang Berhormat, kita melihat di kawasan-kawasan luar sana mungkin tidak ada sedemikian rupa. Mungkin tidak ada apa yang kita adakan hari ini. Akan tetapi untuk semata-mata penjawat awam kita membantu

Akan tetapi kita juga jangan lupa satu perkara yang sama bahawa ramai lagi di samping penjawat awam, ramai lagi rakyat biasa yang sangat memerlukan penempatan kediaman di kawasan Kuala Lumpur terutamanya daripada segi pekerja-pekerja am, pekerja-pekerja yang pendapatannya tidak seberapa. Pekerja hotel, pekerja berbagai-bagai yang pendapatannya hanya RM1,000, RM1,500 dan ini harus kita fikirkan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, CUEPECS telah banyak kali mengemukakan tuntutan supaya elaun rumah penjawat awam sebanyak RM180 yang diberi kepada kumpulan sokongan penjawat awam dinaikkan

kerana ia tidak lagi sesuai dengan keadaan sekarang. Saya harap kerajaan perlu memberi perhatian serius terhadap tuntutan ini bagi membantu kesusahan yang dialami oleh penjawat awam ini. Seramai 60% daripada 1.4 juta orang kakitangan awam adalah mereka yang berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan.

Di samping itu, saya juga mohon supaya kerajaan dapat membina lebih banyak lagi kuarters kakitangan kerajaan berhampiran dengan kompleks kerajaan. Sebagai contoh, Parlimen. Kita tengok, kita lihat di sekitar Parlimen masih banyak lagi tanah-tanah kosong yang luas. Di bawah sana tengah projek, saya tidak tahu projek apa yang dibina. Akan tetapi ini patut dilaksanakan sebab kita tahu kesusahan, keperitan. Kasihan Tan Sri, gaji sudahlah rendah. Terpaksa dari Cheras, daripada entah mana-mana, dari Seremban pun ada. Dari Kajang pun ada, terpaksa meredah dalam keadaan yang tidak selamat untuk sampai ke tempat kerja. Kalau ini dapat dibina, ini dapat dibuat, *in shaa-Allah* segala-galanya saya kira ia akan boleh menyelesaikan sedikit sebanyak tentang kehidupan, tentang perbelanjaan kakitangan terutamanya rakan-rakan kita di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, soal isu GST, saya tidak perlu.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Silakan Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat meninggalkan tajuk perumahan tadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, dalam ucapan Yang Berhormat, Yang Berhormat kata hanya 36% daripada perumahan negara dipunyai oleh bumiputera kalau dibandingkan lebih daripada 50% orang bangsa-bangsa lain.

Seperti yang kita tahu, kita ada dasar bahawa 30% daripada tiap-tiap projek akan diperuntukkan untuk bumiputera dan harganya di antara 7% hingga 10% lebih murah daripada harga biasa. Akan tetapi nampaknya dasar ini tidak berjaya kerana banyak kita dengar bahawa sungguhpun peruntukan diberi 30% ini, kaum bumiputera tidak dapat membeli rumah-rumah ini. Istimewa pula rumah-rumah yang berharga mahal. Apa pandangan Yang Berhormat kalau kita adakan peruntukan khas melalui agensi yang ditubuhkan supaya rumah-rumah yang diperuntukkan kepada bumiputera ini kalau tidak boleh dibeli oleh bumiputera, dibeli daripada peruntukan ini diberi sewa dulu kepada kaum bumiputera kemudian akhirnya orang yang menduduki secara sewa ini dapat membeli rumah ini dalam masa lima tahun, enam tahun atau tujuh tahun. Apakah pendapat Yang Berhormat?

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Saya amat bersetuju dengan pandangan tersebut. Rata-rata kita lihat hari ini Yang Berhormat, contohnya dalam kawasan sayalah, kawasan Parlimen Batu. Saya bukan Ahli Parlimen, saya juga Ahli Parlimen yang dilantik tetapi Ahli Parlimennya di sebelah sana, puak sana.

Rata-rata kalau kita lihat daripada perjalanan kita seperti yang saya sebut terdahulunya, bahawasanya terlalu banyak kondominium-kondominium mewah yang naik sebagai cendawan waktu pagi hari. Tanah lima ekar, tanah tiga ekar yang diperolehi oleh pemaju bercambah naik kiri dan kanan yang harganya rata-rata paling kurang RM500 ribu yang sudah tentu amat mustahil bagi kita bumiputera

khususnya orang-orang yang bekerja di sekitar Kuala Lumpur, penjawat awam untuk memiliki, untuk membeli rumah tersebut.

Jadi saya amat bersetuju dengan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Pelbagai mekanisme boleh kita fikirkan bersama, kerajaan boleh memikirkan bagaimana untuk memberi keselesaan kepada rakyat terutamanya kaum bumiputera. Jadi terima kasih atas cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tan Sri sebentar tadi.

**Tuan Chong Sin Woon:** Minta laluan.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Sila, sila.

**Tuan Chong Sin Woon:** Saya, satu soalan Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan Tan Sri Dato' Abdul Rahim yang mengatakan bahawa sekarang dasar kerajaan memperuntukkan 30% perumahan untuk bumiputera yang mendapat diskaun 7% sampai 10%. Akan tetapi masih tidak ada bumiputera yang tidak dapat membeli. Saya tidak faham. Kalau sudah ada peruntukan kuotanya kenapa tidak pula ada bumiputera yang dapat membeli rumah-rumah ini dengan harga diskaun. Minta Yang Berhormat.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Yang Berhormat. Di Wilayah Persekutuan saya hendak beritahu soal perumahan. Kita menetapkan bukan sahaja 30% untuk bumiputera malah kita mensyaratkan, Menteri telah mensyaratkan kepada pemaju perumahan untuk membina rumah di Wilayah Persekutuan mesti 50%, 30% untuk mampu milik dan 20% lagi untuk rumah kos rendah. Itu syarat yang diberi oleh Dewan Bandaraya dan juga kementerian kepada pemaju.

Berkenaan dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, soal 30%, kita memang tak tahulah di mana silapnya. 30% yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada bumiputera untuk memiliki kediaman di bawah harga mungkin harga mampu milik ataupun rumah kos rendah, PPR yang dibina oleh KPKT yang diselia kawal oleh Dewan Bandaraya ditawarkan kepada pembeli dengan harga RM32 ribu. Ditawarkan kepada orang Melayu RM32 ribu pun ada yang Melayu tidak mampu nak beli walaupun sudah duduk bertahun-tahun menyewa di rumah tersebut dengan kadar RM124 sebulan.

Ini masalah. Sama ada sikap ataupun apa-apa sahajalah kita tidak tahu masalah-masalah mungkin daripada segi kekangan ekonomi, tidak mampu dan sebagainya kita tidak tahu apa sebenarnya yang terjadi kepada nasib orang-orang Melayu. Sampai ke tahap itu. Kalau kita *offer* kepada orang-orang Cina, orang India, kita dapat- orang-orang Cina *offer* RM32 ribu, *offer* RM40 ribu bawa duit *cash* hantar ke bandar raya, beli sebab walaupun keluasan 700 kaki persegi-800 kaki persegi, ini merupakan aset kepada kita di bandar raya.

Jadi saya harap kita lihat kerajaan mungkin ada mekanisme yang tertentu yang boleh membantu orang-orang Melayu. Kita tahu di Wilayah Persekutuan, Yayasan Wilayah Persekutuan juga membantu bumiputera bagaimana untuk mendapatkan pinjaman dan sebagainya.

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Tuan Yang di-Pertua, kita berhenti soal rumah dululah.

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** Saya mohon mencilah.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Datuk Seri boss saya, saya minta maaf. Masa tidak berapa mengizinkan kalau saya layan lagi Tuan Yang di-Pertua tidak akan bagi saya bercakap satu jam...

■1640

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** Saya menolong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat hari ini giliran Yang Berhormat ada nanti Yang Berhormat bercakap.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Nanti sebut dalam ucapan Yang Berhormat sendiri ya, terima kasih. Satu perkara lagi saya hendak sentuh tentang agama Islam. Isu ini saya mahu bahaskan di sini ialah perkara berhubung dengan kedaulatan agama Islam. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham kenapa agama Islam kerap sangat dipersoalkan oleh golongan-golongan tertentu daripada rakyat bukan Islam. Saya minta maaf sebelum itu saya bukan hendak menyentuh sensitiviti sesiapa tetapi saya bercakap soal agama saya, agama Islam.

Negara Malaysia telah merdeka sejak 57 tahun yang lalu dan semua mengetahui bahawa agama Islam agama rasmi persekutuan negara seperti mana tercatat dalam Artikel 3(1), Perlembagaan Persekutuan. Walaupun demikian, Perlembagaan kita juga adil kerana membenarkan penganut agama lain mengamalkan fahaman agama masing-masing. Atas kefahaman ini penganut agama Islam tidak pernah mencuba mengganggu gugat kepercayaan agama lain sama ada agama Hindu, Buddha, Kristian dan Sikh.

Akan tetapi, kenapa ada setengah-setengah penganut agama lain cuba melakukan sedemikian terhadap Islam. Pelbagai kenyataan berbaur provokasi dan hasutan telah dikeluarkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan di antaranya daripada pemimpin politik sendiri seperti Ketua Menteri Pulau Pinang. Yang Berhormat Puan Norliza jangan lari. Ini hendak cakap fasal Ketua Menteri Pulau Pinang. Beliau antara lain cuba membakar perasaan dan tahap kesabaran Islam dengan memberi persetujuannya terhadap penggunaan kalimah "Allah" oleh orang bukan Islam di Pulau Pinang. Seolah-olah bidang kuasa untuk kebenaran penggunaan kalimah "Allah" itu berada dalam kuasanya sebagai seorang Ketua Menteri yang bukan Islam. Apa yang jelas polemik isu kalimah "Allah" ini sudah mendapat perhatian ramai sehingga boleh mengganggu-gugat kestabilan dan keharmonian berbilang bangsa di negara ini.

Pihak yang mencetus polemik ini seolah-olah sedang meraikan kemenangan mereka kerana berupaya mencemar agama Islam. Namun lebih menyedihkan lagi ialah apabila ada segelintir orang Islam sendiri yang telah menyokong tindak tanduk golongan yang hendak menjatuhkan Islam. Tiada siapa pun yang boleh menafikan bahawa dalam sejarah pembinaan negara bangsa. Sejak sebelum kedatangan penjajah lagi kalimah "Allah" adalah jelas merujuk kepada Tuhan yang Maha Esa. Bagi orang Islam, pelbagai simbol kebesaran negeri-negeri dan institusi kerajaan negeri hingga kini menggunakan moto yang dikaitkan dengan nama Allah seperti kepada Allah kita berserah. Sebagai manifestasi bahawa

inilah Tuhan bagi agama Islam agama kepada persekutuan menurut Perlembagaan Persekutuan dan agama kepada negeri menurut Undang-undang Tubuh Negeri.

Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Undang-undang Tubuh Negeri bagi negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak hendaklah memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah dilantik sebagai Ketua Agama Islam tersebut. Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan seterusnya memperkukuhkan status kepentingan Perlembagaan Negeri. Ini dengan menyatakan perkara-perkara yang perlu ada dalam Undang-undang Tubuh sesebuah negeri berkenaan dalam kes Pulau Pinang yang mana Ketua Eksekutifnya adalah seorang yang bukan beragama Islam, rujukan terhadap kuasa-kuasa pentadbiran agama Islam telah di maktub dengan begitu jelas dalam Undang-undang Tubuh Negeri Pulau Pinang. Perkara 5, Undang-undang Tubuh Negeri Pulau Pinang menyatakan bahawa Islam agama negeri bagi negeri Pulau Pinang sesungguhnya ia diketahui oleh seorang Ketua Menteri yang bukan beragama Islam. Peruntukan tersebut juga menggariskan bahawa Majlis Agama Islam Pulau Pinang hendaklah ditubuhkan bagi menasihatkan Yang di-Pertuan Agong dalam usaha agama Islam di negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, melihat akan keperluan tersebut satu fatwa dikeluarkan bagi memberi pencerahan terhadap tuntutan penggunaan kalimah "Allah" oleh bukan Islam di Pulau Pinang. Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang pada 7 Januari 2010 telah bersetuju dengan fatwa dikeluarkan oleh Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan pada 5 Mei 2008 yang memutuskan bahawa kalimah "Allah" hendaklah hanya digunakan secara eksklusif untuk umat Islam di negeri itu. Fatwa Pulau Pinang ini telah diwartakan pada 1 April 2010 dan sudah tentunya berkuat kuasa sebagai satu undang-undang dalam negeri itu. Perenggan lima dalam fatwa berkenaan turut menyatakan bahawa mana-mana orang Islam yang menerbit dan menggunakan beberapa kalimah yang antaranya kalimah "Allah" dikategorikan sebagai menghina kesucian agama Islam dilarang dan menjadi satu kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, gerakan oleh pelbagai pihak yang membuat tuntutan bagi penggunaan kalimah "Allah" oleh bukan Islam ini tidak hanya terhenti setakat itu. Menyedari bahawa institusi raja dan Mahkamah Syariah boleh menjadi penghalang terhadap penghakisan hak-hak eksklusif umat Islam tuntutan, penggunaan kalimah "Allah" dituruti pula dengan tuntutan pihak-pihak agar Mahkamah Sivil diberikan kuasa mutlak untuk membicarakan soal-soal berkaitan keluar masuk agama Islam seterusnya meminggirkan lagi kuasa-kuasa Mahkamah Syariah.

Tegasnya keputusan mana-mana pihak yang lain selain Yang di-Pertuan Agong dan Sultan bagi memberi izin kepada kalimah "Allah" digunakan oleh bukan Islam dalam negara kita akan membawa implikasi bahawa pihak berkenaan telah membuat keputusan ultra virus yang melangkaui bidang kuasa mereka kerana ia melanggar peruntukan Undang-undang Tubuh Negeri dan enakmen berkaitan yang diwartakan oleh setiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, jika penggunaan kalimah "Allah" dibenarkan juga digunakan oleh bukan Islam maka ia memberi implikasi yang bukan sedikit. Institusi Raja-Raja Melayu tidak lagi berkuasa untuk menjaga ketinggian agama Islam dan enakmen-enakmen berkaitan pengawalan agama Islam yang telah

diwartakan di negeri-negeri boleh sahaja dianggap terbatal dan tidak lagi berkuat kuasa. Tidak akan sampai begitu sekali lemahnya umat Islam di Malaysia hari ini. Adalah tidak munasabah untuk kita meminda pelbagai enakmen yang menjaga kesucian agama Islam dan mengubah landskap perundangan negara hanya semata-mata kerana menuruti kehendak segelintir golongan tertentu yang senantiasa sahaja mewujudkan polemik untuk menggegarkan keharmonian kita selama ini. Justeru itu, kerajaan perlu bertindak tegas dalam isu ini supaya tidak lagi dijadikan bahan polemik untuk memecahbelahkan perpaduan kaum di negara ini. Undang-undang syariah dan peruntukan yang diberi dalam Perlembagaan Negara dan enakmen negeri hendaklah diperkukuhkan.

Jika ada ruang kelemahan dalam undang-undang yang sedia ada saya cadangkan kerajaan mengkaji semula undang-undang tersebut bagi dibuat pindaan kepada perkara-perkara yang penting dan perlu.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Mohon mencelah.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Sila sila sila. Memang saya tunggu pun celahan.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat.

#### ■1650

Saya hanya ingin meminta pandangan Yang Berhormat, sebabnya di Pulau Pinang sekarang ini kerajaan negeri memberi larangan kepada masjid dengan mengeluarkan surat rasmi agar tidak boleh mengaji sebelum waktu azan. Kedua, azan subuh tidak boleh dilaungkan dengan kuat, sedangkan kita sendiri faham, saya rasa semua Ahli Dewan faham bahawa agama rasmi negara kita agama Islam. Selama hari kita berazan, azan dilaungkan tanpa masalah. Akan tetapi kenapa di Pulau Pinang dilarang? Itu yang pertama.

Kedua, saya hendak tanya apa pandangan Yang Berhormat mengenai majlis rasmi apabila dibaca doa bagi empat jenis doa. Sebagaimana yang kita tahu, apabila majlis rasmi kita hanya membaca doa Islam di mana kaum lain tunduk hormat. Satu sahajalah sebab kita telah termaktub bahawa agama rasmi kita agama Islam. Akan tetapi di Pulau Pinang, di sebuah majlis rasmi dibaca empat doa dari empat jenis agama. Jadi saya rasa ini agak bercanggah, tetapi tidak ada tindakan yang dapat diambil. Jadi apa pandangan Yang Berhormat, perlukah di peringkat Persekutuan harus mengambil berat mengenai undang-undang terutamanya yang bersangkutan-paut dengan agama. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Norliza. Sekurang-kurangnya-kurangnya dapatlah berhenti penat sikit, berhenti lelah orang kata. Pertama, soal azan. Saya bukan pakar agama, tidak macam ustaz Dato' Dr. Johari, mungkin ustaz Dato' Dr. Johari boleh menjawab. Akan tetapi pada pandangan saya, inilah yang berlaku kepada negeri-negeri yang kita tidak kuat, kita kata. Kalau di Selangor tidak ada masalah, sebab di Selangor PKR memerintah, Menteri Besar juga orang beragama Islam. Di Kelantan *of course* lagi tidak ada masalah, walaupun pembangkang

memerintah PAS. PAS memang berjuang bersama Islam, wadah perjuangannya Islam, lagi tidak ada masalah.

Akan tetapi di Pulau Pinang, yang menjadi Ketua Menteri bukan orang Islam. Sudah tentulah daripada segi kepentingan politiknya dia mengambil kira- ini pandangan saya Yang Berhormat Dato' Dr. Johari. Dia mengambil kira daripada segi geopolitiknya. Apabila kita tidak ramai dan mereka memerintah negeri tersebut melebihi dua pertiga majoriti, itu untuk majoriti, so mereka boleh membuat sewenang-wenangnya. Bukan soal azan, malah soal-soal lain, kehidupan masyarakat yang lain.

Kalau kita di Kuala Lumpur hendak runtuh gerai, kita rasa bimbang, kita rasa kesian. Pendapatan peniaga-peniaga kecil cukup kita kesian. Hendak runtuh gerai, bandar raya hendak runtuh gerai jumpa Timbalan Menteri, jangan, tolong. Di Pulau Pinang tidak. Apakah yang berlaku hari ini? Begitu juga dengan soal-soal keagamaan. Soal agama Islam dan soal empat doa. Saya tidak ariflah Yang Berhormat Dato' Dr. Johari. Saya tidak berapa arif, tetapi lazimnya tidak pernah berlaku sedemikian rupa. Sejak berlakunya, sejak PKR, sejak DAP mengambil alih Kerajaan Negeri Pulau Pinang, dulunya tidak berlaku dan di mana-mana pun tidak berlaku dalam negara kita. Ini kita kena lihat, minta Menteri JAKIMlah melihat keadaan ini.

Boleh membetulkan keadaan ataupun sebaliknya. Kita cuba lihat dan *in shaa-Allah*, kita yakin dan percaya dengan kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini dan JAKIM di bawah Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir, *in shaa-Allah* kita minta beliau melihatlah keadaan ini supaya ia jangan jadi berlarutan, berpanjangan. Jangan jadikan satu perpecahan, satu kejurangan yang jauh, jurangan yang cukup jauh, orang Islam tidak boleh mendampingi kaum-kaum lain, kita tidak mahu dalam sebuah negara yang kita hidup dalam keadaan harmoni seperti hari ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebab masa saya tahu Tuan Yang di-Pertua tengok saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Lama lagi Yang Berhormat?

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Sikit lagi sudah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sikit sahaja.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Saya sudah buang semua ini. Saya hendak cerita fasal- Ini pun satu hal juga Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya tidak cerita fasal masalah orang kampung saya ini di Parlimen Batu, saya balik ini silap-silap saya dicemuh dan saya dibaling dengan objek-objek yang boleh menyakitkan badan saya, tetapi saya kena ceritalah.

Tuan Yang di-Pertua, soal laluan jajaran MRT dari Kepong lencong terus masuk Parlimen Batu. Kita sedar, rakyat juga sedar, penduduk masyarakat di situ amat menyedari bahawa ini keperluan asas masa kini untuk memberi keringanan, kelegaan, untuk menghindari dari *traffic jammed* dan sebagainya. Kalau hari ini pagi-pagi kita lalu daripada Sentul hendak datang ke Parlimen pun ambil masa satu jam setengah, sangkut tempat berbagai-bagailah, di Sentul Pasar dan sebagainya. Akan tetapi inisiatif yang dibuat oleh kerajaan untuk membina MRT, kita mengalu-alukan dan terima kasih kepada kerajaan.

Akan tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, jajaran dari Kepong lalu ikut Batu masuk Kampung Delima, merintanggi Kampung Delima, kesian orang kampung Tuan Yang di-Pertua. Ketua kampung dekat

situ, ketua cawangan dekat situ sudah hampir gila Tuan Yang di-Pertua, hendak beritahu. Mereka menduduki kampung itu sejak tahun 1800 lagi. Datuk, nenek, moyang mereka, geran tanah pun geran putih, geran putih. Apabila laluan jajaran itu lalu merintang kampung mereka, tidak ada tempat untuk mereka mengadu, maka ketua bahagianlah menjadi sasarannya. Datang menangis, orang tua sudah 60 tahun lebih, dekat hampir 70 tahun sudah jadi macam sasau. Macam mana Datuk, tanah kami hendak diambil oleh laluan MRT. Walaupun dibayar pampasan mengikut harga semasa, tetapi duit tidak sama dengan tanah yang mereka milik sejak turun temurun dulu. *Sentimental value*. Maka saya cuba, berusaha berbincang dengan pegawai MRT, sebab di situ bukan semestinya laluan di atas kampung mereka. Mereka boleh buat laluan lain.

Di situ ada dua buah tasik, Timbalan Menteri tahu, faham. Sudahlah tasik itu dulu rakyat masyarakat itu ditipu oleh GPS. Kata hendak buat tebatan banjir, dipindahkan rakyat semua ke PPR, hari ini hendak buat MRT. Apa salahnya jajaran laluan yang hendak masuk ke Parlimen Batu merintang kolam-kolam yang sedia ada dan melencong sedikit. Saya rasa tidak ada masalah untuk memberi keselesaan, kelegaan, harapan kepada penduduk Kampung Delima. Jadi tidak salah saya sudah Tuan Yang di-Pertua, kalau orang kampung tengok pun saya memang bawa soal ini di Parlimen. Inilah merupakan tajuk, harapan mereka. Lebih kurang 60 buah keluarga di situ. Satu geran ada 7 orang, ada 8 orang, ada 10 orang, ada 12 orang. Kebanyakan mereka orang yang berada, orang ada duit. Soal kerajaan hendak bayar pampasan, dia kata duit bukan persoalannya. Persoalannya tanah dimiliki oleh mereka berpuluh-puluh tahun lamanya menjadi *sentimental value*.

Jadi harapan saya Tuan Yang di-Pertua, supaya dikaji semula. Ada laluan-laluan yang berpatutan yang boleh dari Kepong tembus kepada Taman Batu Permai, stesen LRT yang ada sekarang ini. Jadi itulah harapan saya di Parlimen Batu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Gulung Yang Berhormat.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Saya banyak hendak cakap ini Tuan Yang di-Pertua, tetapi masa cukup terhad. Banyak helai lagi kira hendak cakap ini. Soal parti pun saya hendak cakap. Soal gaji minimum pun saya hendak cakap.

■1700

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mengapa Yang Berhormat, kalau sekiranya sudah kemudian nanti tidak ada orang lagi hendak bercakap, saya beri peluang kepada Yang Berhormat.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua ini cukup baik, cukup prihatin sebab kita hendak cerita ini semua masalah rakyat. Bukan kita hendak cerita masalah kita, masalah gaji minimum pun masalah rakyat, masalah pendapatan tidak seberapa pun masalah rakyat, masalah penempatan pun masalah rakyat, masalah apa lagi? Masalah pendatang asing juga ada dalam teks ucapan saya. Itu juga masalah rakyat yang bertahun-tahun lamanya tidak pernah selesai Yang Berhormat, tidak pernah selesai.

Setiap sesi Parlimen kita bawa soal itu tetapi tidak juga selesai. Pendatang asing terus juga datang. Walaupun pelbagai mekanisme telah diwujudkan tetapi tidak juga selesai. Akan tetapi tidak

mengapalah Tuan Yang di-Pertua, saya cukup berpuas hati setelah saya dapat berceritakan sedikit tentang masalah penduduk masyarakat di Parlimen Batu.

Pertamanya fasal perumahan tadi kita tidak puas hati, kita cukup berasa kecewa dengan pemaju-pemaju yang berada di dalam kawasan kerana mendirikan rumah-rumah harga mahalunya, tidak mampu dibeli oleh orang-orang Melayu khususnya. Keduanya soal agama Islam yang saya ceritakan tadi. Bagaimana kita hendak memartabatkan agama suci kita. Ketiganya soal Kampung Delima yang cuba dirampas, yang cuba diambil, yang cuba dibangunkan kononnya oleh MRT, kasihan orang kampung Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih saya ucapkan sekali lagi, dan saya mohon menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Sekian, *wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Kepada semua Ahli Yang Berhormat saya sebenarnya selaku Tuan Yang di-Pertua, memang mengalu-alukan semua berucap dan saya meminta kerjasama kalau boleh kemukakan nama-nama. Akan tetapi kalau Yang Berhormat tidak kemukakan, *last minute* baru hendak hantar, sudah itu agak terpaksa kadang-kadang kita hendak fikirkan juga kalau perlu ramai bercakap kita mungkin tambah sampai malam.

Akan tetapi kalau sekiranya tidak ramai kita berhenti setakat mana yang ada hari ini. Inilah contoh-contohnya saya mohon kerjasama semua Yang Berhormat kemukakan siapa yang hendak berucap mungkin esok atau lusa. So, saya perhatikan pada 16 hari bulan, hari Khamis, tidak ramai hendak berucap. Kalau setakat ini sahaja, ada masa esok saya akan beri peluang kepada mana-mana yang ada, yang masih lagi banyak perkara yang tidak dapat dikemukakan, saya akan panggil semula. Contohnya tadi macam Yang Berhormat Datuk Yahaya.

Jadi bukan pada Datuk Yahaya sahaja malah semua juga, tapi beri kerjasama kemukakan siapa hendak berucap, waktunya, saya cuba semana boleh untuk memberi keselesaan kepada semua Ahli Yang Berhormat. Tanpa membuang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid. Selepas itu Datin Rahimah. Silakan.

### 5.03 ptg.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua terima kasih memberi peluang kepada saya. Saya memang sangat berminat untuk sama-sama membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Saya baca empat kali Tuan Yang di-Pertua, dia punya teks ucapan. Saya amati daripada muka ke muka. Salah satu ungkapan yang sangat menarik perhatian saya ialah apabila Baginda menyebut, "*Beta yakin setiap rakyat cinta pada perpaduan dan keamanan, namun terdapat segelintir pihak yang cuba menggugat perpaduan dengan mengadu domba dan menyebarkan fitnah dalam kalangan masyarakat termasuk di media sosial*".

Saya hendak ulas perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kalau kita biar penyakit ini menular, dia menjadi penyakit masyarakat terutama di kalangan generasi muda, bayangkan macam

mana masa depan Malaysia. Fitnah boleh buat bila-bila masa. Kita yang membuat fitnah itu telah tidak lagi bertanggungjawab. Contoh kita lihat, nyata sekarang. Misalnya yang terakhir dalam *Malaysian Insider* menyebut “*Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu memutuskan tentang hukuman hudud*”. Padahal tidak bincang langsung pun.

Kita tengok ada penafian. Kita juga tengok ada orang sudah kena hukum, kemudian menyatakan bahawa hakim-hakim kita syaitan. Ini budaya yang sekarang sedang menular dalam masyarakat Malaysia dan banyak contoh lain. Sedangkan kita juga boleh berhujah. Proses mahkamah mengambil masa semaksimum bagi orang yang berkenaan bagi untuk mendapatkan keadilan. Akan tetapi sudah jatuh hukum sepatutnya kena terima.

Kita juga tengok insiden di Indonesia di mana dua orang warganegara Australia kena jatuh hukuman gantung, mengedar dadah, cuba diselamatkan tetapi Indonesia kata itu undang-undang dia dan kena hormati. Kita di Malaysia meliwat salah. Itu hukuman kita. Akan tetapi apabila kita kena, kita hendak kaitkan misalnya dengan hukum yang berlaku di Eropah atau pun Amerika bahawa meliwat itu tidak salah daripada segi undang-undang.

Saya tertarik Tuan Yang di-Pertua dengan ucapan yang dibuat oleh Senator Dr. Ariffin pagi tadi. Dia kata kita sepatutnya mengikut semangat Perlembagaan, semangat rukun negara tetapi apa kata rukun negara? Salah satu daripadanya ialah kesetiaan kepada raja dan negara. Manakah kesetiaan kita kepada raja kita? Keluhuran undang-undang. Undang-undang sudah buat keputusan, mana kita kata kita patut hormat kepada keluhuran undang-undang. Kita kena jaga kesopanan dan kesusilaan. Adakah kita bersusila?

Apabila sesuatu keputusan mahkamah telah dibuat tetapi kita tidak menerimanya. Saya membangkitkan perkara ini Tuan Yang di-Pertua kerana kalau penyakit ini tidak dibendung, menular, percayalah dia akan memecahbelahkan negara kita.

■1710

Sebab itu saya tidak tahu pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tetapi saya di dalam Dewan yang mulai ini tetap menyokong supaya Akta Hasutan tidak dihapuskan. Kita buat Akta Hasutan tahun 1948, saya lahir 1949- 1948 zaman British lagi maknanya British pada waktu itu telah melihat sosio, budaya dan politik Malaysia yang pelbagai kaum ini dan hasutan musuh besar negara. Sampai sekarang pun kalau kita tengok apa perkara yang saya sebutkan tadi, ia menjurus kepada cuba menghasut dan memecahbelahkan.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya kita juga berhadapan dengan isu komen-komen yang keterlaluan. Ini saya hendak cakap terus terang secara terbuka dalam Dewan yang mulia ini dan saya sebagai Ahli Dewan saya bertanggung jawab atas kenyataan saya. Hubungan antara Dr. Mahathir dengan Perdana Menteri. Kita sudah tahu saya tidak payah ulas panjang dan harapan kita ialah supaya ia menuju ke arah kebaikan. Cuma saya hendak ingatkan kita Ahli-ahli Dewan yang mulia ini sebagai contohnya bila sudah pencen buat cara pencen.

Tuan Yang di-Pertua, cuba bayangkan Tan Sri Ali Rustam, dia dahulu bekas Ketua Menteri Melaka, kalau sekarang apa yang dibuat oleh Ketua Menteri Melaka dia komen, haru biru tak Melaka? Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah dahulu dia Naib Canselor UiTM, kalau sekarang dia menyatakan komen dia hari demi hari terhadap pentadbiran UiTM sekarang, haru biru tidak? Jadi maksud saya, siapa makan lada dia rasa pedas. Patut-patutlah. Dan saya hendak menyatakan bahawa kami yang daripada Barisan Nasional di dalam Dewan yang mulia ini memang menyokong penuh 100% kepada Perdana Menteri.

Cuma saya hendak pantun sedikit Tuan Yang di-Pertua, ini saya maksudkan kepada keduanya,

*Balau dipahat disimpai-simpai,  
Bersisik warnanya buat cemeti,  
Kalaulah nasihat hendak disampai,  
Berbisiklah sambil minum kopi".... [Tepuk]*

Saya memang mengharapkan, ini saya rasa bukan suara saya seorang tetapi suara rata-rata Ahli Dewan Negara di dalam Dewan ini minta supaya ada titik noktah terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dari Johor, saya hendak membangkitkan..

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Minta laluan. Sekejap sahaja.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Boleh.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai Presiden Majlis Senator Malaysia, saya sokong 100% apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi supaya negara ini akan terus maju dan kita melihat ke hadapan. Sudah itu sudah lah. Mari lah kita bersama-sama untuk menjalankan tugas. Terima kasih [Tepuk]

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, masa itu tolak daripada masa saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** [Ketawa] Silakan silakan.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Saya dari Johor, saya dapat maklum bahawa pemimpin Malaysia dan Singapura akan melakukan mesyuarat permukiman pada 5 Mei hadapan, *in shaa-Allah*. Saya mengharapkan supaya beberapa perkara ditimbulkan dalam mesyuarat tersebut.

Pertama, supaya dapat diatasi masalah kesesakan Johor Bahru-Singapura setiap pagi setiap petang. Ada lebih kurang 43,000 orang rakyat Malaysia bekerja di Singapura. Memang setiap pagi setiap petang, pagi waktu pergi, petang waktu balik akan sesak sesesaknya. Perkara ini 15 tahun telah berlalu. Saya hendak mencadangkan supaya Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib bawa perkara supaya *Rapid Transit System* dilaksanakan segera antara Singapura dan Johor. Ia lebih bermanfaat untuk diambil tindakan daripada melayan kerenah-kerenah remeh.

Yang kedua, difikirkan satu cara macam mana orang Singapura masuk ke Malaysia melalui Johor Bahru begitu juga orang Malaysia melalui Johor Bahru masuk Singapura, mungkin melalui satu sistem *one card touch* boleh terus masuk dan dengan sekali *touch* itu sahaja, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dia sudah dapat menyelesaikan semua masalah pembayaran tol, identifikasi diri dia supaya kerenah birokrasi ini dapat kita selesaikan. Bila saya sebut begitu saya sebut atas semangat ASEAN.

Begitu juga kami di Johor berkehendakkan supaya jambatan persahabatan dibina dan projek itu diteruskan. Jangan buat jambatan bengkok. Jambatan bengkok bererti pemikiran kita pun bengkok [*Ketawa*] Ia adalah satu keperluan seperti yang saya sebutkan tadi, keutamaan untuk menyelesaikan masalah kesesakan yang hari-hari sekarang berlaku. Orang Singapura pun juga banyak datang ke Johor dan dia mengambil kesempatan membeli barangan keperluan harian mereka.

Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua, ialah *causeway* yang sedia ada itu telah pun tersekat pengaliran airnya, iaitu tersumbat. Daripada segi alam sekitar, ikan pupus, airnya pun ada bau tidak bagus dan saya rasa elok difikirkan antara kedua-dua kerajaan supaya diatasi perkara ini. Sekarang saya hendak pergi kepada masalah rakyat tetapi wakil rakyat.

#### ■1710

Tuan Yang di-Pertua, secara seriusnya saya hendak beritahu terus terang dalam Dewan ini bahawa saya membangkitkan perkara ini saya tidak ada apa-apa kepentingan. Kalau elaun Senator tidak naik pun, saya terima dengan redha. Saya bekerja untuk negara saya. Akan tetapi yang saya hendak bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, sambil saya mengucapkan terima kasih banyak kepada Dewan Rakyat yang telah memberi kelulusan, Senator naik RM11,000, Ahli Dewan Rakyat RM16,000. Apa yang saya hendak pertikaikan ialah begini, kita ini semua sekali Ahli Parlimen kenapa ada perbezaan elaun?

Bolehkah saya menyatakan begini, kita ada beberapa orang Senator yang menjadi Menteri. Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Datuk Paul Low Seng Kuan, Dato' Sri Iris Jala, Dato' Dr. Loga Bala Mohan kemudian Datin Paduka Chew Mei Fun. Mereka menjadi Menteri dan Timbalan Menteri tetapi kerana mereka daripada Dewan Negara, mereka dapat gaji lebih sikit daripada Menteri yang lain, boleh kita terima? Tidak boleh terima. Ataupun saya ambil elaun yang Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara lebih rendah daripada Dewan Rakyat sebab Ahli Dewan Rakyat ramai. Boleh terima atau tidak boleh terima?

**Beberapa Ahli:** Tidak boleh.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Tidak boleh terima. Jadi atas dasar itu, pada prinsipnya ini Tuan Yang di-Pertua supaya sepatutnya Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat elaunnya mesti sama tetapi kita sedar kalau kata Dewan Rakyat, dia bekerja lebih, ada kawasan pilihan raya, ada masalah-masalah dalam kawasan yang dia hendak tampung, berilah perks, dengan izin, yang lebih kepada mereka. Itu masalah rakyat yang saya hendak bawa iaitu masalah wakil rakyat. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, kita jadi bercelaru. Bercelaru macam mana? apa-apa bil diputuskan dahulu dalam Dewan

Rakyat, kemudian dibawa di dalam Dewan Negara, mesti juga diputuskan baru dijadikan undang-undang untuk pelaksanaan.

Daripada segi protokol dipanggil Yang di-Pertua Dewan Negara dahulu, Ahli-ahli Dewan Negara dahulu kemudian baru Dewan Rakyat. Macam mana ada perbezaan? Jadi saya hendak mencadangkan kalau semua Ahli-ahli bersetuju bahawa apabila bil ini dibentangkan dalam Dewan Negara, kita bersetuju tetapi mesti diselaraskan daripada segi elaanunya dengan Ahli-ahli Dewan Negara [*Tepuk*] Itu maknanya setuju. Kalau tidak ada pula orang yang tidak sebut, jangan luluskan kita tangguhkan dahulu [*Ketawa*] Itu saya tidak mempengaruhi sebab saya sudah cakap awal-awal tadi bahawa saya tidak ada apa-apa kepentingan. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya mengikuti dengan teliti hujah Yang Berhormat kerana Yang Berhormat dapat mengolah dengan begitu baik, saya rasa apa Yang Berhormat cakap itu ada kebenarannya [*Tepuk*] Sila teruskan.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Boleh saya mencelah sedikit Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, habis masa. Masa pun sudah cukup.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** *Insyallah* doa kepada Allah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, teruskan.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak atas pandangan Tuan Yang di-Pertua tetapi bukan saya katakan tadi saya ada apa-apa kepentingan tetapi ini ikhlas, betul-betul untuk memberikan pengiktirafan kepada Dewan Negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal prinsip [*Tepuk*]

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Soal prinsip. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak membawa satu perkara yang dibangkitkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong apabila Baginda menyebut, "*Beta menyambut baik usaha-usaha berterusan memperkukuh kawalan keselamatan dan ketenteraman awam khususnya menangani ancaman pengganas di Sabah.*" Dalam Dewan yang mulia ini, saya hendak memberikan maklum balas bahawa dan sekali lagi saya bertanggungjawab bot-bot ESSCOM yang kita beli, ia tidak boleh kita hendak isi minyak. Sekarang dalam siasatan SPRM. Begitu juga satu lagi siasatan yang SPRM sedang lakukan sekarang ialah kapal-kapal kita di TUDM, Lumut *turbine* dia sebenarnya dibuat secara *local*, kos lebih kurang antara RM5,000 hingga RM8,000 satu unit tetapi kita *claim* kepada kerajaan kononnya ia buatan Perancis dengan harga RM300,000.

Apabila saya menyebut hal ini, senang saja Tuan Yang di-Pertua, kita negara yang sekelilingnya perairan. Kita yang sangat penting patut lengkap dan *efficient* dengan izin, daripada segi ketenteraan laut kita. Perkara macam ini masih lagi berlaku. Saya memang minta betul-betul kepada Dewan yang mulia ini supaya Menteri Pertahanan ambil tanggungjawab siasat betul-betul mereka yang tidak betul ini bawa ke muka pengadilan. Secara jangka panjangnya kita hendak Malaysia aman. Apabila kita hendak Malaysia aman, kelengkapan kita mestilah setanding dan juga sangat efisien, tidak seperti apa maklum balas yang saya dapat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Saya ada beberapa perkara lagi sebenarnya yang hendak disebut tetapi tidak apa, saya hendak berhenti di sini, saya bagi peluang kepada kawan-kawan yang lain dan dengan itu saya menyokong Titah Diraja itu. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.* Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah.

**5.29 ptg.**

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya juga berasa bertuah kerana saya dan rakan-rakan seperjuangan sekali lagi dapat kembali ke Dewan yang mulia ini untuk bersidang bagi pembukaan Dewan Negara bagi Sesi Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ke-13. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk bangun mengambil bahagian membahaskan Titah Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, terima kasih banyak tetapi nampaknya masa saya nyatakan pukul 5.30, saya tangguhkan mesyuarat pada hari ini dan kita sambung esok. Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 15 April 2015.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.]***